

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Kedatangan Islam di tanah Melayu telah mengilhami berlakunya perubahan-perubahan asasi yang membawa akibat hebat dalam sistem kehidupan masyarakat Melayu.¹ Agama Islam telah membawa ajaran dan tamadun yang lebih tinggi dan lengkap, lebih rasional dan logik serta lebih mudah diterima oleh masyarakat Melayu.² Meskipun tidak dapat dinafikan bahawa sejarah masyarakat Melayu telah juga terpengaruh dengan banyak agama dan kepercayaan, seperti Animisme, Hindu, Budha dan Islam. Namun begitu, berbanding dengan pengaruh kepercayaan agama lain, ternyata sekali Islam telah meninggalkan impak yang cukup mendalam mengatasi agama-agama lain bagi masyarakat Melayu.³

Perkahwinan di alam Melayu adalah antara perkara yang mengalami proses pembaharuan selepas kedatangan Islam, sama ada secara konsep mahupun praktikal. Di

¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 56. Beliau mengatakan: “Hanya dengan kedatangan Islam, yang membawa kedalam perolahan sejarah kepulauan ini dua unsur lain yang tadinya tiada nyata, yaitu unsur-unsur penyatuan satu bahasa sastera dan satu agama serta segala perkara kebudayaan yang bersangkutan dengannya, barulah sempurna dalam sejarah Melayu-Indonesia faham keperibadian sendiri yang membentuk faham kebangsaan”.

² Haji Abdullah Ishak (1992), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Pusat Islam, c. 2, hal. 134.

³ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), *Pemikiran Reformis Melayu Semasa: Suatu Analisis*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu, Anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, pada 18 – 19hb Juni 2002. Lihat juga dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *op.cit*, hal. 3 dan 12. menegaskan “pada kebiasaannya dalam penulisan sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia perbandingan-perbandingan yang direkakan oleh para sarjana dan ahli sejarah Barat mengenai kiasan-kiasan yang berlaku dalam sejarah adalah perbandingan dengan sejarah benua India, yang dianggap oleh mereka seolah-olah mewujudkan segala peristiwa sejarah kita”. Lebih lanjut Ianya mengatakan : “justeru dalam sharahan ini memanglah maksud saya untuk memajukan dan memperkenankan suatu pandangan baru, suatu teori baru mengenai peranan Islam dalam sejarah Asia Tenggara, khususnya dalam sejarah Kepulauan Melayu Indonesia.”

alam Melayu kuno, konsep perkahwinan sangat dipengaruhi oleh sistem kasta yang membahagikan masyarakat dalam empat golongan *Brahmin, Ksatria, Vaisya* dan *Sudra*.⁴

Selepas kedatangan Islam ke rantau ini, konsep kasta dilihat tidak lagi relevan kerana Islam menegaskan bahawa manusia berasal dari Adam dan Hawa. Kedudukan dan taraf manusia dinilai berdasarkan iman dan takwanya, bukan pada pangkat dan darjat kebangsawanan seperti yang diamalkan oleh tamadun Hindu melalui sistem kasta tersebut.⁵

1.2. Latar Belakang Masalah

Perkahwinan dalam Islam merupakan sistem yang disyariahkan bagi mengatur hubungan antara seseorang lelaki dan perempuan. Ianya merupakan sesebuah perbuatan suci yang tidak sahaja bertujuan untuk memperolehi zuriat dan keturunan, serta sarana yang akan menjauhkan manusia daripada perbuatan keji dan dosa, namun lebih daripada itu, perkahwinan merupakan wujud ketaatan dan ibadah kepada Allah SWT.⁶

Oleh itu, al-Quran secara tegas telah menyatakan bahawa berkahwin dan berkeluarga adalah sunah para Rasul sejak Nabi Adam *'Alaih al-Salām*, sepertimana Firman Allah SWT:

⁴ Mahayudin Hj. Yahya (1998), *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 109.

⁵ Ali Mohammad (2008) *Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu Hingga Abad Ke 17M*. Journal of al-Tamaddun, 3 . hal. 73

⁶ Abu A'la al-Maududi (1994), *Pedoman Perkawinan Dalam Islam*, Alawiyah (terj). Jakarta: Dar al-Ulum Press, hal. 2

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِنْ قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً

Bermaksud:

“ Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutus Rasul-rasul sebelummu dan Kami menjadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriyat.”

(Quran Surah al-Ra’du: 38)

Begitupun Rasulullah SAW telah memerintahkan kepada umatnya untuk bersegera berkahwin bila telah mampu, sebab ianya akan lebih menjaga pandangan dan memelihara kemaluan, sepertimana dalam sabdanya:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ ، مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ ، فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصْرِ ،
وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ ، فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

Bermaksud:

“Wahai para pemuda, sesiapa diantara kalian telah memiliki baah,⁷ maka hendaklah dia berkahwin, sebab sesungguhnya berkahwin itu akan lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kemaluan, dan sesiapa yang tidak mampu, hendaklah berpuasa, sebab sungguh ianya akan menjadi perisai”⁸

Manakala dalam memilih jodoh, Islam telah menjadikan agama sebagai faktor utama dalam memilih pasangan hidup, sepertimana sabda Rasulullah SAW:

⁷ *Ba'ah* memiliki makna yang pelbagai, menurut bahasa ianya bererti *jimā'*, dan makna inilah yang difahami oleh Ibn Mas'ūd perawi hadith, sehingga ianya menolak ketikamana Uthman menawari seorang gadis muda, kerana sedar bahawa ianya telah berumur tua dan menganggap dirinya sudah tidak mampu lagi sepertimana seseorang pemuda. Dan dikatakan juga bahawa makna *bā'ah* adalah mampu untuk memenuhi keperluan rumah tangga, pendapat ini dikukuhkan dengan *khiṭāb* yang ditujukan kepada pemuda yang secara lazimnya mereka berkemampuan ke atas *bā'ah* yang bererti *jimā'*, maka Rasulullah SAW mensyaratkan kepadanya mampu dalam memenuhi keperluan rumah tangga. Lihat dalam 'Aṭiyah Ṣaqr (2006), *Mausū'at al-Usrah taḥt Ri'āyah al-Islām, Marāḥil Takwīn al-Usrah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, , cet. 2, juz. 1, hal. 106.

⁸ Al-Bukhārī (1400 H), *al-Jāmi' al-Saḥīḥ*. Kaherah: Matba'ah al-Salafiyah, , cet. 1, hal. 355, no. 5066, Al-Nawāwī (1929 M), *Saḥīḥ Muslim Bi Sharḥ al-Nawāwī*. Kaherah: Maṭba'ah Miṣriyah, , cet. 1, juz 9, hal. 172.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تُنكَحُ الْمَرْأَةُ
لأَرْبَعِ لِمَاهَا وَحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرِ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ

Bermaksud:

“Dari Abū Hurairah –Radiyallahu ‘Anh- , dari Nabi SAW bersabda: “ Wanita itu dinikahi kerana empat perkara, hartanya, nasabnya, kecantikannya dan kerana agamanya, pilihlah wanita yang memiliki agama, maka beruntunglah kedua tanganmu”⁹

Konsep perkahwinan dalam Islam inilah yang secara beransur-ansur mulai bertapak menggantikan sistem sosial Hindu di alam Melayu Nusantara. Berjayanya sistem perkahwinan Islam ini, tidak terlepas daripada pengaruh karya-karya ilmiah ulama Melayu dalam pelbagai bidang, sama ada dalam bidang akidah,¹⁰ akhlak dan tasawuf,¹¹ fiqh,¹² tafsir,¹³ hadis,¹⁴ politik dan pemerintahan,¹⁵ sastera,¹⁶ hingga perubatan.¹⁷

⁹ Al-Bukhārī (1400 H), *op.cit.* hal. 360, no. 5090 , al-Nawāwī (1929 M), *op.cit.* hal. 51

¹⁰ *Risālah Tubayyin Mulāḥazāt al-Muwaḥḥidīn wa al-Mulḥidīn fi Dhikr Allah, Kitāb Nur al-Daqā' iq fī Kashf Asrār al-Daqā' iq, Shu'ab al-Īman Haqīqat al-Ma'rifah dan Mir'āt al-Īman* karya Shams al-Dīn al-Sumatra'i, *Durrat al-Farā'id bi Sharḥ al-'Aqā'id, Tibyān li Ma'rifah al-Adyān, Al-Lama'ān fī Takfīr man Qāla bi Khalq al-Qur'ān, Hidāyat al-Īman bi Faḍl al-Mannān, Alāqat Allah bi al-A'lām, al-Fatḥ al-Wadūd fī Bayān Waḥdat al-Wujūd, 'Ayn al-Jawwād fī Bayān Waḥdat al-Wujūd* dan 'Audah al-Sabīl laisa li Kalām al-Mulḥidīn Ta'wil karya Nur al-Dīn al-Rānirī, *Umdat al-Muḥtājīn ilā Sulūk Maslak al-Mufīdīn dan Usūl al-Taḥqīq* karya Abd al-Ra'ūf al-Singkelī, *Zahrat al-Murīd Ilā Bayān Kalimāt al-Tauḥīd* karya Abd al-Ṣamad al-Falimbānī. Lihat dalam Hashim bin Hj Musa (2006), *Some Studies On The Manuscript And Texts On Malay Sastera Kitāb: A Brief Survey*. Jurnal Filologi Melayu, Jilid 14, hal. 88-99

¹¹ *Hidāyat al-Sālikīn fi Sulūk Maslak al-Muttaqīm dan Siyar al-Sālikīn ilā 'Iḥādāt Rabb al-'Ālamīn* karya Abd al-Ṣamad al-Falimbānī, *Sabīl al-Muḥtadīm* karya Sheikh Muhammad Arshad al-Banjārī, *Tarjamah Bidāyat al-Hidāyah dan Minhaj al-'Ābidīn* karya Dawud bin Abdullah bin Idris al-Faṭānī. Lihat dalam Azyumardi Azra (2007), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group, cet.3, hal. 302-334

¹² *Sirāt al-Mustaqīm, Kaiḥiyah al-Ṣalāh dan Bab al-Nikah* karya Nur al-Dīn al-Rānirī, *Mir'ah al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifah al-Aḥkām al-Shar'iyyah li al-Malik al-Wahhāb, Kitāb al-Farā'id* karya Abd al-Ra'ūf al-Singkelī, *Sabīl al-Muḥtadīm* karya Muhammad Arsyad al-Banjārī, *Bughyah al-Ṭullāb al-Murīd Ma'rifat al-Aḥkām bi al-Sawāb, Furū' al-Masā'il wa Usūl al-Masā'il, Jāmi' al-Fawā'id, Hidāyat al-Mut'allim wa 'Umdat al-Mu'allim, Muniyyat al-Muṣallī, Nahj al-Rāghibīn fī sabīl al-Muttaqīm,*

Di lain sisi, sebahagian ulama Melayu juga telah menumpukan kajiannya secara khusus tentang perkahwinan dalam Islam seperti *Bab al-Nikāh* karya Nur al-Din al-Raniri,¹⁸ *Iḍāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb* karya Sheikh Daud Abdullah al-Fatani,¹⁹ *Minhāj wa-Minhaj al-Qawī*,²⁰ *Hukum Nikah Kahwin*,²¹ *Talkhīs al-Falāh fi bayān Aḥkām al-Ṭalāq wa al-Nikāh* karya Muhammad bin Yusuf al-Sanusi,²² *Du`a-misbāh fi faskh al-Nikāh* karya Muhammad Basuni Imran,²³ *Risālah Aḥkām al-Nikāh* karya Abu Bakar Haji Muhammad Yasin, Haji,²⁴ *Bāb al-Nikāh*.²⁵

Ghāyat al-Taqrīb dan Iḍāh al-bāb li Murīd al-Nikāh bi al- Ṣawāb karya Dawud bin Abdullah bin Idris al-Faṭānī. lihat dalam Azyumardi Azra (2007), *op.cit.* hal. 225-340.

- ¹³ *Tarjumān al-Mustafīd* karya Abd al-Ra'ūf al-Singkelī, *Tafsīr Nawāwī* karya Sheikh Nawawi Banten, *Tafsīr al-Azhar* karya HAMKA, *Tafsīr al-Nur* karya Tengku Hasbi Asshidiqy. Lihat dalam Muhammad Shamsu As (1999), *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan sekitarnya*. Jakarta: Penerbit Lentera, , cet.2, hal. 246.
- ¹⁴ *Sharḥ al-Arba 'm* dan *al-Mawā'iz al-Badī'ah* karya Abd al-Ra'ūf al-Singkelī.
- ¹⁵ *Bustān al-Salāṭīn* karya Nur al-Dīn al-Ranirī.
- ¹⁶ *Asrār al-`Arifīn, Sharab al-`Ashiqīn dan al-Muntahī* oleh Sheikh Hamzah Fansuri, *Gurindam duabelas* oleh Raja Ali Haji (1809-1872), *Hikayat Faridah Hanum* (sebuah novel Melayu pertama) oleh Syed Sheikh al-Hādī (1867-1931), *Di bawah Naungan Ka'bah* oleh HAMKA (1908-1981) dan karya-karya sastra yang lain, lihat dalam Abu Hassan bin Mohammad Sham (2004), *Sharahan Perdana, Ulama Nusantara: antara penghasilan karya kreatif dan Kitab Jawi*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hal. 13-42.
- ¹⁷ *Kitāb Ṭayyib al-Ihsān fi Ṭibb al-Insān* karya Aḥmad bin Muḥammad Zayn bin Mustafā bin Muḥammad al-Faṭānī.
- ¹⁸ BP158 M3BAB, *Inilah kitab yang bernama Bab al-Nikāh pada bichara hukum berkahwin dan barang yang bergantung dengan dia daripada segala sharat dan rukunnya dan talaq dan lainnya diterjemahkan dengan Bahasa Melayu*, PPZ: Perpustakaan Peringatan Za'ba.
- ¹⁹ Ca. 1763-ca. 1845, *Inilah kitab yang bernama Iḍāh al-Bāb li-Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb dengan Bahasa Melayu*, Islamic Studies Library - Nilam Puri dan BP158 M3FAT, *op.cit.* STACKS
- ²⁰ Mss. 304, *Minhāj wa minhāj al-Qawī*, PUUM: Perpustakaan utama Universiti Malaya. Kitab tidak di kenali siapa pengarangnya.
- ²¹ Mss. 322, *Hukum Nikah Kahwin*, PPZ: Perpustakaan Peringatan Za'ba.
- ²² Ca. 1427-ca. 1490, *Talkhīs al-Falāh fī Bayān Aḥkām al-Ṭalāq wa al-Nikāh*, XX(562787.1), PUUM: Perpustakaan utama Universiti Malaya.
- ²³ XX(546604.1), *Du`a Misbāh fī faskh al-Nikāh*, PUUM: Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ²⁴ 252.8 ABUBMY, *Risālah Aḥkām al-Nikāh*, Islamic Studies Library - Nilam Puri

Karya-karya para ulama Melayu yang sebahagian besar masih dalam bentuk manuskrip ²⁶ ini merupakan khazanah bangsa yang sangat berharga dan perlu dilindungi. Jika tiada usaha diambil untuk memelihara dan mengekalkannya, kita akan kehilangan suatu tamadun ilmu yang mungkin tidak akan didapati lagi pada zaman moden ini.²⁷

Sebahagian karya-karya ini, telahpun dikaji oleh ramai penyelidik dari pada pelbagai aspek seperti bahasa, penulisan dan juga kajian dari sudut ilmiah. Namun demikian, masih kedapatan karya-karya para ulama Melayu yang belum dikaji dengan sebenar, antaranya adalah Kitab *Jadual Nikah* karya ilmiah Guru Haji Isma'il Mundu, mufti kerajaan Kubu, Kalimantan Barat.²⁸

Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini masihpun dikaji oleh ramai orang sehingga kini di kelas-kelas agama terutamanya di kawasan Kalimantan Barat dan juga menjadi bahan rujukan oleh sebahagian penghulu (juru kahwin). Keringkasan kitab dan metod soal jawab yang digunapakai Guru Haji Isma'il Mundu dengan senarai penomboran jawapan telah membuat kitab ini mudah difahami dan

²⁵ BP158 M3BAB, *Bāb al-Nikāh*, penerbit Maṭba'ah Haji Muhammad Amin, A.H. 1310, PPZ: Perpustakaan Peringatan Za'ba.

²⁶ Manuskrip adalah karya-karya yang bertulis tangan, terutama sekali dalam tulisan Jawi yang dihasilkan seawal-awalnya pada akhir abad ke-15 atau dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya pada awal abad ke-20. Lihat dalam Warisan Manuskrip Melayu (2002) , Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu, melestarikan manuskrip Melayu, Warisan Agung Bangsa* (2006). Kuala Lumpur: Percetakan Watan SDN, BHD, cet. 1, hal. 200.

²⁷ Isma'il Hussein (1984), *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hal. 33.

²⁸ Naskhah kitab ini penulis dapati daripada salah seorang zuriyah daripada muridnya yang masih hidup dan tinggal di Pontianak Kalimantan Barat iaitu Syeikh H. Riva'i Abbas, dalam naskhah kitab ini tidak didapati tahun cetaknya dengan sebenar, namun pada halaman akhir kitab didapati keterangan akhir dari pada penulisan kitab ini pertanggal 1hb Jamadil awal 1357 H, juga pujian dari *Qāḍī Quḍāt* Singapura pada halaman kedua pertanggal 7hb Rabiul Akhir 1358 H.

efektif dalam memberikan jawapan keatas kes-kes dan masalah-masalah yang berhubungkait dengan perkahwinan dalam Islam.

Kecemerlangan kitab ini juga tampak dengan adanya kalimat alu-aluan, pujian dan pengiktirafan daripada pelbagai kalangan ulama seperti Sheikh 'Ālawī bin Ṭahir bin Abdullah al-Ḥaddad mufti kerajaan Johor,²⁹ 'Abbās bin Muḥammad Ṭahā pejabat Qāḍī Quḍāt Singapura,³⁰ dan Sheikh Abdullah Zawāwī, guru daripada Guru Haji Isma'il Mundu semasa belajar di Makkah Mukarramah,³¹ sehingga mendorong percetakan *Maṭba'ah Islamiyah* 347 Victoria Street Singapura menerbitkan kitab ini dalam edisi bahasa Melayu Jawi.

Lebih daripada setengah abad kitab ini menjadi rujukan bagi kaum muslimin khususnya di kawasan Kalimantan Barat dan kawasan Melayu amnya, dan setakat yang pengkaji ketahui belum ada satupun kajian ilmiah secara lebih mendalam dan pembahasan lebih komprehensif ke atas kandungan Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini, maka atas dasar inilah kajian ini dilakukan. Fokus pemerhatian pengkaji adalah bertumpu kepada teks kitab itu sendiri, yang mana dari situ pengkaji melakukan transliterasi, disamping melakukan *pentaḥqīqan*³² dan penganalisaan terhadap teks kitab itu sendiri.

²⁹ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 2.

³⁰ *Ibid*, hal.2.

³¹ *Ibid*, hal.1.

³² *Tahqīq* merupakan perkataan bahasa arab. Ia merupakan kata terbitan dan kata dasarnya ialah, tahaqqaqa(تحقق) yang bererti tetap, benar, terang atau yakin. Manakala perkataan tahqiq(تحقیق) pula membawa maksud, ketetapan, kebenaran, keterangan atau keyakinan. Lihat dalam Mahmud Yunus(1983), *Kamus Arab-Indonesia*, Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah Pentafsiran al-Quran, cet.1, hal. 106.

1.3. Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang di atas, maka dapatlah dirumuskan masalah dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah kandungan Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu?
2. Apa metod yang digunakan oleh Guru Haji Isma'il Mundu dalam penulisan Kitab *Jadual Nikah*?
3. Adakah pendapat Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* sesuai dengan pendapat yang dinyatakan dalam kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syafi'i yang menjadi mazhab ikutan masyarakat ketika itu?
4. Bagaimanakah perbandingan konsep perkahwinan Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* dengan pendapat fuqaha lain dalam mazhab yang empat?

1.4. Objektif Kajian

Melalui kajian ini pengkaji mengemukakan beberapa objektif kajian yang dirumuskan sebagai berikut:

1. Melakukan transliterasi terhadap teks Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu.
2. Mengenal pasti metod yang digunakan oleh Guru Haji Isma'il Mundu dalam penulisan Kitab *Jadual Nikah*
3. Mentahqiq dan merujuk pendapat Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* kepada kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syafi'i.

4. Membuat perbandingan pandangan Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* dengan fuqaha lain dalam mazhab empat.

1.5. **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari pelbagai aspek berikut:

- a. Dapat mengenali salah seorang daripada ulama di alam Melayu pada satu ketika dahulu di samping mengetahui karya-karya yang telah dihasilkan.
- b. Membangkitkan semangat Islam, terutamanya di wilayah dimana Guru Haji Isma'il Mundu berada, yakni Kalimantan Barat yang telah dikenali sejak dahulu sebagai pusat penyebaran dakwah Islam.³³
- c. Kajian ini mengandungi nilai persejarahan yang penting dalam proses pembinaan tamadun dan peradaban manusia di masa hadapan.
- d. Kajian ini adalah penting bagi memantapkan kefahaman masyarakat tentang konsep perkahwinan dalam Islam, sama ada dari aspek ibadat mahupun muamalat.
- e. Untuk mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi serta menarik minat masyarakat sekarang tentang kepentingan dan faedah tulisan Jawi.

³³ Antara kesultanan Islam yang berdiri dan masih tampak artifak sejarahnya di wilayah Kalimantan Barat adalah 1). Kesultanan Pontianak, Lihat dalam Syarif Abdurrahman al- Kadri (2001), *Perspektif Sejarah Berdirinya Kota Pontianak*, pemerintah kota Pontianak, hal 41-113, 2). Kesultanan Kubu, lihat dalam Nurcahyani, Lisyawati (1997), *Pendataan Sejarah Kerajaan Kubu Kabupaten Pontianak*. Pontianak: Balai Kajian Sejarah Dan Nilai Tradisional dan Syed Abdullah Idrus (1969), *Naskah Silsilah Kerajaan Kubu*, Kucing Serawak, Malaysia, 3). Kesultanan Amantu Billah Mempawah, lihat dalam Ellys Suryani, Maran Ourny, Mas Adi, R.M. Chiddiyani (2001), *Sejarah Mempawah dalam Cuplikan Tulisan*, Yayasan penulis 66 Kalimantan Barat, PD. Bina Ilmu Mempawah, Kabupaten Pontianak, Kalimantan Barat, 4). Kesultanan Sambas, Lihat dalam *Sejarah Kesultanan dan Pemerintah Daerah* (2001), Pemerintah Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat, hal 38-79, dan 5). Kesultanan Matan Ketapang. Lihat dalam Balai Kajian sejarah dan nilai tradisional Pontianak (2006), *Identitas Melayu Ketapang*. Kalimantan Barat: Departemen Kebudayaan dan Pariwisata, hal. 31.

- f. Kajian ini juga bermaksud untuk membina keyakinan dan menolak tohmahan sesetengah sarjana yang mengatakan bahawa Islam yang berkembang dan tersebar di tanah rantau Melayu ini bukanlah Islam yang hakiki.³⁴
- g. Kajian ini juga bermaksud memudahkan sesiapa yang tiada mampu membaca tulisan Jawi untuk mengetahui dan memahami kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini berikut mengenali referensi darimana Guru Haji Isma'il Mundu merujuk dan juga perbandingannya dalam mazhab yang empat, sehingga didapati sesebuah pemahaman yang holistik dan komprehensif terhadap masalah perkahwinan ini.

1.6. Definisi Tajuk

Penyelidikan ilmiah yang menjadi pilihan pengkaji ini adalah berdasarkan sebuah kitab Melayu yang bertajuk "*Jadual Nikah*" karya Guru Haji Isma'il Mundu, seorang mufti di kerajaan Kubu, Kalimantan Barat.

Sebelum pengkaji membincangkan dengan lebih lanjut mengenai tajuk ini, wajar rasanya penulis menghuraikan serba sedikit mengenai pengertian dan definisi tajuk pilihan penulis satu persatu agar dapat difahami dengan jelas skop yang akan dibincangkan dalam tajuk ini. Tajuk yang menjadi pilihan pengkaji ialah "*Kitab Jadual Nikah karya Isma'il Mundu: Teks dan Analisis*".

³⁴ Menurut Azyumardi Azra "terdapat anggapan dan praduga bahawa Islam di kawasan ini tidak mempunyai tradisi keilmuan yang mantab. Bahkan, Islam di Nusantara dianggap bukan "Islam yang sebenar", kerana bercampur dengan budaya lokal". Lihat Azyumardi Azra (2004), *op.cit* , hal. xix

Kitab *Jadual Nikah* merupakan sebuah kitab tentang perkahwinan yang ditulis oleh Sheikh Guru Haji Isma'il Mundu, mufti kerajaan Kubu, Kalimantan Barat. Kitab ini selesai ditulis tarikh 1hb Jamadil Awal 1357 H dengan menggunakan tulisan Jawi Melayu.

Isma'il Mundu adalah seorang mufti di kerajaan Kubu, Kalimantan Barat. Ianya lebih dikenali dengan nama Guru Haji Isma'il Mundu, riwayat hidupnya terdapat dalam Tarikh Kerajaan Koeboe yang ditulis Sharif Saleh (raja Kubu yang ke delapan). Ianya seorang ulama yang telah memberikan pengaruh penyebaran Islam di Kalimantan Barat secara khusus dan di Melayu Nusantara secara am.

Teks merupakan petikan dari sesebuah kitab suci yang dijadikan bahan rujukan atau kandungan buku yang utama tidak termasuk catatan, atau tulisan yang dijadikan pokok syarahan.³⁵

Analisis Perkataan ini merupakan perkataan bahasa Melayu yang diambil daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu “*analysis*” yang membawa erti, mengkaji atau menyelidik.

Menurut Kamus Dewan Bahasa, analisa membawa erti;

“1). Penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci atau mendalam; 2). Analisis; menganalisa membuat (melakukan) analisa, menyelidiki secara kritis dengan jalan menghuraikan dan lain-lain.”³⁶

³⁵ Noresah bc. Baharom, el.al. (2004), *Kamus Dewan*. Selangor Dar al-Ehsan: Dawana Sdn. Bhd., cet. 4, hal. 1631.

³⁶ *Ibid*, hal. 51.

Dan dalam kajian ini, ianya membawa maksud, mengkaji atau menyelidiki isi teks dan kedudukannya dengan lebih terperinci.

Setelah dipaparkan pengertian tajuk tersebut satu persatu, maka secara keseluruhannya, dapatlah pengkaji membuat kesimpulan bahawa, pengertian pembahasan pengkaji ini yang berkisar kepada sebuah tajuk “Kitab *Jadual Nikah* karya Isma’il Mundu: Teks dan Analisis” ialah suatu kajian dan analisa secara terperinci dan mendalam terhadap teks Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma’il Mundu.

1.7. Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada transliterasi dan analisis teks Kitab *Jadual Nikah* sama ada daripada aspek fiqh, metod penulisan mahupun bahasa. Oleh kerana salinan asal manuskrip tersebut tidak dapat diperolehi, maka penulis menggunakan cetakan salinan yang telah diterbitkan oleh *Maṭba’ah Islāmiyyah* 347 Victoria Street Singapura yang penulis dapati dari salah seorang cucu muridnya yang masih hidup dan tinggal di Pontianak Kalimantan Barat iaitu H. Riva’i Abbas, penulis juga turut mengenengahkan bibliografi penulis kitab ini iaitu Guru Haji Isma’il Mundu. Tujuannya adalah untuk mengenali serba sedikit latar belakang berkenaan dengan penulis yang telah menghasilkan Kitab *Jadual Nikah*. Selain itu, pengkaji turut *mentahqiq* kitab ini untuk melihat kebenaran dan merujukkannya kepada kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syafi’i, kemudian akan melakukan perbandingan antara pendapat Guru Haji Isma’il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* dengan pendapat fuqaha dalam mazhab empat.

1.8. Kajian- kajian Lepas

Setakat yang dapat diamati, penyelidikan yang menyentuh kajian teks manuskrip dan naskhah Melayu Islam telah ramai diusahakan, Antaranya ialah Prof. Dr. Mahayudin Hj Yahaya. “*Naskhah Jawi Sejarah dan Teks Jilid 1*”³⁷ adalah buku pertama beliau mengenai manuskrip Melayu-Islam, ianya telah menyentuh mengenai huraian awal terhadap lima naskah manuskrip iaitu (1) *Baḥr al-Laḥūt*, (2) *al-Kitāb fī Bayān al-Alif*, (3) *Hujjah al-Ṣiddīq li Ḍa’f al-Zindīq*, (4) *Ḥikāyat Ḥabīb Husain al-Qadrī*, (5) *al-Mukhtaṣar fī ‘Alāmah al-Mahdī al-Muntaẓar*. Buku ini merupakan satu penjelasan awal dengan mengemukakan transliterasi ke dalam tulisan Rumi. Naskhah-naskhah yang diteliti ini rata-ratanya lebih menyentuh mengenai ilmu tasawuf, akidah dan juga sejarah.

Pengkaji yang sama juga telah melakukan transliterasi terhadap lima buah manuskrip (1) *al-Muntahī*, (2) *Kashf al-Muntaẓar*, (3) *al-Risālah*, (4) ‘*Aqīdah al-‘Awam* dan (5) *Hadith-hadith Nabi*.³⁸ Manuskrip-manuskrip tersebut menyentuh tentang tasawuf, aqidah dan juga tauhid.

Selain daripada itu, pengkaji juga telah mendapati ramai pengkaji yang menumpukan kajiannya kepada transliterasi teks yang kebanyakannya lebih ditumpukan dalam bidang akidah,³⁹ akhlak dan tasawuf,⁴⁰ fiqh ibadah,⁴¹ dan sejarah.⁴²

³⁷ Mahayudin Hj Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 73-232.

³⁸ *Ibid*, hal. 43-230.

³⁹ Zahrina Yasin (1993), “Manuskrip `Hikayat Bab al-Akal : transliterasi dan ulasan teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Munirah Muhamad (1993), “Manuskrip kitab bad-u khalqis samawat wal ardh : analisa dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Surianiah Pakih (1993), “Manuskrip ta'bir

mimpi : analisis dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Esah Misron (1993), “Transliterasi manuskrip "Kitab seribu masa'il" : satu analisa ringkas mengenainya” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Johaina Ab. Jalal (1995), “Manuskrip "Sharh aqīdat wal īmān" : analisis dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rosnita Muda (1995),” Manuskrip "Tibyān fi ma`rifah al-Adyān" : transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rahimah Mat Latif (1995), “Manuskrip "Tuhfat al-Rāghibīn fi bayān haqīqat īman al-Mu'minīn"(Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Siti Haminah Che Wel(1996),” Manuskrip : Sirājūn Al-Hudā Ila Bayān Aqa'id Ahl At-Taqwa : suatu transliterasi dan analisa teks” "(Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Hasimah Mat Yunus (1996), “Manuskrip : Asrār Al-Insān Fi Ma'rifat Ar-Ruh Wa Ar-Rahmān : satu kajian dan transliterasi” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rohani Ibrahim (1996), “Manuskrip kitab Kifāyah Al-Awwam : kajian teks dan transliterasi” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rafidah Suglaman (1997), “Manuskrip: Bidāyat Al-Hidāyah : satu analisa dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Zaharah Abdul Hamid (1998),” Kitab Makrifat al-Islam : analisa dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Norhafizah Yusof (2002), ”Analisis dan Transliterasi Teks : Zahrat al-Murīd Bayān Kalimat al-Tawhīd” (Kertas projek, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Syafinaz Raman (2008),” Kitab Hill al-Zill karya Syeikh Nuruddin Ibn Ali Ibn Muhammad Hamid Hasanji : Teks Jawi Dan Transliterasi” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).

⁴⁰ Norhayati Yusof (1995),” Mi'rāj al-Sālikīn, Asrār al-Dīn dan Ishārah ḥurūf hijāiyah" : analisa dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Nasimah Mokhtar (1995),” Manuskrip "Mujārabāt al-fawā'id: analisis dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rosela Lajid (1995),”Manuskrip "Hadīqah al-Azhār wa al-Riyāhīn”(Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Robi'ah 'Adawiyah Mohammad Sa'ad (1996),” Manuskrip al-Durr al-Nafīs : Transliterasi dan Analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Nurul Azura Mat Salleh (1996), ”Manuskrip Sharab al-Ārifīn : suatu analisa dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Zaitun Ismail (1996),” Manuskrip kitab Sabil Al-Hidāyah Wa Al-Rashād : transliterasi dan kajian teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Ashriah Baharom (1996), ”Manuskrip "Jawāhir al-Badī'ah" : transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Azizah Che Musa (1996),” Manuskrip kitab : al-Yawāqit wa al-Jawāhir : satu analisa dan transliterasi teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Maziah Salleh (1997),” Manuskrip Sullam al-Mubtadi Fi Bayan Ṭarīq al-Muhtadi : transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Anelyza Abdul Rahman (1998), “Manuskrip wasiat Nabi Muhammad s.a.w. (perkhabaran mimpi) : satu transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Salina Mohamed (2005),” Muhimmah : transliterasi dan analisis teks” Disertasi, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Noraini Naqma Mohd Zainal (2007), ”Kitab Munabbih al-Ghāfilīn : kajian teks dan transliterasi” (Kertas projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Abdul Rahman Kasmin (2007),” Bab tasawuf dalam Kitab Minhāj al-Qarīb al-Mujīb wa Mughn al-Rāghibīn fī al-Taqrīb : kajian teks dan transliterasi” (Kertas projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Mohd Bahrim Mat Yaacob (2007), “Jalāl Qulūb bi Zikrillah oleh Tuan Tabal : satu transliterasi dan kajian teks terhadapnya” (Kertas projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴¹ Hosniati Binti Daud (1998), “Manuskrip Munyah al-Muṣallī: Transliterasi dan Kajian Teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Umzanurain Omar (1998), “Taḥqīq al-Kalām Fī Bayān Ibtidā' al-Ṣiyām : transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Manira Murni Taib Hassan (2003), ”Manuskrip cerita tentang amalan pada hari 'Ashura' : transliterasi dan analisis teks” (Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Rosniza Musa (2007), ”Fiqh ibadah dalam Kitab Munhah al-Qarīb al-Mujīb wa Mughni al-Rāghibīn fī al-Taqrīb karya Tuan Tabal : kajian teks dan transliterasi” (Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan

Kedapatan juga, sesetengah pengkaji yang menumpukan kajiannya kepada transliterasi manuskrip Melayu yang memperbincangkan tentang hukum hakam perkahwinan secara khas. *Peunoh Daly* (1988) telah membincangkan naskhah lama kitab *Mir'āt al-Ṭullāb* karya Sheikh Abd al-Raūf Singkel dalam hukum Islam. Perbincangannya merangkumi hukum nikah, syarat-syarat dan rukun-rukunnya, talak, rujuk, hadanah dan nafkah kerabat. Pengkaji dalam kajiannya juga cuba memperbandingkan kandungan kitab *Mir'āt al-Ṭullāb* ini dengan amalannya di negara-negara Islam.⁴³

Zulkifli Bin Mohd (1991) telah mentaḥqīq kitab *al-Nikah dari kitab al-Jawāhir al-Saniyyah* karya Sheikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī. Dalam kajiannya ini pengkaji mentaḥqīq nas yang terdapat di dalam kitab *al-Jawāhir al-Saniyyah* yang mengandungi penghuraian dan penjelasan tentang hukum-hukum nikah, rukun, sebab-sebab yang

Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Sakinah Habit Habib (2007),” Kitab Tanbih mengenai selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. : kajian teks dan transliterasi” (Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴² Nariza Hamid (1990),” Hikayat Indera Quraisyin : Transliterasi Dan Analisis Teks” (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), Hashim Ismail (1992), ”Hikayat Ahmad Muhammad : transliterasi dan analisis teks” (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), Mazdah Haji Hussin (1993),” Manuskrip "Hikayat Amir al-Mu'minia Omar" : transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Balqis Hashim (1997),” Manuskrip Hikayat Nabi Yusuf : transliterasi dan analisa teks” (Kertas Projek: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Noriza Ahmad (1998),” Manuskrip Isra' dan Mi'raj : satu analisa dan transliterasi teks”(Kertas Projek: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rusydah Salleh (2000),” Hikayat Sama'un : transliterasi dan kajian teks” (Kertas Projek, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Alias Derais (2000),”Hikayat Raja budiman : Transliterasi Dan Analisis Teks” (Kertas Projek, Jabatan Sosio-Budaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Zahariah Zainuddin (2002),”Hikayat Bahram Syah : transliterasi dan analisis teks” (Dissertation, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Khuzaimah Md. Nor (2002),” Aṣḥāb al-Kahfi wa al-Raqīm : transliterasi dan analisis teks” (Kertas Projek, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Arsidah Md. Aspar (2002),” Hikayat Mazmur : transliterasi serta analisis dari aspek amanat dan pengajaran” (Kertas Projek, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Badariah Ahmad (2003),” Sejarah Patani : transliterasi dan analisis teks” (Kertas Projek, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Rohaya Md Ali (2003),” Hikayat Nabi Sulayman : transliterasi dan analisis teks” (Dissertation, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

⁴³ Peunoh Daly (1988), “*Hukum Perkahwinan Islam, suatu studi perbandingan dalam kalangan Ahlus Sunnah dan Negara-negara Islam*. Malaysia: Thinker’s Library Sdn Bhd, cet. 5.

menghalangi seseorang daripada menjadi wali, kufu' serta beberapa masalah yang berkaitan dengannya. Pengkaji dalam kajiannya lebih memfokuskan kepada transliterasi dan kajian kandungan teks kitab *al-Jawāhir al-Saniyyah* menurut mazhab Syafii sahaja, dan hanya serba sedikit memaparkan pendapat para ulama dalam mazhab-mazhab yang lain.⁴⁴

Hasni Abdul Rahman (2003) juga telah mentransliterasi dan menganalisis teks manuskrip tentang nikah. Ianya membahas mengenai persoalan dan maklumat berkaitan secara menyeluruh berdasarkan sumber manuskrip mengenai nikah sama ada mengenai syarat, hukum dan penyelesaian nikah, seterusnya mengemukakan nas-nas al-Quran dan hadis sebagai penyokongnya kepada kesahihan bukti.⁴⁵

Salina Binti Mohamed (2004) telah menumpukan kajian transliterasi dan analisis terhadap manuskrip kitab *Muhimmah* karya Sheikh Abdullah Ibn Abd al-Rahīm Faṭānī. Ianya mengkaji tentang unsur-unsur moral yang terkandung dalam Kitab *Muhimmah* seperti unsur moral berkaitan dengan isteri *nushūz*, unsur moral berkaitan dengan pemilihan calon isteri, unsur moral berkaitan dengan pemilihan calon suami, unsur moral berkaitan dengan poligami, unsur moral yang berkaitan dengan hukum memutuskan hubungan persaudaraan dan unsur moral berkaitan dengan faedah berkahwin. Fokus kajian ini lebih bertumpu keatas impak psikologi keatas pelbagai permasalahan perkahwinan berbanding kajian masalah fiqh.⁴⁶

Mohd Farhilmuhaimin Bin Othman (2007) juga telah menumpukan kajian transliterasi dan analisis terhadap manuskrip *bab Munakahat* dalam kitab *Manhat al-*

⁴⁴ Zulkifli bin Mohd (1990), "Tahqīq Kitab al-Nikah dari kitab al-Jawāhir al-Saniyyah karya Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani" (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya).

⁴⁵ Hasni Abdul Rahman (2003), "Manuskrip tentang nikah: Satu Transliterasi dan analisis teks" (Kertas Projek, Jabatan sejarah dan Tamadun Islam, bahagian pengajian Usluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴⁶ Salina Binti Mohamed (2004), " Muhimmah; Transliterasi dan Analisis Teks", (Disertasi, Pengajian Melayu, Universiti Malaya)

Qarīb al-Mujīb Wa Mughnī al-Rāghibīm Fī al-Taqrīb. Pengkaji pada kajiannya menumpukan kepada transliterasi teks yakni pengalihan dari pada huruf Jawi yang asal kepada huruf Rumi dan melihat sejauh mana pengaruh penggunaan tulisan dari aspek gaya bahasa dan aspek lain yang diambil kira boleh mempengaruhi sesebuah hukum. Dalam kajian ini lebih menumpukan keatas kajian bahasa dan impaknya kepada sesebuah hukum fiqh.⁴⁷

Manakala kajian-kajian semasa yang menumpukan kepada perkahwinan dan pelbagai permasalahannya juga telah ramai dilakukan. Meskipun tidak menyentuh secara berterusan dengan kajian manuskrip melayu tentang perkahwinan namun secara kandungan materi tidaklah jauh berbeza. Contohnya *Mu'ammal Hamidy* (1988), dalam bukunya yang berjudul “*Perkahwinan dan Persoalannya, bagaimana pemecahannya dalam Islam*”, lebih menghuraikan pelbagai masalah mengenai hak-hak suami isteri dalam pengurusan keluarga dan anak serta rumah tangga, malah menerangkan juga masalah-masalah yang berkaitan dengan hal-hal peminangan, nikah, kahwin, poligami, talak dan hukum-hukumnya, nafkah, wasiat dan seterusnya hingga kepada pembahagian harta.⁴⁸

Said Abdullah al-Hamdani (1989) dalam bukunya yang bertajuk “*Risalah Nikah*” membincangkan tentang pembinaan hukum baru untuk meningkatkan dan menyempurnakan pembinaan hukum perkahwinan. Ianya merangkumi hukum perkahwinan, bermula daripada proses meminang, akad nikah, hak dan kewajiban suami

⁴⁷ Mohd Farhil Muhaimin Bin Othman (2007), “ Bab Munakahat dalam kitab Manhatu al -Qarib al-Mujib Wa Mughni al- Raaghibin Fi Al- Taqrib: Kajian teks da Transliterasi” (Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

⁴⁸ Mu'ammal Hamidy (1988), *Perkahwinan dan Persoalannya, Bagaimana Pemecahannya dalam Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Nasional.

isteri sampai hak mengasuh anak menurut hukum Islam mengikut tuntutan al-Quran dan al-Sunah serta petunjuk para ulama.⁴⁹

Wan Zakiah binti Wan Yunus (1996) telah menulis kajian tentang “*Penderhakaan Isteri terhadap Suami, Satu Kajian Menurut al-Qur’an dan al-Sunnah*”. Penulis mengemukakan perkahwinan secara umum, tujuan dan hikmat perkahwinan serta hukum-hukumnya. Ianya juga memberi penjelasan secara terperinci mengenai hak dan kewajiban suami isteri, konsep *nushūz* berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.⁵⁰

Yusuf Ali Badawi (1996) dalam bukunya bertajuk “*Asas-asas Kebahagiaan Rumah tangga dalam Islam*” lebih menumpukan kepada pelbagai aspek mendirikan rumah tangga bahagia berteraskan sistem dan peraturan Islam. Antaranya yang dibincangkan mengenai galakan berkahwin, kebaikan berkahwin, asas-asas pemilihan calon isteri, melamar, akad dan hubungan suami isteri dan adab-adab hubungan suami isteri.⁵¹

Mohd. Saufi bin Abdul Hamid (1998) telah mengkaji dalam latihan ilmiahnya yang berjudul “*Metode Kajian Kasih Sayang Suami Isteri: Satu Tumpuan Terhadap Kitab al-Nikah dalam Sahih al-Bukhari*”. Ianya telah membicarakan pengertian kasih sayang dan ciri-cirinya menurut perspektif Islam. Beliau telah menjadikan Kitab *al-Nikāh* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sebagai landasan tentang kepentingan, keputaran dan fungsi-fungsi kasih-sayang bagi pasangan suami isteri khususnya dan keluarga amnya.⁵²

⁴⁹ Sa'id Abdullah al-Hamdani (1988), *Risalah Nikah*. Pekalongan Indonesia: Raja Murah.

⁵⁰ Wan Zakiah binti Wan Yunus (1996), “Penderhakaan Isteri terhadap Suami, Satu Kajian Menurut al-Qur’an dan al-Sunnah”(Kertas Projek, Jabatan Usuludin, Universiti Malaya).

⁵¹ Yusuf Ali Badawi (1996), *Asas-asas Kebahagiaan Rumah tangga dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.

⁵² Mohd. Saufi bin Abdul Hamid (1998), “Metode Kajian Kasih Sayang Suami Isteri: Satu tumpuan Terhadap Kitab al-Nikah dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Abu Hassan Din al-Hafiz (1999) dalam bukunya “*Krisis Rumah Tangga dan cara Mengatasinya*” juga membincangkan hal yang berkaitan dengan perkahwinan. Beliau lebih menumpukan kepada hak dan tanggung jawab merupakan faktor utama yang mengundang pelbagai kesan dan dilema dalam kehidupan pasangan suami isteri. Untuk mengatasi masalah rumah tangga beliau menegaskan bahawa perlu membekalkan jiwa, fikiran dan keperibadian dengan pengetahuan kekeluargaan dan agama yang sempurna.⁵³

Secara keseluruhannya, kitab-kitab semasa dalam masalah perkahwinan lebih memfokuskan kajiannya kepada permasalahan-permasalahan realiti yang bersifat detail dan terperinci tanpa menyentuh percanggahan di kalangan para ulama dan fuqaha secara lebih mendalam.

Sememangnya, Guru Haji Isma’il Mundu ini belum ramai pengkaji yang cuba menyelidiki lebih mendalam, sama ada daripada aspek sejarah mahupun karya-karya ilmiahnya. Namun demikian, pengkaji telah mendapati beberapa kajian yang membicarakan tentang sejarah kehidupan beliau ini. Antaranya adalah *H. Abbas Riva’i* (2008) dalam “*Biografi Guru Haji Isma’il Mundu, Mufti kerajaan Kubu*”, ianya dalam kajiannya memaparkan sejarah hidup, keluarga, keturunan, guru, murid-murid sehingga karya-karya yang telah terhasil.⁵⁴

⁵³ Abu Hassan Din al-Hafiz (1999), *Krisis Rumah tangga dan cara Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Darul Nu’man.

⁵⁴ H. M. Riva’i H. Abbas *et.al* (2008), *Biografi Guru Haji Isma’il Mundu Mufti Kerajaan Kubu*, Pontianak, Kalimantan Barat: Kitara creativision , cet. 2

Wan Abdullah Saghir (2000) telah juga membahas serba sedikit tentang Guru Haji Isma'il Mundu dan memasukkannya sebagai subtopik dalam bukunya “ *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara*”.⁵⁵

Manakala Ubaidillah Riyaḍī (2006) telah mula mengkaji lebih dalam tentang strategi dakwah Guru Haji Isma'il Mundu. Ianya cuba membincangkan tentang metod dan sarana dakwah yang digunapakai oleh Guru Haji Isma'il Mundu dalam menyebarkan agama Islam. Namun, pengkaji dalam pembahasannya tidak menyentuh secara khas Kitab *Jadual Nikah* yang sedang dikaji.⁵⁶

Begitupun Dahlia (2009), secara khas pengkaji telah cuba mengidentifikasi kandungan materi dan masalah dalam Kitab *Jadual Nikah* ini lalu memperbandingkannya dengan materi perkahwinan kelas XI semester 1 Madrasah Aliyah. Kajian ini lebih merupakan kajian perbandingan materi dalam ilmu pendidikan berbanding kajian fiqh ibadah. Pengkaji dalam hasil kajiannya hanya mengangkat materi-materi apa sahaja yang kedapatan di dalam Kitab *Jadual Nikah* yang tiada dalam materi perkahwinan kelas XI semester 1 Madrasah Aliyah, begitupun sebaliknya.⁵⁷

Sepanjang pemerhatian dan kajian kepustakaan yang telah dilakukan oleh pengkaji, Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu belum lagi di kaji secara lebih mendalam sama ada dari aspek transliterasi, *taḥqīq* mahupun analisisnya. Atas dasar ini, maka kajian tentang Kitab *Jadual Nikah* ini dilakukan.

⁵⁵ Wan Abdullah Saghir (2000), *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: khazanah Fataniyah, jilid 3.

⁵⁶ Baidillah Riyadhi (2006), *Strategi Dakwah Guru Haji Isma'il Mundu Mufti Kerajaan Kubu*. Pontianak, Kalimantan Barat: Yayasan Haji Isma'il Mundu, cet. 1.

⁵⁷ Dahlia (2009), “Identifikasi Materi Pernikahan Kelas XI Semester 1 Madrasah Aliyah dalam Kitab *Jadual Nikah* soal jawab karya Syekh Isma'il bin Abdul Karim Mufti Kerajaan Kubu Kalimantan Barat”, (kertas projek, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Jurusan Tarbiyah, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Pontianak).

1.9 Metodologi Kajian

Kajian mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian.⁵⁸

1.9.1. Reka Bentuk Kajian

Ada beberapa reka bentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini, antaranya ialah:

1.9.1.1 . Kajian Perpustakaan

Penyelidikan yang dibuat ini secara am hanya bertumpu kepada penyelidikan perpustakaan (*Library Research*). Oleh demikian, penyelidikan ini memerlukan pengkajian terhadap objek-objek penyelidikan di perpustakaan untuk memperolehi data, sama ada data berupa kitab, buku, manuskrip, risalah, jurnal dan lain-lainya, dan sama ada dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, Melayu Jawi mahupun bahasa Indonesia. Semua itu merupakan sumber maklumat yang diperlukan penyelidik, bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini penulis mengunjungi beberapa buah perpustakaan seperti:

- a). Perpustakaan Universiti Malaya.
- b). Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya.
- c). Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, Selangor.
- d). Perpustakaan Nasional Indonesia, Jakarta.

⁵⁸ Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, edisi 2

e) . Perpustakaan Sekolah Tinggi Agama Islam Pontianak Kalimantan Barat.

f) . Perpustakaan Daerah Kalimantan Barat.

1.9.1.2. Kajian Historis

Penyelidikan ini juga mengandung aspek historis dan sejarah. Oleh itu, antara metode yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah metode historis iaitu metode aplikatif dan analisis ilmiah dengan melihat sejarah dari biografi, pemikiran dan bibliografi. Metode ini banyak digunapakai dalam penyelidikan agama di bidang tamadun secara umumnya.⁵⁹

Dalam penulisan ini, metode historis ini digunakan untuk kajian tokoh, iaitu penyelidikan mengenai keperibadian, pemikiran, sumbangannya dan lain-lain yang berkaitan dengan segala sesuatu mengenai tokoh Guru Haji Isma'il Mundu.

1.9.1.3 Kajian Teks

Bentuk penyelidikan ini juga merupakan kajian teks, atau kajian manuskrip, ertinya penyelidikan yang menumpukan kepada kajian seluk beluk sesuatu manuskrip. Dalam kajian teks ini penulis menggunakan Metode Transliterasi yang bererti penggantian jenis tulisan teks, dari abjad satu ke abjad lain. Tujuan transliterasi ini untuk memperkenalkan teks-teks lama yang tertulis dalam huruf daerah, agar dapat dibaca dan dikenali ramai. Penulis melakukan transliterasi teks *Kitab Jadual Nikah*

⁵⁹ Winarno Surahmad (1990), *Pengantar Penelitian Ilmiah: Metode dan Tehnik*. Bandung: (T.P), hal. 15

karya Guru Haji Isma'il Mundu dalam bahasa dan huruf Jawi ditranslit ke dalam huruf dan ejaan Rumi.

1.9.2. Metode Mengumpulkan Data

Ianya merupakan kaedah pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi melalui dokumen atau penerbitan badan tertentu, pemerhatian sendiri, temuramah melalui telefon, tinjauan melalui pos dan temuramah peribadi.⁶⁰ Diantara Metode Pengumpulan Data yang akan digunakan dalam kajian ini ialah:

1.9.2. Metode Dokumentasi

Metode Dokumentasi yang dimaksudkan adalah metode dalam pengumpulan data dengan mengadakan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungkait dengan masalah yang diselidiki.⁶¹ Dokumen yang dimaksudkan adalah benda-benda yang bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan yang diperlukan termasuk peninggalan sejarah masa lampau berupa manuskrip dan naskhah kuno.

Dalam metode ini, pengkaji mengumpulkan dan menyelidiki dokumen, atau kitab dan naskhah yang telah ditulis oleh para ulama terdahulu sama ada di Nusantara mahupun di Timur Tengah.

1.9.2.1. Metode Temubual

Melalui metode temubual dan juga konsultasi ini, pengkaji berjumpa dengan penyelia secara bersemuka untuk membaca teks yang terkandung dalam *Kitab Jadual Nikah*. Pembacaan ini dilakukan adalah untuk membolehkan pengkaji lebih memahami

⁶⁰ Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet.2, hal.60.

⁶¹ Gerald S. Ferman And Jack Levin (1975), *Sosial Science Research*. USA, hal.62.

laras bahasa, istilah dan juga perkataan-perkataan yang terkandung di dalam kitab tersebut.

Selain dari pada itu, pengkaji turut akan berjumpa dengan individu yang dikira dapat membantu penulis dalam menyelesaikan kajian ini seperti Sheikh H. Riva'i Abbas. dimana beliau sebagai pewaris beberapa karya Guru Haji Isma'il Mundu, juga beberapa orang yang berada di persekitaran Kerajaan Kubu bagi mengetahui biografi pengarang Kitab *Jadual Nikah* dan juga sejarah yang berhubungkait dengan kitab tersebut.

1.9.3. Metode Analisa dan Pengolahan Data

Setelah semua data yang diperlukan telah diperolehi, ianya akan dianalisis dan diolah. Bagi memastikan suatu rumusan yang baik dapat disediakan, pengkaji akan menggunakan beberapa metode analisis sebagai berikut:

1.9.3.1. Metode Induktif

Metode induktif ialah suatu cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada satu kesimpulan yang bersifat umum. Earl Babbie menerangkan bahawa “ Pemikiran induktif bergerak dari pada yang tertentu kepada yang umum, daripada satu set pengamatan yang khusus kepada penerokaan tentang suatu bentuk yang mewakili sebahagian tahap atau kedudukan sesuatu cara”.⁶²

Dalam hal ini, pengkaji terlebih dahulu melakukan transliterasi bagi mengetahui isi kandungan kitab tersebut dan *metaḥqīq*nya bagi melihat kebenaran rujukan Kitab *Jadual Nikah* dalam mazhab Syafii, kemudian menganalisis kitab tersebut daripada

⁶² Earl Babbie (1998), *The Basic of Social Research*. U.S.A., Wadsworth Publishing Company, hal. 22.

pelbagai aspek sama ada aspek fiqh, metod penulisan mahupun aspek bahasa. Pengkaji telah menggunakan metode ini ketikamana membahas bab ketiga.

1.9.3.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah cara berfikir yang mencari rumusan dengan berdasarkan kepada dalil-dalil yang bersifat umum untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat khusus. Earl Babbie menerangkan tentang metod ini sebagai” bergerak daripada umum kepada khusus. Ianya bergerak daripada bentuk yang mungkin berlaku dari segi logik dan teori kepada pengamatan yang menguji sama ada bentuk yang dijanaka itu benar-benar berlaku”.⁶³

Dalam kajian ini pengkaji akan melihat pelbagai pendapat para fuqaha dalam mazhab empat untuk kemudiannya menjadi tolok ukur dalam menganalisa pendapat Guru Haji Isma’il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah*. Pengkaji juga melihat pelbagai penelitian yang telah terhasil terutama yang berhubungkait dengan manuskrip dan kajian naskhah untuk menganalisa pelbagai aspek Kitab *Jadual Nikah* kemudian seperti aspek metod penulisan dan metod penggunaan bahasa. Dan pengkaji telah menggunakan secara meluas metode ini dalam pembahasan bab keempat.

⁶³ Earl Babbie (1998), *op.cit*, hal. 23

1.9.3.3 Metode Komparatif atau Perbandingan

Metode Komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan diantara dua atau lebih data atau fakta yang diperolehi dengan adil dalam masa penelitian.⁶⁴

Pengkaji menggunakan metode ini bagi menyempurnakan bab keempat untuk membuat perbandingan antara pendapat dan konsep perkahwinan menurut Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* dan pendapat para fuqaha mazhab yang empat.

1.10 Sistematika Kajian

Dalam usaha menyelesaikan dan menyiapkan disertasi ini pengkaji telah membahagikan penyelidikan kepada beberapa bahagian, iaitu dimulai dengan pendahuluan, isi dan penutup. Secara umumnya seperti berikut:

Pendahuluan

Bahagian ini merupakan pembukaan yang mengandungi abstrak bahasa Malaysia dan Inggeris, penghargaan, daftar isi, dan panduan transliterasi.

Isi dan Teks

Bahagian ini akan dipecahkan kepada lima bab dan setiap bab mempunyai sub-sub topik perbincangan yang dikhususkan bagi membincangkan isu-isu tertentu. Huraian-huraian bagi setiap bab adalah seperti berikut:

⁶⁴ Abdul Halim Hj. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hal. 136.

Bab Pertama: Pendahuluan

Bahagian ini merupakan pengenalan dan kerangka secara keseluruhan kepada kajian yang akan dilakukan. Ia mengandungi latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, kajian-kajian lepas, metodologi kajian, sistematika kajian dan kesimpulan.

Bab Kedua: Sejarah Guru Haji Isma'il Mundu dan Kitab *Jadual Nikah*

Pada bab ini pengkaji cuba menghadirkan sejarah hidup Guru Isma'il Mundu, bab ini terdiri dari pada tujuh tajuk:

Tajuk pertama mengulas suasana zaman semasa kehidupan Guru Haji Isma'il Mundu, sama ada dari aspek politik, sosial masyarakat, keilmuan dan tawawuf.

Tajuk kedua mengulas riwayat hidup Guru Haji Isma'il Mundu yang mengandungi nama dan keturunan, keluarga dan kehidupan rumah tangga, pendidikan dan guru-gurunya, dan kewafatannya.

Tajuk ketiga mengulas tentang Hasil karya Guru Haji Isma'il Mundu.

Tajuk keempat mengulas tokoh-tokoh yang mengenal Guru Haji Isma'il Mundu

Tajuk Kelima mengulas keistimewaan dan keajaiban Guru Haji Ismail Mundu

Tajuk keenam mengulas huraian am Kitab *Jadual Nikah*, sama ada dari aspek latar belakang dan tujuan penulisan mahupun metod penulisan.

Tajuk ketujuh adalah kesimpulan

Bab Ketiga: Transliterasi dan Tahqiq Teks

Pada bab ini pengkaji melakukan transliterasi dan tahqiq teks Kitab *Jadual Nikah* dengan melihat kebenaran dan merujukkannya kepada kitab-kitab mazhab Syafi'i yang muktabar.

Bab Keempat: Analisis Kitab *Jadual Nikah*

Pada bab ini pengkaji membuat penganalisaan terhadap intipati atau kandungan teks kitab yang berkisar kepada hukum hakam perkahwinan dalam Islam, sama ada daripada aspek fiqh, metod penulisan mahupun bahasa. Penulis cuba menghuraikan persoalan-persoalan yang dibahaskan dalam teks ini dengan membuat perbandingan dengan sumber-sumber lain dan juga pendapat para fuqaha dalam mazhab empat.

Bab Kelima: Penutup dan Kesimpulan

Bab ini merupakan bab yang terakhir yang mana ia merupakan penutup bagi kajian penulisan ini. Dalam bab ini, penulis membuat kesimpulan terhadap kajian penulis. Kemudian penulis memberi beberapa saranan dan penulisan akhiri dengan penutup.

1.11 Penutup

Secara Keseluruhannya, disertasi ini melihat kandungan Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu kemudian merujukkannya kepada kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syafi'i dan membuat perbandingan antara pendapat Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* dengan pendapat para fuqaha dalam mazhab empat.

BAB KEDUA

SEJARAH HIDUP GURU HAJI ISMA'IL MUNDU DAN KITAB *JADUAL NIKAH*

2.1. Suasana Zaman Semasa Kehidupan Guru Haji Isma'il Mundu

Syeikh Isma'il bin Abdul Karim merupakan salah seorang ulama Islam yang tersohor khususnya di masyarakat Kalimantan Barat. Beliau lebih dikenali dengan nama gelarannya iaitu Mufti Haji Isma'il Mundu atau Guru Haji Isma'il Mundu atau Mufti Kubu. Untuk mengkaji tentang kehidupan Guru Haji Isma'il Mundu, perlu dilihat suasana zaman beliau hidup bagi mendapatkan gambaran lebih detail perkembangan kehidupannya sama ada dari aspek jatidiri, pemikiran, dan lain-lain. Oleh itu, perbincangan ini akan dibuat berdasarkan aspek-aspek politik, sosial agama, budaya, keilmuan dan tasawuf

2.1.1. Aspek Politik

Guru Haji Isma'il Mundu hidup dalam zaman yang penuh dengan pergolakan politik, yang mana bangsa Indonesia ketika itu dalam masa penjajahan kolonial Belanda. Pada masa lahirnya Guru Haji Isma'il Mundu tahun 1870 M, kolonial Belanda berada dalam puncak kekuatan dan kekuasaannya, hal ini tampak pada penguatkuasaan beberapa undang-undang kolonial Belanda tentang penghapusan tiga kesultanan Islam iaitu Kesultanan Palembang (1820 M), Kesultanan Banjarmasin (1860 M), dan Kesultanan Aceh (selepas 1873 M). Perkara inilah yang melatarbelakangi berlakunya

beberapa jihad di sebahagian wilayah di Indonesia, iaitu jihad Cilegon (9-30 Juli 1888) dan juga Jihad Aceh (1873 dan seterusnya).⁶⁵

Selepas belajar di Makkah al-Mukarramah dan kembali tiba di Indonesia pada tahun 1904 M, keadaan politik di Indonesia semakin bergolak, muncul beberapa pergerakan pemuda yang dibina bagi membangkitkan kesedaran dan kecintaan kepada negara. Tahun 1908 M berdirilah pertubuhan Budi Utomo yang merupakan representasi gerakan kebangkitan pemuda Indonesia.⁶⁶ Seterusnya, pada tahun 1911 M berdirilah Sarekat Islam iaitu sebuah gerakan yang membawa matlamat bagi memajukan dan membina kesejahteraan umat Islam secara khas dan masyarakat seluruhnya secara am.⁶⁷ Manakala pada tahun 1912 M berdirilah pertubuhan sosial agama iaitu Muhammadiyah yang di pimpin oleh KH. Ahmad Dahlan,⁶⁸ dan pada tahun 1926 M berdirilah pertubuhan sosial agama iaitu Nahdatul Ulama (NU).⁶⁹ Dan puncak daripada pergerakan ini adalah perisytiharan pemuda pada tahun 1928 M yang lebih dikenali dengan “Sumpah Pemuda”, perisytiharan ini bermaksud bagi mengokohkan erti sebuah kesatuan bangsa, kesatuan bahasa dan kesatuan budaya.⁷⁰

Gerakan-gerakan inilah yang mendorong berlakunya kesedaran yang bersifat meluas keatas pentingnya erti kebebasan dan kemerdekaan, usaha ini yang terkemudian

⁶⁵ Karel A.Steenbrink (1984), *Beberapa Aspek tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*. Jakarta: P.T.Bulan Bintang, , cet. 1, h.5, 52 dan 65.

⁶⁶ Akira Nagazumi (1989), *Bangkitnya Nasionalisme Indonesia; Budi Utomo 1908-1918*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti. h. 9.

⁶⁷ Korver A.P.E (1985), *Sarekat Islam: Gerakan Ratu Adil?*. Jakarta: Grafiti Pers. h. 17

⁶⁸ Haji Mustapha Kamal Pasha (2000), *Muhammadiyah sebagai gerakan Islam; dalam prespektif historis dan ideologis*. Jakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam (LIPI). h. 8

⁶⁹ Barton, Greg, Fealy Greg (1996), *Nahdlatul Ulama, traditional Islam and modernity in Indonesia*. Australia :Monash Asia Institute Monash University. h. 11

⁷⁰ Keith Foulcher, Daniel S, Iskandar P Nugraha (2000), *Sumpah pemuda :makna & proses penciptaan atas sebuah simbol Kebangsaan Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu. h. 15

telah membawa bangsa Indonesia kepada kemerdekaannya pada tanggal 17hb Ogos 1945.

Situasi pemerintahan di mana Guru Haji Isma'il Mundu duduk adalah kawasan kerajaan Islam yang dikenali kerajaan Islam Kubu.⁷¹ Justeru, riwayat hidupnya sebagai mufti kerajaan Kubu kedapatan dalam tarikh kerajaan Koeboe yang ditulis oleh Sharif Saleh (raja Kubu ke delapan).⁷² Beliau dilantik sebagai mufti kerajaan Kubu semasa pemerintahan Raja Sharif Abbas, iaitu raja yang keenam (1900-1911).⁷³

Disini, dapatlah disimpulkan bahawa keadaan politik ketikamana Guru Haji Isma'il Mundu hidup merupakan suasana yang penuh dengan pergolakan dan cabaran. Perkara ini pula yang menurut pengkaji telah turut membentuk keperibadian dan jatidiri Guru Haji Isma'il Mundu sebagai seorang ulama yang tidak hanya melibatkan diri dalam pengajaran dan penyebaran dakwah Islam dalam erti yang sempit, namun ianya juga berperanan aktif dalam pengurusan pemerintahan seperti jawatan mufti di Kerajaan Kubu.

⁷¹ Kerajaan Kubu didirikan oleh para pedagang perantau yang berasal daripada Hadramaut yang dipimpin oleh seorang alim dalam bidang agama Islam bernama Syarif Idrus. Nama Kubu terambil daripada bahasa melayu yang bererti benteng, yang mana kerajaan tersebut dibangun berupa pagar kayu yang berbentuk menyerupai sesebuah benteng yang dimaksudkan bagi menjaga daripada serangan musuh yang ketikaitu masih ramai berlaku. Lihat dalam H. M. Riva'i H. Abbas *et.al* (2008), *op.cit*, hal. 38. Lisyawati Nurcahyani (1997), *Pendataan Sejarah Kerajaan Kubu Kabupaten Pontianak*. Pontianak: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, hal. 7

⁷² Ianya merupakan salah satu kaki tangan daripada *bestuurcommisie* yang dibentuk selepas pemberhentian Syarif Zain menjadi Tuanku Kubu oleh Belanda. Sebelumnya ianya menjadi juru tulis daripada Tuanku Kubu Syarif Hasan dan Syarif Abbas. Beberapa kali ianya dilantik menjadi kepala Bandar di kawasan-kawasan kerajaan Kubu dan juga menteri jalan. Seterusnya ianya menjadi kaki tangan *bestuurcommisie* pada tahun 1919. Tahun 1922, ianya dilantik sebagai sebagai wakil kepala pemerintahan Kerajaan Kubu. Tahun 1934 ianya dibahagikan penghargaan bintang emas kecil (*Kleine Gouden Ster voor trown en Verdienste*). Selepas tahun 1940 yakni pada tarikh 17 Ogos ianya dilantik sebagai ridder inde van Oranje Nassau dengan kedudukan sebagai Zelfberstuurder (Kepala Pemerintahan). Dan tahun 1944 ianya bersama puteranya Syarif Ahmad menjadi mangsa penangkapan penguasa West Borneo yang dilakukan oleh pemerintah Jepan. Lihat dalam Syarif M. Djunaidy Yusuf Al Aydroes (2008), *Membuka Tirai Kerajaan Kubu dan Ambawang*, Pontianak, Naskah Sumber belum diterbitkan, dalam Moch. Andri, Any Rahmayani, Dana Listiana (2008), *Peta Tematik Kebudayaan dan Sejarah Pemerintahan Kalimantan Barat*. Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional Pontianak : Departemen Kebudayaan dan Pariwisata. h. 38

⁷³ M. Riva'i H. Abbas *et al.* (2008), *op.cit*. hal. 39.

2.1.2. Aspek Sosial Agama dan Budaya

Dalam aspek sosial agama, K.F. Holle pengarah pemerintah kolonial Belanda dalam perkara bumiputera (1870-1889 M) menegaskan bahawa pada masa ini telah berlaku “*Religious Revival*” (Kebangkitan Agama). Sartono Kartodirdjo telah menganalisa fenomena ini dalam lima aspek, iaitu: 1). Jumlah haji yang terus meningkat terutamanya selepas pembukaan terusan Suez di tahun 1870 M, 2). Bertambahnya jumlah pesanteren, 3). Bertambahnya jumlah masjid yang baru, 4). Usaha menyebarkan risalah “*Wasiat Nabi*” yang mengandungi peringatan terakhir yang dibagikan oleh baginda Nabi Muhammad SAW, 5). Berkembangnya Tarikat (*Tasawuf*) secara meluas, terutamanya Tarikat *Naqshabandiyyah*.⁷⁴

Manakala pada lain sisi, pemerintah kolonial Belanda secara konsisten mengambil sikap *double standard* terhadap agama Islam. Seorang qadi (pegawai perkahwinan) dan bupati (kepala bandar raya) adalah pegawai yang diangkat oleh pemerintah, tetapi pemerintah tidak mahu mencampuri perkara agama dan jarang sekali melakukan pengawasan. Sikap ini berimpak kepada wujudnya praktek rasuah ramai dijalankan, jenayah ini tidak sahaja dilakukan oleh para kepala Bandar raya (bupati) tetapi juga oleh para qadi, dan bilamana dalam suatu kes jenayah boleh dibuktikan, pemerintah tidak sedia untuk mengambil tindakan keras kepada pelakunya kerana menganggap bahawa ianya bahagian daripada perkara dalaman (intern) agama.⁷⁵

⁷⁴ Sartono Kartodirdjo (1978), *Protest Movement in Rural Java*. Kuala Lumpur: Oxford University press, 2nd, dalam Karel A.Steenbrink (1984), *op.cit.* hal. 52-55

⁷⁵ Karel A.Steenbrink (1984), *op.cit.* hal.228-229

Perkara inilah yang mendorong pengganti K.F. Holle yakni Dr. C. Snouck Hurgronje yang dilantik pada tahun 1889 M melakukan perubahan- perubahan asasi dalam beberapa enakmen. Antaranya adalah enakmen tentang pelantikan qadi yang bertugas dalam mengurus perkara-perkara perkahwinan. Dalam enakmen ini telah mensyaratkan seorang qadi mesti seseorang yang faham hukum Islam, tidak terlibat dalam perkara rasuah dan dilantik oleh pemerintah Hindia Belanda.⁷⁶

Oleh itu, pada tahun 1907 M atas persetujuan daripada pemerintah Belanda, kerajaan Kubu melantik Guru Haji Isma'il Mundu sebagai mufti kerajaan. Seorang mufti pada masa itu tidak sahaja bertugas sebagai pengarah hukum hakam agama, namun ianya juga sebagai seorang qadi dan hakim dalam peradilan agama, ianya juga sebagai seorang imam masjid yang mengurus pelbagai perkara yang berhubungkait dengan masjid di tempat tinggalnya, sebagai wali hakim yang mengkahwinkan wanita yang tidak memiliki wali dan juga sebagai 'amil (pengumpul zakat) di masyarakat.⁷⁷

Jawatan sebagai mufti kerajaan Kubu ini beliau duduki sehingga kali yang ketiga. Oleh itu, pada tahun 1930 M pemerintah Belanda membahagikan kepada Guru Haji Isma'il Mundu bintang jasa dan honorarium daripada Ratu Wihel Mina sebagai sebuah tanda terimakasih dan penghargaan yang tinggi.⁷⁸

Adapun dalam aspek sosial budaya, masyarakat Kubu sebahagian besar beragama Islam, meskipun demikian, kedapatan pula masyarakat yang beragama Hindu, Budha, Kristen mahupun pengikut agama kepercayaan nenek moyang terutama daripada kalangan suku Dayak.⁷⁹

⁷⁶ *Ibid*, hal.231-232.

⁷⁷ *Ibid*, hal. 228.

⁷⁸ M. Riva'i H. Abbas *et al.* (2008), *op.cit.* hal. 13.

⁷⁹ Administrator (2009), *Akulturas Etnis terjadi di Kubu*. <http://www.Thabaraq.Com>. Diakses pertanggal 24 Januari 2010.

Beragam-ragam etnis ini sudah tentu akan cukup berimpak keatas pola beragama masyarakat Kubu ketika itu, situasi dan kondisi sepertimana ini menurut keyakinan pengkaji antara dorongan yang hebat daripada Guru Haji Isma'il Mundu untuk menulis beberapa kitab dalam pelbagai bidang ilmu sama ada dalam bidang aqidah, fiqh, tafsir mahupun tasawuf. Perkara ini dimaksudkan bagi membina kesedaran keislaman secara lebih mendalam dan meluas dalam amalan kehidupan sehari-hari.

2.1.3. Aspek Keilmuan

Sejak dibukanya Terusan Suez pada tahun 1870 M, laluan antarabangsa terutamanya menuju dunia Arab semakin cepat dan lancar. Perkara ini telah membawa impak keatas perkembangan aspek keilmuan di alam Melayu khususnya. Banyaknya buku-buku baru yang masuk ke wilayah Melayu secara berterusan telah mendorong usaha reformasi dan pembaharuan dalam pelbagai bidang kehidupan, bacaan dan kajian secara langsung kepada kitab-kitab Arab menjadi lebih mudah dan lebih baik, sehingga para sejarawan telah menyebut masa ini sebagai masa pendahuluan *tajdīd* (reformasi) di abad ke-20.⁸⁰ Tidak sahaja kebanjiran kitab-kitab Timur Tengah, pembukaan terusan Suez ini juga membawa impak keatas meningkatnya jumlah orang yang pergi haji dan orang yang duduk menetap di Makah bagi memperdalam ilmu agama.⁸¹

⁸⁰ Karel A.Steenbrink (1984), *op.cit.* hal. 6

⁸¹ Sartono Kartodirdjo (1978), *Protest Movement in Rural Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 2nded, dalam Karel A.Steenbrink (1984), *op.cit.* hal. 52-55. Lihat juga dalam Ismawati (2004), *Jaringan Ulama Kendal Abad ke 19 dan 20*. Jakarta: Disertasi Program Pasca Sarjana Ilmu Agama Islam, Syarif Hidayatullah, hal. 41.

Proses inilah yang membina kemantapan ilmu dan budaya *raḥalāt ‘ilmiyah* di kalangan ulama rantau Melayu yang mewujudkan sebuah jaringan ulama Melayu dengan ulama Timur Tengah terkemudian, bahkan para sejarawan mengatakan bahawa abad-abad inilah merupakan masa yang paling dinamis dalam sejarah sosial-intelektual muslim.⁸²

Pada akhir abad ke-19 ini juga, kedapatan beberapa nama ulama besar yang tidak sahaja popular di alam masyarakat Melayu, namun juga menjadi rujukan di dunia Islam ketika itu, seperti Sheikh Muḥammad al-Nawāwī al-Bantani (1200-1286 H/1813-1897 M), Sheikh Aḥmad Khaṭīb al-Sambasi (w.1875 M), dan juga Sheikh Aḥmad Khaṭīb al-Minangkabawī asal Padang Sumatera Barat (1860-1916 M), yang telah disebut oleh sejarawan Deliar Noer sebagai pelopor dan guru dari pada generasi pertama pembaharuan Islam di abad ke-20.⁸³

Suasana keilmuan dan tradisi *raḥalāt ‘ilmiyah* seperti ini, menurut keyakinan pengkaji telah turut mempengaruhi Guru Haji Isma’il Mundu untuk melakukan *raḥalāt ‘ilmiah*, beliau belajar dan menuntut ilmu tidak sahaja kepada ulama-ulama tempatan namun juga ulama-ulama antarabangsa terutamanya ulama Makah al-Mukarramah yang telah menjadi rujukan ulama rantau Melayu ketika itu, beliau kemudiannya duduk dan menetap di Makah al-Mukarramah pada tahun 1890-1904 M, kemudiannya kembali tinggal dan mengajar di Masjid al-Ḥarām untuk yang kedua kalinya dan membina majlis agama yang bernama “*Majlis Tanāṣuh*” sejak tahun 1937 – 1948 M (1356 – 1367 H).⁸⁴

⁸² Lihat dalam JO.Voll (1982), *Islam: Continuity and Change in the Modern World*. West view, Boulder, khususnya 82, N. Levtzion dan JO.Voll (Editor), (1987), *Introductio*. dalam *Eigh-teenh-Century Renewal and Reform in Islam*. Syracuse University Press, hal. 3-20 dalam Azyumardi Azra (2007), *op.cit.* hal. xviii.

⁸³ Deliar Noer (1980), *Gerakan Moderen Islam di Indonesia*. Jakarta: LP3ES.

⁸⁴ M.Riva’i Abbas *et al.* (2008), *op.cit.* hal.8-15

Antara guru yang cukup banyak memberikan pengaruh yang hebat dalam membentuk keperibadian Guru Haji Isma'il Mundu adalah Sheikh Abdullah al-Zawāwī yang pada masa itu menjawat sebagai mufti Makah al-Mukarramah dan juga ketua majlis shūrā 'Ayn Zubaidah, fatwa-fatwa al-Zawāwī mengenai hukum ayat-ayat dan surah-surah al-quran dimuat dalam bentuk piringan hitam atau dalam perkembangan moden seperti kaset dan lain-lain.⁸⁵

2.1.4. Aspek Tasawuf

Islam yang datang ke alam Melayu pada peringkat awalnya lebih menekankan pada aspek kesufian yang tinggi. Meski demikian tidaklah bererti bahawa masalah hukum kurang mendapatkan penekanan, sebab tasawuf yang berkembang di alam Melayu ini adalah tasawuf *sunni* yang meletakkan hukum dan fiqh sebagai asas utama dalam ajarannya.⁸⁶

Namun di abad ke-19 ini, sekitar tahun 1850 – 1855 M, kedatangan fenomena tentang perkembangan ajaran tarekat sufi ini, iaitu berganti dan beralihnya aliran tarikat *Shattāriyyah*⁸⁷ menjadi aliran tarikat *Naqshabandiyyah Qādiriyyah*.^{88 89}

⁸⁵ Wan Saghir (2006), *op.cit.*

⁸⁶ Amir Nur al-Din et.al (2006), *Hukum Perdata Islam di Indonesia, Studi Kritis Perkembangan Hukum Islam dari Fikih, UU No 1/1974 sampai Kompilasi Hukum Indonesia*, Jakarta: Kencana Prenada Nedia`Group. Cet. 3, hal. 3.

⁸⁷ Tarikat *Shattariyyah* dinisbahkan kepada Sheikh Abdullah al-Shattār (w.890 H/1485 M), seorang ulama yang masih memiliki hubungan keluarga dengan Shihāb al-Dīn Abū Ḥafs 'Umar al-Suhrawardī (539-632 H/1145-1234 M) yang mempopulerkan tarikat Shuhrawardiyah, bila dirujuk lebih awal tarikat ini memiliki salsilah dengan tarikat 'Isqiyah di Iran yang dipelopori oleh Abu Yazid al-'Ishqi dan juga tarikat Bistamiyyah di Turki yang dipopularkan oleh Abū Yazīd al-Buṣṭāmī (w. 260 H/873 M), kedua tarikat ini cukup popular di Asia Tengah pada abad 5, yang pada akhirnya lemah dan senyap pengaruhnya digantikan oleh tarikat Naqshabandiyah terkemudian. Namun kedua tarikat ini dibangkitkan kembali oleh Sheikh Abdullah al-Shattār di India dan menamáinya dengan tarikat Shattariyyah. Lihat dalam Oman Fathurahman (2008), *Tarekat Shattariyyah di Mingkabau; Teks dan Konteks*. Jakarta: Prenada Media Group, cet.1, hal. 28.

Di lain sisi, pada masa ini juga telah muncul sesetengah ulama yang menentang keras ajaran tarikat, Sheikh Sālim bin Sumayr misalnya, ianya telah mengarang buku yang menentang tarikat. Buku ini kemudiannya diterjemahkan dan disebar oleh Syed Usman dalam bahasa Melayu dengan judul “*Nasehat yang Elok kepada orang-orang yang masuk Tarekat*”.⁹⁰

Sudah tentu, suasana persekitaran yang diwarnai oleh percanggahan pendapat dan aliran dalam tasawuf ini, akan berimpak keatas cara berfikir dan cara bersikap seseorang. Dalam perkara ini, Guru Haji Isma’il Mundu lebih memilih bersikap tengah dengan tiada menentang secara keras tasawuf dan tarikat sepertimana sikap Sheikh Sālim bin Sumayr dan juga Syed Usman, namun juga tidak menerima secara melulu tanpa seleksi sepertimana ajaran dalam tarikat Shattariyah. Hal ini tampak daripada karya-karya yang telah terhasil, beliau telah menulis kitab dalam bidang tasawuf iaitu kitab *Zikr Tauhidiah* dan *Kitab Mukhtasor al-Mannān ‘alā Aqīdah al-Raḥmān*. Manakala dalam bidang fiqh, ianya telah menulis *Kitab Jadual Nikah* dan *Kitab Majmu’ al-Mirāth*.

⁸⁸ Tarikat ini didirikan oleh Sheikh Muḥammad Bahā’ al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-’Uwaysī al-Bukhārī (717-791 H) ianya biasa disebut Naqshabandiah yang ambil daripada kata Naqshaban yang bererti lukisan, kerana ahli dalam memberikan lukisan kehidupan yang ghaib-ghaib. Antara 10 macam yang menjadi asas tarikat ini adalah memegang teguh kepada I’tiqād Ahl al-Sunnah, meninggalkan keentengan, membiasakan kesungguhan, sentiasa muraqabah, meninggalkan kebimbangan dunia selain Allah, *Huḍūr* kepada Allah, Mengisi diri (*Taḥallī*) dengan segala sifat yang berfaedah, Mengikhlasakan dzikir, Menghindarkan kelupaan kepada Allah dan Berakhlak Nabi Muḥammad Saw. Lihat dalam M. Nursiah (1999M), *Ajaran Tarekat Naqshabandiyah*. Lombok Timur, Percetakan Bintang Timur, hal. 96-98.

⁸⁹ Karel A.Steenbrink (1984), *op.cit.* hal. 174.

⁹⁰ Karel A.Steenbrink (1984), *op.cit.* hal. 175

2.2. Riwayat Hidup Guru Haji Isma'il Mundu

2.2.1. Nama dan Keturunan

Guru Haji Isma'il Mundu terlahir pada tahun 1287 H/1870 M, semasa kecil lebih dikenali dengan nama Mundu, ianya terlahir daripada pernikahan seseorang Mursyid tarikat Abdul Qadir al-Jailani yang berasal dari Bugis iaitu Daeng Abdul Karim atau dikenali dengan nama Daeng Talengka bin Daeng Palewo Arunge Lamongkona bin Arunge Macenang Appalewo bin Arunge Betteng Wajo' Sulawesi Selatan. Ibunya bernama Zahra atau Wak Sora yang berasal dari daerah Kakap, Kalimantan Barat. Salsilah keturunan Guru Haji Isma'il Mundu berasal daripada Raja Sarwitto yang merupakan keturunan daripada raja-raja Gowa Sulawesi Selatan.⁹¹

2.2.2. Kehidupan Rumah Tangga⁹²

Di usia yang kedua puluh, Guru Haji Isma'il Mundu pergi melaksanakan ibadah haji yang pertama, ketika itulah ianya berjumpa dengan seorang wanita keturunan suku Habsyi yang bernama Ruzlan. berkahwin dengan di usia 20 tahun, ketika itu beliau sedang melaksanakan ibadah haji yang pertama kali di Makah. Namun, takdir Allah telah menentukan, isteri tercinta meninggal dunia sebelum keduanya dikurniai seorang keturunan.

Oleh itu, Guru Haji Isma'il Mundu kemudiannya menikahi seorang wanita kembali yang berasal daripada pulau Sasaran bernama Hjh. Aisyah. Allah SWT kembali

⁹¹ M.Riva'i Abbas *et.al.* (2008), *op.cit.* hal. 7

⁹² M.Riva'i Abbas *et.al.* (2008), *op.cit.* hal. 8

menguji kesabaran dan keteguhan hati Guru Haji Isma'il Mundu, isteri keduanya meninggal dunia, tidak berjangka lama selepas pulang ke Indonesia, daripada perkahwinan inipun Guru Haji Isma'il Mundu belum mendapati seorang keturunan.

Guru Haji Isma'il Mundu kemudiannya duduk menetap di pekan kecil Teluk Pakedei di wilayah Bandar Kubu Raya, disanalah kemudiannya beliau kembali menikahi seorang wanita yang masih ada hubungan saudara iaitu Hafifa binti H. Sema'ila. Daripada perkahwinan yang ketiga ini, beliau dikurnai tiga orang anak, dua orang lelaki yang bernama Ambo' Saro alias Openg dan Ambo' Sulo serta seorang perempuan yang bernama Fatma.

Namun begitu, isteri beliau yang ketigapun meninggal dunia selepas melahirkan anak yang ketiga iaitu Fatma. Demikian juga dengan putera dan puteri beliau, kebanyakannya meninggal dunia dalam umur yang masih muda, sehingga boleh dikatakan, bahawa Guru Haji Isma'il Mundu tidak memiliki keturunan yang mewarisi peninggalan-peninggalannya.

Guru Haji Isma'il Mundu kemudiannya kembali berkahwin yang keempat dengan seorang wanita berketurunan Arab suku Natto yang bernama Hj. Asmah binti Syed Abdul Kadir. Isterinya yang keempat ini berterusan sehingganya beliau meninggal dunia.

Tidak berjangka lama, selepas kahwinnya dengan isteri yang keempat ini, beliau pergi melaksanakan haji yang ketiga dan menetap bersama isterinya di Makkah al-Mukarramah selama kurang lebih sebelas tahun (1356 – 1367 H).

2.2.3. *Raḥalāʾ* 'Ilmiah dan Guru-guru⁹³

Keperibadian Isma'il Mundu yang taat dalam beragama dan cenderung kepada ilmu telah mula tampak semasa kecil, ianya belajar al- Quran kepada pamannya iaitu Haji Muhammad bin Haji Ali, adik kandung daripada ibunya. Dalam masa lebih kurang tujuh bulan ianya telah mengkhatamkan al-Quran. Seterusnya, Daeng Abdul Karim yakni ayahanda daripada Guru Haji Isma'il Mundu mengutusnyanya belajar kepada salah seorang ulama besar pada masanya iaitu Haji Abdullah Ibnu Salam, yang dikenali dengan nama Haji Abdullah Bilawa dan juga gelaran Ulama Batu Penguji. Guru Haji Isma'il Mundu kemudiannya pergi ke Makkah al-Mukarramah selepas Haji Abdullah Ibnu Salam meninggal, beliau belajar kepada salah seorang mufti disana yang bernama Sheikh Abdullah al-Zawawi.

Selain daripada itu, Guru Haji Isma'il Mundu juga berguru kepada dua orang guru yang bernama Tuan Umar Sumbawa dan Makabro alias Puang Lompo. Dari pada guru Makabro inilah Guru Haji Isma'il Mundu banyak belajar bagaimana menghafaz kitab-kitab dan ilmu-ilmu agama.

Pada tahun 1356 H, Guru Haji Isma'il Mundu pergi kembali untuk menjalankan ibadah haji yang ketiga, selama berada di Makkah beliau mengajar di masjid al-Haram di bagian sisi Şafa dan membina majlis agama dengan nama *Jāmi' al- Tanāṣuh*. Halaqah ilmiah ini berterusan sehingganya Sultan Hamid II⁹⁴ meminta beliau kembali pulang ke Indonesia pada tahun 1367 H.

⁹³ M.Riva'i Abbas *et al.* (2008), *op.cit.* hal. 9

⁹⁴ Ianya adalah Sultan Sharif Hamid II al-Kadri Sultan Pontianak yang kedelapan (1945-1950), putera daripada Sultan Sharif Muhammad al-Kadri bin Sharif Yusuf al-Kadri, Sultan Kerajaan Pontianak

Setibanya kembali di Indonesia, Guru Haji Isma'il Mundu tinggal dan menetap di Teluk Pakedei, Kalimantan Barat. Beliau mengajar dan menyebarkan dakwah Islam di sana sehinggalah beliau meninggal pada Rabu, 30hb Jumadil Awal 1377 H.

2.3. Hasil Karya Guru Haji Ismail Mundu⁹⁵

Guru Haji Isma'il Mundu adalah antara ulama yang tidak sahaja aktif dalam *dakwah bi al-Hal* (tindakan dan perbuatan), namun ianya juga produktif untuk menuangkan pemikiran-pemikirannya dalam sesebuah buku dan karya ilmiah. Antara karya-karya ilmiah yang telah ditulis oleh Guru Haji Isma'il Mundu adalah:

2.3.1. Tafsir Kitab Suci al-Quran terjemahan bahasa Bugis

Dalam kitab ini, Guru Haji Isma'il Mundu berusaha mengertikan dan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut makna yang terkandung. Oleh kerana persekitaran masyarakat ketikamana Guru Haji Isma'il Mundu berada adalah masyarakat suku Bugis yang hanya faham dengan bahasa Bugis, maka beliau kemudiannya menterjemahkan dan mentafsirkan al-Quran dengan menggunakan bahasa Bugis, perkara ini juga dilatarbelakangi oleh kefahaman beliau yang mendalam akan kedudukan al-Quran sebagai pedoman hidup yang akan membawa manusia kepada jalan yang lurus dan diridhai Allah SWT.

2.3.2. *Uṣul Tahqīq*

Kitab ini membincangkan tentang pentingnya kedudukan 'aqidah Islam yang merupakan asas bagi sesetiapa manusia dalam membina kehidupan yang mulia dan barakah. Guru Haji Isma'il Mundu mengajarkan kepada umat Islam agar sentiasa

yang keenam (1895-1944). Pada masanya pemerintah kerajaan banyak berlaku perubahan dan perkembangan. Ianya juga dikenali pencipta lambang kebangsaan burung Garuda Negara Republik Indonesia. Lihat dalam Musni Umberan et.al (1993), *Pendataan Peninggalan Sejarah Keraton Kadriah Pontianak*. Kalimantan Barat: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Pontianak, hal. 17.

⁹⁵ M.Riva'i Abbas *et al.* (2008), *op.cit.* hal. 12.

mentauhidkan Allah SWT dalam pelbagai situasi dan kondisi, samaada di masa lapang mahupun sempit, di masa senang mahupun pahit, dimasa kaya mahupun miskin, sentiasa mentauhidkan Allah SWT di masa berjaya mahupun di masa turunnya ujian dan musibah.

2.3.3. *Mukhtaṣar al-Mannān*

Dalam kitab ini Guru Haji Isma'il Mundu menghuraikan secara ringkas dan singkat asas- asas dalam mengenali Allah (*ma'rifatullah*), sama ada melalui sifat-sifat wajib Allah SWT yang dua puluh, sifat-sifat mustahil mahupun sifat jaiz bagi Allah SWT.

2.3.4. *Kitab Jadual Nikah*

Kitab ini merupakan antara karya cemerlang Guru Haji Isma'il Mundu yang menghuraikan hukum hakam perkahwinan dalam Islam, bermula daripada hukum nikah, syarat, rukun, sehingga persoalan tentang talak. Kitab yang telah selesai di tulis pada tahun 1357 H ini merupakan kitab panduan dan pedoman bagi sesetiap pegawai perkahwinan pada masa kerajaan Kubu ketika itu. ianya juga telah mendapati pengiktirafan daripada mufti Kerajaan Johor dan pujian daripada Qaḍi Qudat Singapura.

2.3.5. *Majmū' al-Mirāh*

Kitab ini merupakan kitab yang menumpukan kajiannya tentang hukum hakam warisan dalam Islam mengikut mazhab Syafi'i.

2.3.6. *Kitab Dhikr Tauḥīdiyyah*

Kitab ini mengandungi zikir-zikir yang diamalkan oleh Guru Haji Isma'il Mundu beserta murid-muridnya yang telah mendapati ijazah (pengiktirafan untuk mengamalkannya). Kitab ini pada mulanya merupakan tulisan tangan daripada Guru

Haji Isma'il Mundu, namun pada akhirnya ianya dicetak kembali oleh Muhammad bin Yahya Alawy.

2.4. Tokoh-tokoh yang mengenal Guru Haji Isma'il Mundu

Kebiasaan Guru Haji Isma'il Mundu dalam melakukan perjalanan ilmiah (*rahalāt ilmiyyah*) dan juga semangat beliau dalam menebarkan dakwah Islam sama ada semasa di tanah air Indonesia mahupun semasa di Makkah al- Mukarramah telah menjadikan beliau tokoh yang dikenali tidak sahaja di rantau Nusantara namun juga di dunia antarabangsa. Hal ini tampak daripada dokumen-dokumen yang terhasil dikumpul oleh para murid-murid beliau, dari dokumen-dokumen sama ada yang berbentuk photo mahupun surat menunjukkan bahawa ramai tokoh yang mengenali Guru Haji Isma'il Mundu, antaranya ialah:

2.4.1. Sheikh Abdullah al-Zawāwī

Beliau adalah seorang mufti Makkah al-Mukarramah semasa Hijaz diperintah oleh Raja Husein, ianya adalah Raja sebelum pemerintahan raja Su'ud yang mendirikan kerajaan Saudi Arabia terkemudian. Sheikh Abdullah al-Zawawi adalah antara Guru Haji Isma'il Mundu semasa belajar di Makkah al- Mukarramah yang kemudiannya memberikan kalimat pendahuluan dalam *Kitab Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu yang sedang dikaji ini. Kedekatan Sheikh Abdullah al-Zawawi ini juga tampak dengan adanya surat panggilan daripada putra Sheikh Abdullah al-Zawawi iaitu Muhammad bin Abdullah al-Zawawi pertanggal 15 Safar 1340 H yang memohon kepada Guru Haji Isma'il Mundu berziarah ke Makkah al-Mukarramah.⁹⁶

⁹⁶ M.Riva'i Abbas et.al (2008), *op.cit.* hal. 21

2.4.2. Sheikh Alwi bin Tahir bin Abdullah al-Haddad Alwi ⁹⁷

Beliau adalah mufti kerajaan Johor Malaysia. Beliau telah memberikan kata pujian keatas karya Guru Isma'il Mundu yang cemerlang yakni *Kitab Jadual Nikah* pertanggal 7 Rabi'ul Awal 1358 H.⁹⁸

2.4.3. Sheikh Abbas bin Muhammad Toha ⁹⁹

⁹⁷ Nama lengkapnya ialah Ḥabīb Alwī bin Ṭāhir al-Ḥaddād bin Abdullah bin Ṭahā Abdullah bin 'Umar bin 'Alwī bin Muḥammad bin 'Alwī bin Aḥmad bin Abī Bakar Abū Ṭahir al-'Alawī al-Sharīf al-Huseinī. Sampai nasabnya kepada Sayyidinā 'Alī bin Abī Ṭalib yang kawin dengan Sayidatina Fatimah binti Nabi Muhammad SAW. Ḥabīb 'Alwī bin Ṭāhir al-Ḥaddād lahir di Bandar Qaidun, Haḍramaut, Yaman pada 14 Shawal 1301 H/ 7 Ogos 1884 M. Syed Alwi bin Tahir termasuk salah seorang pendiri al-*Rabitah al-'Ālawiyyah* di Indonesia. Selain mengajar di Jakarta beliau juga pernah mengajar di Bogor dan tempat-tempat lain di Jawa. Beliau menjabat sebagai mufti Kerajaan Johor dari tahun 1934 hingga tahun 1961. Syed Alwi menjadi mufti Johor menggantikan *Allahyarham* Dato' Syed Abdul Qader bin Mohsen al-Attas. Beliau wafat pada 14 November 1962 (1382 H) dan dikuburkan di Tanah Perkuburan Mahmoodiah Johor Bahru. Syed Alwi memiliki karangan-karangan diantaranya karangannya adalah: *al-Qaul al-Faṣl fi Mā li Bani Hāshim wa Qurāish wa al-Arab Min al-Faḍl* (dua jilid), Kumpulan Fatwa (berisi sekitar 12000 fatwa), masalah *Durūs al-Sīrah al-Nabawiyyah* dalam dua jilid kecil, Kitab tentang hukum-hukum nikah dan qada dalam bahasa Melayu (diterbitkan dalam dua jilid), *Mukhtaṣar Aqd al-Āli* karangan Syed Idrus bin Umar al-Ḥabshi, *I'ānah an-Nahīd fi 'Ilm al-Farāid, Majmū'ah min 'Ulūm al-Falak* (jilid besar), *al-Ṭabaqāt al-'Ālawiyyah*. Lihat dalam al-Ḥabīb Alwi bin Ṭāhir al-Haddad (2001), *Sejarah Masuknya Islam di Timur Jauh*. Jakarta: Lentera.

⁹⁸ *Kitab Jadual Nikah*, hal. 2.

⁹⁹ Haji Abbas Mohd Taha pula lahir pada 1885 di Tanjung Pagar, Singapura. Berketurunan Minangkabau dan menghabiskan masa mudanya belajar di Mekah, kembali ke Singapura pada 1905. Sebelum bertugas sebagai pengarang al-Imam beliau pernah bekerja sebagai guru agama, Imam masjid Tanjung Pagar. Pernah juga menjadi qadi besar di Singapura. Beliau menerbitkan akhbar Neracha pada tahun 1910 dan diikuti majalah Tunas Melayu pada tahun 1913. Kedua-dua akhbar ini meneruskan cita-cita yang diperkenalkan oleh al-Imam. Ini meletakkan beliau sebagai seorang ulama dan tokoh Islam yang berjaya menyambungkan *Islah Islam* yang diasaskan oleh al-Imam akhirnya sejak dari tahun 1940 beliau seadar menjadi guru agama di Selangor dan Mufti di Pahang. Lihat dalam William R. Roff (1972), *Bibliography of Malay And Arabic Periodicals*. London: Oxford University Press, hlm 9. William R. Roff menyatakan bahawa selepas tamatnya penerbitan al-Imam maka golongan ini telah menerbitkan pula Neracha dan kesemua idea ini mengambil idea majalah al-Manar dari Timur Tengah; "Returning to 1906, there appeared in Singapore in July of that year a monthly journal in Malay entitled Al-Imam, edited by Shaykh Mohd. Tahir jalaluddin and later by Haji Abbas Mohd. Taha. This was the first Islamic reform Journal to be published in Muslim South-east Asia, and consequently is still of considerable importance and interest. Modelled directly on the Al-Manar of reform circles in Cairo, Al-Imam was also the first in the long line of Malay periodicals devoted wholly or largely to religious (and most often to reform) matters, and the most influential of the group of four which appeared in the years 1906 to 1916. Two years after it stopped publication in early 1909, Il-Imam was succeeded by Neracha, also edited by Haji Abbas, which from 1911 to 1915 appeared every two weeks, then every ten days, and finally weekly

Beliau adalah pejabat *Qaḍī Quḍāt* di Singapura, beliau juga telah memuji karya Guru Haji Isma'il Mundu iaitu Kitab *Jadual Nikah* yang telah menghimpunkan persoalan-persoalan yang berhubungkait dengan perkahwinan dalam Islam secara ringkas dan cukup lengkap.¹⁰⁰

2.4.4. Syed Nasir dan Syed Abdul Satar

Keduanya adalah ulama yang berasal dari Madinah dan para *huffāz* al-Quran. Pada tahun 1349 H/1930 M dalam bulan Ramadan, keduanya datang berziarah kepada Guru Haji Isma'il Mundu ke Teluk Pakedei, Kerajaan Kubu, Kalimantan Barat. Kurang lebih selama tiga bulan mereka tinggal di Teluk Pakedei dan menjadi imam solat tarawih selama bulan suci Ramadan.¹⁰¹

2.4.5. Syed Hasan Japri, Syed Alwi dan Syed Ahmad Jablawi

Syed Hasan Japri adalah seorang mufti Hadral Maut, sedang Syed Alwi adalah salah seorang ulama dari Yaman. Adapun Syed Ahmad Jablawi adalah seorang ulama Mesir. Ketiganya datang berziarah ke Teluk Pakedei, kerajaan Kubu tidak lama selepas dua orang ulama dari Madinah kembali pulang. Syed Ahmad Jablawi sebenarnya datang bermaksud bagi mengajar para murid Guru Haji Isma'il Mundu dalam menghafaz al-Quran, tetapi oleh kerana syarat yang telah dibuat tidak dapat dicapai, maka beliau akhirnya membatalkan niatnya. Antara syarat yang dibuat oleh beliau adalah bahawa jumlah yang boleh membaca al-Quran dengan benar adalah berjumlah 40 orang.¹⁰²

¹⁰⁰ Kitab *Jadual Nikah*. hal. 3.

¹⁰¹ Lihat gambar 12 dalam H.Riva'i Abbas *et.al* (2008), *op.cit.* hal. 22-23

¹⁰² H.Riva'i Abbas *et.al* (2008), *ibid.* hal. 23

2.4.6. Ir. Soekarno

Beliau adalah presiden pertama Republik Indonesia yang mendeklar kemerdekaan bangsa Indonesia pada tanggal 17hb Ogos 1945. Ketokohan dan jasa besar Guru Haji Isma'il Mundu telah mendorong Ir. Soekarno mengirim utusan khusus yang secara langsung datang ke Teluk Pakedei kerajaan Kubu Kalimantan Barat bagi membincangkan pelbagai persoalan dan masalah.¹⁰³

2.4.7. Kyai Haji Wahid Hasyim

Beliau adalah pendiri pesantren Tebuireng Jombang Jawa Timur. Beliau pernah dilantik sebagai menteri agama pertama di Indonesia di masa pemerintahan presiden pertama Republik Indonesia yakni Ir. Soekarno. Ketika Guru Haji Isma'il Mundu tiba kembali di Indonesia selepas menetap di Makkah Al-Mukarramah selama kurang lebih sebelas tahun (1356 – 1367 H), maka beliau disambut oleh Kyai Haji Wahid Hasyim yang merupakan sahabat dan rakan lama Guru Haji Isma'il Mundu semasa belajar di Makkah.¹⁰⁴

2.5. Beberapa *Karāmah* Guru Haji Isma'il Mundu

Keistimewaan dan keajaiban yang tampak daripada sebahagian manusia merupakan kurnia yang Allah SWT bagikan kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki, perkara tersebut bila berlaku keatas para nabi dan rasul disebut sebagai mukjizat sedang bila berlaku keatas hamba-hamba Allah yang saleh selain nabi dan rasul disebut sebagai karamah.¹⁰⁵

¹⁰³ H.Riva'i Abbas *et.al* (2008), *ibid.* hal. 24.

¹⁰⁴ M.Riva'i Abbas *et.al* (2008), *op.cit.* hal. 16.

¹⁰⁵ Ibnu Abi al-'Iz berkata: “ *Dan kita mengimani adanya karamah-karamah mereka, dan telah sah riwayat-riwayatnya daripada para orang-orang yang terpercaya (tsiqat) berlakunya perkara itu, perkara-perkara itu bila mewujudkan faedah dan manfaat yang diperintahkan oleh agama, maka*

Ada beberapa kisah ajaib yang berlaku keatas Guru Haji Isma'il Mundu sepertimana yang diceritakan oleh para muridnya, antaranya ialah:

1. Ketika Guru Haji Isma'il Mundu datang pertama kali ke Teluk Pakedei, ia dihadang oleh sekelompok perompak bersenjata. Kelima perompak itu meminta Guru Haji Isma'il Mundu untuk menggunakan pelbagai senjata yang ia miliki, namun beliau hanya menjawab bahawa kedatangannya ke Teluk Pakedei untuk menyebarkan dakwah dan kebenaran. Sebelum perkelahian bermula, beliau meminta mereka untuk mencabut pokok kelapa yang baru tumbuh, namun kelima orang perompak itu tidak mampu mencabutnya. Dengan izin Allah SWT Guru Haji Ismail Mundu dengan mudah mencabut pokok kelapa itu dan juga membengkokkan senjata-senjata. Akhirnya kelima orang perompak itu sadar dan bertaubat.¹⁰⁶
2. Suatu saat Wak Apel¹⁰⁷ mandi di paret dekat Masjid Nasrullah (Masjid Batu),¹⁰⁸ sedang Guru Haji Isma'il Mundu ketika itu duduk-duduk di serambi masjid. Tiba-tiba beliau meminta Wak Apel memancing ikan kakap. Padahal ikan Kakap biasanya hanya terdapat di laut luas. Kerana diperintahkan oleh

ianya termasuk amal saleh, samaada hukumnya wajib mahupun sunnah, bila mewujudkan manfaat yang bersifat mubah (harus), maka merupakan nikmat dan anugerah daripada Allah SWT yang menuntut kesyukuran. Namun jika ianya mewujudkan perkara yang dilarang oleh agama, maka ianya adalah sebab seksa dan perkara yang dibenci. Secara ringkas perkara yang berlaku diluar adat kebiasaan (Al Khariq lil 'adat) kadangkala merupakan perkara yang terpuji, kadang tercela dan kadang sesuatu yang mubah (harus)". Lihat Ibn 'Abd al-'Iz al-Ḥanafī (1988), *Sharḥ al-'Aqīdah al-Taḥāwīyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islamī, cet. 9, hal. 494-495

¹⁰⁶ Seperti diceritakan oleh H. Arshad Tahak pada tanggal 24 Februari 2002 dalam H. Riva'i Abbas *et.al* (2008), *op.cit.* hal. 57.

¹⁰⁷ Wak Apel adalah antara murid guru Haji Isma'il Mundu yang sentiasa *mulazamah* kepada beliau, ianya juga duduk bertetangga dengan rumah Guru Haji Isma'il Mundu. Demikian seperti yang diceritakan H. Riva'i Abbas pada tanggal 27 Maret 2010 dalam temu bual dengan beliau.

¹⁰⁸ Masjid Nasrullah (masjid Batu) adalah masjid yang didirikan oleh Guru Haji Isma'il Mundu bersama salah seorang muridnya yang bernama Datuk Penghulu Haruna bin H. Isma'il yang telah lama duduk di Malaysia. Masjid ini didirikan sebagai pusat penyebaran dan dakwah Islam di Teluk Pakedei Kerajaan Kubu pada tanggal 4 Zulhijjah 1345 (1926 M).

beliau, maka Wak Apel mencari alat pancing dan kemudian memancing di persekitaran serambi masjid, tidak lama kemudian pancing Wak Apel dimakan ikan Kakap yang besar.¹⁰⁹

3. Suatu hari ada seseorang penjual tempoyak (sejenis makanan yang dibuat daripada buah durian) yang datang kepada Guru Haji Isma'il Mundu, kerana ia tahu beliau sangat menyukainya. Beliaupun akhirnya membelinya walaupun ketikaitu ia tidak membawa wang. Maka beliau memerintahkan kepada muridnya H. Ibrahim bin H. Bashir untuk mengambilkan wang yang berada di saku baju Guru Haji Isma'il Mundu. Selepas dicari beberapa waktu ianya tidak menemukan. Wak Cong (rakan H. Ibrahim bin H. Basyir) memberikan saranan untuk dibahagikan sahaja secara langsung kepada Guru Haji Isma'il Mundu. Selepas itu, Guru Haji Isma'il Mundu sendiri yang mencari di saku bajunya, ajaibnya beliau menemukan sejumlah wang yang digunakan untuk membayar makanan itu. Atas kejadian ini H.Ibrahim bin H. Bashir merasakan adanya keajaiban dan karamah.¹¹⁰
4. Pada tanggal 11 Jamadil Akhir 1377 H (1957 M), Guru Haji Isma'il Mundu memanggil beberapa muridnya antaranya, H. Husin bin H. Ahmad, H. Abbas bin H. Supu, Muhammad Saleh bin H. Ya'kob dan beberapa murid yang lain, kesihatan beliau semasa itu semakin menurun, beliau menceritakan mimpinya yang beliau lihat semalam: "*Aku bermimpi melihat langit terbuka dan terdapat tangga yang akhirnya tepat berada di kamarku, selepas itu aku melihat dua orang turun dengan membawa bejana yang berisi lengkap alat-*

¹⁰⁹ Seperti diceritakan oleh H. Riva'i Abbas dalam H.Riva'i Abbas *et al.* (2008), *op.cit.* hal. 58.

¹¹⁰ *Ibid.*

alat kafan mayat. Kedua orang itu kemudian naik, namun salah seorang turun kembali membawa meter dan mengukur aku, aku mengatakan bahawa aku belum mati, orang itu kemudiannya naik kembali ke langit, aku lalu bangun dan sadar dari pada tidurku". Seterusnya beliau mengatakan kepada para muridnya: " *Segera siapkan rumahku! Kerana pada hari rabu nanti aku akan menempatinya*". Maka benarlah pada pukul 10.00 pagi waktu Indonesia bahagian Barat di hari Kamis, tanggal 11 Jamadil Akhir 1377 H (1957 M), beliau meninggal dunia tidak jauh seperti firasat dan mimpi yang telah beliau lihat.¹¹¹

2.6. Huraian Am Kitab *Jadual Nikah*

Kitab *Jadual Nikah* merupakan antara karya cemerlang Guru Haji Isma'il Mundu yang telah selesai ditulis semasa beliau masih menjawat jawatan mufti di kerajaan Kubu Kalimantan Barat iaitu pada hari Selasa tanggal 1hb Jumadil Ula 1357 H di negeri Makkah al-Mukarramah. Semula kitab ini merupakan tulisan tangan daripada Guru Haji Isma'il Mundu dalam bahasa Melayu Jawi yang kemudiannya dicetak oleh *Matba'ah Islamiyyah* 347 Viktoria Street Singapura, hanya sahaja tidak kedapatan tarikh mahupun tahun percetakannya, kecuali tarikh pujian Qaḍi Quḍat Singapura pertanggal 7hb Rabi' al-Akhir 1358 H yakni setahun selepas penulisan awal kitab ini.

Dalam percetakan *Maṭba'ah Islāmiyyah* 347 Viktoria Street Singapura, Kitab *Jadual Nikah* terdiri daripada 30 halaman muka surat, ditambah 2 muka halaman di hadapan yang mengandungi pendahuluan daripada Sheikh Muḥammad al-Zawāwī, surat akuan mufti kerajaan Johor Sheikh 'Alwi bin Ṭāhir bin 'Abdillah al-Ḥaddād dan pujian daripada qāḍi quḍāt Singapura Sheikh 'Abbas bin Muḥammad Ṭāha.

¹¹¹ H. Riva'i Abbas dalam H. Riva'i Abbas *et.al* (2008), *op.cit.* hal. 18-19

Kitab *Jadual Nikah* yang digunakan sebagai bahan disertasi ini merupakan kitab salinan yang pengkaji dapati daripada Sheikh H. Riva'i Abbas.¹¹² Oleh kerana berharganya kitab ini, ianya masihpun dikaji oleh ramai orang sehingga kini di kelas-kelas agama terutamanya di kawasan Kalimantan Barat dan juga menjadi bahan rujukan oleh sebahagian penghulu (juru kahwin), sehingga boleh dikatakan sangat sulit mendapati salinan asal kitab ini, terlebih salinan naskhah awal daripada tulisan tangan Guru Haji Isma'il Mundu. Menurut Sheikh H. Riva'i Abbas ketiadaan zuriah dan keturunan Guru Haji Isma'il yang hidup sehingga dewasa telah pula membawa impak tidak terjaganya warisan-warisan ilmiah beliau, sehingga sulit bagi generasi selepasnya mendapati salinan-salinan asal warisan-warisan ilmiah beliau tersebut.

2.6.1. Latar Belakang dan Tujuan Penulisan Kitab *Jadual Nikah*

Sejak tahun 1907 M, Guru Haji Ismail Mundu telah dilantik sebagai mufti kerajaan Kubu, antara tugas utama seorang mufti ketika itu adalah sebagai juru kahwin,¹¹³ jawatan ini masih beliau jawat sehingganya Kitab *Jadual Nikah* ini selesai ditulis pada tahun 1357 H (1936 M). Oleh itu, sepertimana yang telah Guru Haji Isma'il Mundu tegaskan dalam pendahuluan Kitab *Jadual Nikah* bahawa maksud dan matlamat kitab ini ditulis adalah bagi menjawab pelbagai masalah dan persoalan yang berhubungkait dengan hukum hakam perkahwinan dalam Islam. Selain daripada itu, beliau juga bermaksud agar kitab ini boleh menjadi rujukan bagi para pegawai agama, terutamanya qadi dan juru kahwin secara khas dan juga kaum muslimin secara am.

¹¹² H. Riva'i Abbas adalah anak kandung H. Abbas H. Supuk yang merupakan murid langsung daripada Guru Haji Isma'il Mundu, ianya lahir di Teluk Pakedei pertanggal 18hb Ogos 1951. Ianya yang kini mewarisi dan memelihara seluruh warisan ilmiah Guru Haji Isma'il Mundu sama ada warisan-warisan ilmiah yang berbentuk naskhah dan kitab mahupun warisan beliau yang berbentuk artifak sejarah seperti masjid Nasrullah (masjid Batu) yang berada di kawasan Teluk Pakedei. Ianya juga yang hingga kini terus mengajarkan warisan-warisan ilmiah Guru Haji Isma'il Mundu di majelis-majelis agama di kawasan Teluk Pakedei, Sungai Kakap dan Bandar Pontianak Kalimantan Barat.

¹¹³ Karel A. Steenbrink (1984), *op.cit*, hal.228

Penulisan kitab ini menurut pengkaji sangat relevan dan sebegitu penting peranannya bagi memenuhi keperluan semasa itu. Perkara ini boleh dilihat daripada beberapa aspek: *Pertama*, aspek sosial, di mana kondisi persekitaran masyarakat secara amnya masih dalam keadaan bodoh (jahil) terhadap nilai-nilai ajaran agama, hal ini lebih dipengaruhi oleh sedikitnya ulama dan da'i yang menyebarkan dakwah Islam di kawasan-kawasan pedalaman seperti Teluk Pakedei, kerajaan Kubu Kalimantan Barat. Di lain sisi, masalah perkahwinan ini erat hubungannya dengan *hifzu al-Nasl* (menjaga keturunan) yang menjadi salah satu objektif syariah Islam. Oleh itu, penulisan kitab ini sangat penting peranannya bagi mengelakkan kesalahan-kesalahan dalam proses perkahwinan, juga mengikis daripada pengaruh negatif budaya perkahwinan Hindu dalam masyarakat Islam. *Kedua*, aspek keilmuan, penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini juga telah menambah khazanah pembendaharaan ilmu khasnya di alam Melayu dan di dunia Islam secara am. *Ketiga*, aspek politik, dijadikannya Kitab *Jadual Nikah* ini sebagai rujukan rasmi bagi para pegawai agama dan juru kahwin, telah membawa impak secara politik bagi dikuatkuasakannya sistem perkahwinan Islam di kerajaan Kubu yang berada di bawah kekuasaan pemerintahan Belanda ketika itu.

2.6.2. Metod Penulisan Kitab *Jadual Nikah*

Metod penulisan utama Kitab *Jadual Nikah* ini secara keseluruhannya direka dengan model kitab fatwa yang menggunakan sistem soal jawab. Tampaknya, usaha penulis ini bermaksud bagi menimbulkan daya pikir dan juga bagi membiasakan para pembacanya dalam membuat analisa, kesimpulan dan keputusan, terutamanya bagi para qadi dalam menghadapi pelbagai kemungkinan permasalahan yang muncul ditengah-tengah kehidupan masyarakat yang memerlukan keputusan secara hukum.

Sistem soal jawab yang digunapakai oleh Guru Haji Isma'il Mundu ini sebenarnya telah dikenali pada masa-masa sebelumnya, sepertimana yang dilakukan oleh Imam Syafi'i dalam *al-Risālah*,¹¹⁴ Sheikh Daud al-Fattani dalam kitab *Furū' al-Masā'il*, juga Sheikh 'Abdul al-Ra'uf bin 'Ali al-Fansuri dalam kitab *Mir'āt al-Ṭullāb*.

Dalam menggunakan sistem soal jawab, Guru Haji Isma'il Mundu juga turut memberikan huraian-huraian singkat dalam bentuk deskriptif untuk menjelaskan pengertian yang bersifat asasi, mensyarahkannya dengan singkat dan juga menyertakan alasan-alasan al-Quran dan Hadis seperlunya serta perkataan-perkataan ulama-ulama mazhab darimana beliau merujuk.¹¹⁵

Daripada aspek metod penulisan, Guru Haji Isma'il Mundu dalam membahaskan setiap masalah yang diangkat tiada membahagikan tajuk, fasal mahupun yang lain. Oleh itu, daripada sudut ini kitab ini tampak kurang sistematis. Namun demikian, ketikamana pengkaji membaca secara teliti, Guru Haji Isma'il Mundu sebenarnya telah menyusun setiap masalah mengikut topik yang sama dan berurut-urut, namun ianya tidak menuliskan tajuk mahupun topik yang sedang dibahas.

Sememangnya, Guru Haji Isma'il Mundu dalam penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini secara konsisten merujuk terus kepada kitab-kitab mazhab Syafi'i tanpa menyentuh percanggahan yang berlaku diantara para fuqaha dalam pelbagai permasalahan fiqh. Perkara ini dimaksudkan agar ianya lebih mudah dipahami dan juga diamalkan bagi masyarakat awam yang tidak mampu berfikir secara detail dan mendalam.

¹¹⁴ Sistem soal jawab daripada Imam Shāfi'ī, antaranya terdapat dalam kitab al-Um juz VII, hal. 250.

¹¹⁵ Antara kitab mazhab yang menjadi rujukan Guru Haji Isma'il Mundu dalam penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini adalah *Rauḍah al-Ṭālibīn* karya Abu Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'umdat al-Muḥtājīn* karya Muḥyi al-Dīn Abi Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Muhaddhdhab fī fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* karya Abu Ishāq Ibrāhīm bin Ali bin Yūsuf al-Faeruzabādi al-Shīrāzi, *Fatḥ al-Mu'īn bi Sharh Qurrat al-Āyn bi Muhimmat al-Dīn* karya Zayn al-Dīn bin 'Abd al-'Azīz al-Malibāri, *al-Iqnā' fī ḥal al-Fāz Abi Shujā'* karya Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb.

Kebanyakan masalah yang dipersoal-jawabkan dalam Kitab *Jadual Nikah* ini merupakan masalah-masalah pengandaian yang dikenali di kalangan para fuqaha dengan *al-Masāil al-Farḍiyyah*.¹¹⁶ Begitupun kandungan sebahagian masalah-masalah yang dipersoal-jawabkan masih sangat terpengaruh oleh masalah-masalah klasik yang diandai-andaikan dan cenderung bersifat Arab, kerana terdapat dalam kitab-kitab lama berbahasa arab.¹¹⁷ Namun demikian, Guru Haji Isma'il Mundu juga berusaha mengangkat ke dalam tulisannya kes setempat sebagai suatu masalah yang menurut pendapatnya perlu mendapatkan pemecahannya daripada sudut pandang hukum Islam.

Perkara yang menarik dan menurut pengkaji menjadi nilai lebih daripada kitab ini berbanding kitab-kitab semasa itu yang telah ditulis adalah metod jawaban dengan senarai nombor-nombor yang digunapakai oleh Guru Haji Isma'il Mundu, telah mampu menghimpunkan pelbagai permasalahan hukum hakam perkahwinan yang bercerai-cerai dalam pelbagai kitab rujukan utama (*ummahāt al-Kutub*) menjadi sesebuah bab yang mudah untuk dibaca dan di pahami. Sehingga bolehlah dikatakan bahawa kitab ini merupakan kesimpulan dan intipati pelbagai permasalahan perkahwinan yang telah diangkat dalam pelbagai kitab-kitab rujukan dalam mazhab Syafi'i.¹¹⁸

¹¹⁶ Sepertimana dalam halaman muka surat 10: “**Soal** : Jika neneknya akan wali apalah katanya pada ijabnya?. **Jawab**: Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan cucuku si anu dengan maskahwin sekian-sekian*”. **Soal** : Jika saudaranya akan wali apalah katanya pada ijabnya?. **Jawab** : Katanya: “*Aku nikahkan akan diaku akan saudaraku si anu dengan maskahwin sekian-sekian*”. **Soal**: Jika lain daripada tiga orang yang tersebut apalah katanya?. **Jawab** : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan si anu, yang berwali akan dikau, dengan maskahwin sekian-sekian*”. Kata suami: “*Aku terima nikahnya si anu yang berwali akan dikau dengan maskahwin sekian-sekian*”. **Soal**: Jika bapaknya berwakil pada imam atau lainnya apalah katanya?. **Jawab**: Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan si anu anak si anu yang berwakil ia kepada aku dengan maskahwin sekian-sekian*”. Maka hendaklah disebutkan bilangan maskahwinnya itu dengan *qarḥmah* bilangannya, jika berapa-berapa bilangannya itu serta menyebutkan jenisnya itu. Maka qiyaskan yang lain daripada itu.”

¹¹⁷ Seperti contoh masalah-masalah yang berhubungkait dengan hamba sahaya. Lihat dalam Kitab *Jadual Nikāh*, hal. 6, 7, 15 dan 29.

¹¹⁸ Sepertimana yang telah diungkapkan oleh Abbas bin Muḥammad Ṭāha Pejawat Qādi al-Qudāt Singapura ketika membagikan alu-aluan pujian keatas Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu: ” *Telah saya lihat kitab ini bernama Jadual al-Nikah yang membicarakan hukum yang*

2.7. Kesimpulan

Dari huraian singkat diatas, dapatlah disimpulkan bahawa Guru Haji Isma'il Mundu merupakan antara ulama yang cukup dikenali di kawasan nusantara secara khas dan di dunia Islam secara am. Persekitaran zaman yang penuh pergolakan dan cabaran samaada dalam aspek sosial, politik mahupun keilmuan telah membentuk keperibadian dan ketokohan beliau sebagai seseorang ulama yang memiliki jiwa kepedulian terhadap permasalahan zamannya. Antara sumbangan yang cukup cemerlang yang telah menjadi warisan khazanah keilmuan di kawasan nusantara ini adalah Kitab *Jadual Nikah*. Meskipun kitab ini tergolong kitab yang ringkas, namun dengan kecerdasan dan ketelitian daripada Guru Haji Isma'il Mundu, ianya telah mengandungi pelbagai masalah-masalah perkahwinan yang diperlukan oleh para qadi secara khas dan umat Islam secara am.

*berkenaan nikah dan caranya dan lain-lain. Maka saya dapati sangat molek dan berguna bagi tiap-tiap orang yang hendak mengambil pengertian dalam perkara itu, tiada dapat tidak hendaklah menyimpan naskhah daripada kitab yang sangat berguna itu. Kerana terkadang masalah-masalahnya tiada didapati melainkan didalam kitab-kitab yang besar tiba-tiba didapati di dalam jadual itu dengan senang boleh diarti.”. lihat dalam Kitab *Jadual Nikah*, hal. 3.*

BAB KETIGA

TRANSLITERASI DAN *TAHQIQ* TEKS

Dalam bab ini pengkaji akan mentransliterasi “Kitab *Jadual Nikah*” daripada bahasa Melayu Jawi kepada bahasa Melayu Rumi. Transliterasi ini penting dilakukan bagi meneroka lebih dalam keatas kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini sama ada hukum hakam, permasalahan dan perkara-perkara yang diangkat oleh Guru Haji Isma’il Mundu. Seterusnya, pengkaji akan melakukan *tahqīq*¹¹⁹ dengan merujukannya kembali kepada kitab-kitab yang muktabar dalam mazhab Syafii, perkara ini dilakukan bagi memastikan kebenaran dan kesahihan dari mana sumber Guru Haji Isma’il Mundu mengambil pendapat dan pandangan dalam Kitab *Jadual Nikah* ini.

Selain daripada itu, bagi memudahkan menelaah kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini, pengkaji menghimpunkan beberapa sub topik yang bercerai-cerai ke dalam sesebuah topik utama sehingga ianya mewujudkan sistematika penulisan yang lebih elok untuk disemak dan dibaca. Dalam bab ini, pengkaji turut juga membahagikan tanda bacaan seperti koma, noktah, tanda soal, tanda pembuka kata, tanda penutup, dan sebagainya, sehingga perkara ini akan lebih memudahkan untuk dibaca dan mengelakkan berlakunya pertentangan dengan maksud asal kitab yang hendak disampaikan.

¹¹⁹ *Tahqīq* merupakan perkataan bahasa arab. Ia merupakan kata terbitan dan kata dasarnya ialah, *tahaqqāq* (تحقق) yang bererti tetap, benar, terang atau yakin. Manakala perkataan *tahqiq* (تحقیق) pula membawa maksud, ketetapan, kebenaran, keterangan atau keyakinan. Lihat dalam H. Mahmud Yunus(1983), *Kamus Arab-Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah Pentafsiran al-Quran, cet.1, hal. 106.

**INILAH KITAB YANG BERNAMA *JADUAL NIKAH* SOAL JAWAB DENGAN
BAHASA MELAYU YANG MENTERJEMAHKAN DAN MEMUNGUTKAN
MASALAHNYA SYEIKH 'ISMA'IL BIN 'ABD AL- KARIM MUFTI
KERAJAAN KUBU**

**Moga-moga Allah mengampuninya dan kedua orang tuanya dan guru-gurunya
dan kaum muslimin secara keseluruhan**

Amin

PENDAHULUAN KITAB

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji milik Allah, Tuhan seluruh alam semesta, selawat dan salam keatas mulia-mulianya utusan yakni *Sayyidina* Muhammad, juga keatas keluarganya dan para sahabat seluruhnya, *waba'du*:

Adapun kemudian daripada itu, maka tatkala adalah pada tahun 1357 daripada hijrah Nabi SAW bergeraklah hati saya dan cenderunglah fikiran saya bahawa hendak memungut akan beberapa masalah soal jawab pada bicara hukum nikah, diperbuatkan satu kitab jadual yang kecil yang *farḍu* diketahui pegawai-pegawai juru nikah dan lain-lainnya *qadra hājah*,¹²⁰ dan saya harapkan kepada Allah akan memberikan faedah¹²¹ bagi saya dan pegawai-pegawai agama dan bagi yang berhajat kepadanya dan bagi *muslimīn ajma'īn*,¹²² dan petaruhan¹²³ bagi saya pada hari kiamat (*walā ḥaula walā quwwata illā billāh al-'Alīyy al-'Azīm wahuwa ḥasbī wa ni'ma al-Wakīl, Amm*) ertinya tiada daya pada menjauhkan maksiat dan tiada upaya pada mengerjakan suruh melainkan dengan pertolongan Allah Tuhan yang Maha Tinggi, lagi Yang Maha Besar dan Dialah Tuhan Yang Memadai bagiku dan Dialah Sebaik-baik wakil. *Amm*.

¹²⁰ Sekedar keperluan.

¹²¹ Dalam cetakan asal kalimatnya adalah : “*dan saya harapkan Allah bahawa menjadikan akan dia memberi faedah*”.

¹²² Seluruhnya.

¹²³ Menjamin dan memastikan.

Hukum dan Sebab-sebab Perkahwinan

Soal : Hukum nikah itu adakah harus atau wajib?

Jawab : Hukum nikah itu ada dua perkara

Pertama Sunnah : bagi barangsiapa yang ingin kepada nikah dengan syarat jika diperolehnya belanja nikah seperti mahar dan pakaian dan *nafaqah*.¹²⁴ ¹²⁵

Kedua Makruh : bagi orang yang tiada ingin ia yakni kepada nikah dengan syarat jika tiada diperolehnya belanja nikah atau diperolehnya tetapi padanya penyakit lemah *dhakar*¹²⁶nya dan tua.¹²⁷

Soal : Ada berapa bahagi yang dinamakan nikah?

Jawab : Iaitu ada tiga bahagi, pertama haram, kedua makruh, ketiga halal.

Soal : Ada berapa sebab nikah yang haram lagi tiada sah?

Jawab : Iaitu ada enam sebab¹²⁸

1. Senasab (*seqarābah*).
2. Sesusuan.
3. Berambil-ambilan.¹²⁹

¹²⁴ Belanja, nafkah.

¹²⁵ Abu Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *Rauḍah al-Ṭālibīn*. al-Mamlakah al-Ārabiyyah al-Su'ūdiyyah, Dār 'Ālam al-Kutub, cet. khusus, juz 5, hal. 363. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *Mughnī al-Muḥtāj ilā ma'rifah ma'ānī al-fāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, cet. 1, juz 3, hal. 168. Muḥy al-Dīn Abu Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426H/2006 M), *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'undah al-Muḥtāj*. Beirut: Dār al-Minhāj, cet. 1, hal. 372.

¹²⁶ Kemaluan lelaki.

¹²⁷ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* hal. 170, Muḥy al-Dīn Abu Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426H/2006 M), *op.cit.* hal. 372. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *Ḥāshiyah I'ānah al-Ṭālibīn 'alā ḥalli al-fāz Fatḥ al-Mu'īn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, juz 3, hal. 435.

¹²⁸ Muḥy al-Dīn Abu Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 388-389 dan hal. 447-456.

4. Memadukan.
5. Talak tiga.
6. *Li'an*.

Soal : Yang senasab ada berapa?

Jawab : Yang senasab itu ada tujuh¹³⁰

1. Ibu hingga keatas.
2. Anaknya hingga kebawah.
3. Saudaranya.
4. Anak saudaranya laki-laki.
5. Anak saudaranya perempuan.
6. Saudara bapanya.
7. Saudara ibunya.

Soal : Yang sebab sesusuan ada berapa?

Jawab : Yang sebab sesusuan itu ada tujuh juga¹³¹

1. Ibu susuan hingga keatas.
2. Anak susuan hingga kebawah.
3. Saudara susuan.
4. Anak saudara susuan laki-laki.
5. Anak saudara susuan perempuan.

¹²⁹ Bersemenda, kahwin-mengahwini dan nikah-menikahi. Lihat dalam Mashitah binti Taharin (2008), *Tesarus Bahasa Melayu Dewasa (Edisi Baharu)*, Selangor: Dawana Sdn.Bhd. cet.2, hal. 24.

¹³⁰ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.*, hal. 447. Muḥy al-Dīn Abu Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426H/2006 M), *op.cit.*, hal. 383. Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayrūz abādī al-Shīrāzī (1416 H/ 1996 M), *al-Muhadhdhab fī fiqh al-Imām al-Shāfi’ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1, juz 2, Hal. 438.

¹³¹ Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fayrūz abādī al-Shīrāzī (1416 H/ 1996 M), *op.cit.* hal. 441. Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426H/2006 M), *op.cit.* hal. 383. Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 447.

6. Saudara bapak susuan.
7. Saudara ibu susuan.

Soal : Syarat sebab sesusuan itu ada berapa macamnya?

Jawab : Iaitu syaratnya ada sepuluh macamnya

1. Bahawa adalah umur perempuan yang menyusukan itu sempurna sembilan tahun atau lebih, adapun jika ada umurnya yang menyusukan itu kurang daripada sembilan tahun, nescaya tiadalah mengharamkan sesusuan itu.
2. Hendaklah ada air susu itu daripada perempuan yang hidup.
3. Hendaklah ada yang keluar itu daripada susu itu air susu.
4. Hendaklah ada yang menyusukan itu jangan campuran.
5. Hendaklah ada air susu perempuan itu jadi daripada nikah.
6. Hendaklah ada umurnya kanak-kanak yang menyusu itu kurang daripada dua tahun.
7. Hendaklah ada air susu yang diisap sampai ke dalam perut kanak-kanak itu.
8. Hendaklah ada air menyusu itu genap lima kali pada ‘urf.¹³²
9. Hendaklah ada yang lima kali menyusu itu bercerai-cerai antaranya.
10. Hendaklah ada yang lima menyusu itu dengan yakin.

Inilah sepuluh syarat bagi sesusuan yang mengharamkan, apabila diperoleh sekaliannya nescaya haramlah bernikah nikahnya sebab sesusuan seperti haram sebab senasab (*seqarābah*).¹³³

¹³² Kelaziman dan kebiasaan.

¹³³ Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 454- 455.

Soal : Yang haram nikah sebab berambil-ambilan itu ada berapa?

Jawab : Iaitu ada empat dengan perkataan yang ringkas.¹³⁴

1. Ibu isteri kita dan ibu gundik¹³⁵ kita dan ibu perempuan yang kita wa'ifi dengan *wa'ifi shubhat*¹³⁶ dan ibu-ibunya datang keatas.
2. Menantu kita iaitu isteri oleh anak kita atau cucu kita datangnya kebawah dan gundik anak kita atau cucu kita datangnya ke bawah dan perempuan yang diwa'ifi anak kita atau cucu kita dengan *wa'ifi shubhat*.
3. Mak tiri kita iaitu isteri bapak kita atau gundiknya dan isteri nenek kita atau gundiknya datang keatas.
4. Anak tiri kita iaitu anak isteri kita apabila sudah kita wa'ifi akan isteri kita itu dan anak gundik kita dan anak perempuan yang kita wa'ifi dengan *wa'ifi shubhat*.

Soal : Yang haram memadukan dia dengan isteri kita ada berapa?

Jawab : Iaitu ada lima orang

1. Saudara isteri kita.
2. Anak saudara isteri kita.
3. Saudara bapak isteri kita.
4. Saudara ibu isteri kita.
5. Barangseyogianya¹³⁷ Sama ada senasab atau sesusuan.

¹³⁴ Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Fayrūz abādī al-Shīrāzī (1416 H/ 1996 M), *op.cit.* hal. 439. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtisār*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, hal. 485

¹³⁵ Isteri yang bukan gahara atau isteri yang tidak rasmi.

¹³⁶ Menyetubuhi secara kesamaran.

Maka kaedahnya yang demikian itu, tiap-tiap dua orang perempuan yang antara keduanya *qarābāh* atau susuan yang tiada harus antara keduanya bernikah-nikahan, jika ditakdirkan salah seorang daripada keduanya laki-laki dan yang seorang perempuan, maka iaitu tiada harus dipermadukan dengan dia, dan jika harus keduanya bernikah-nikahan atas takdir yang demikian itu, maka iaitu harus dipermadukan. (*syahdan*)¹³⁸ Diketahui daripada yang tersebut itu, tiada harus atas kita menikah tiap-tiap perempuan yang ditegahkan mempermadukan dia dengan isteri kita, melainkan sudah mati isteri kita atau sudah kita *ṭalaq* isteri kita dengan *ṭalaq* tiga, maka iaitu harus kita menikah dia, dan jikalau belum *'iddah*¹³⁹nya sekalipun, tetapi jika kita *ṭalaq* akan isteri kita dengan *ṭalaq* satu atau *ṭalaq* dua, maka iaitu tiada harus bagi kita perempuan itu, melainkan kemudian daripada sudah lalu *'iddah* isteri kita.¹⁴⁰

Soal : Ada berapa syarat menikahi kembali perempuan yang sudah *ṭalaq* tiga?

Jawab : Iaitu ada sembilan syaratnya

1. Hendaklah perempuan itu dinikahkan dengan laki-laki yang lain kemudian sudah lalu *'iddahnya* *ṭalaq* tiga, dinamai akan dia (Cina buta).¹⁴¹

¹³⁷ Seyogia-nia: it is expedient (sewajarnya), it behoveth(sepatutnya, seharusnya). Lihat dalam William Marsden (1984), *A Dictionary and grammar of the Malayan language*, Singapore: Oxford university press, hal. 197. A.H. Jons et.al (2002), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, Selangor Dar al-Ihsan: Elpos Print Sdn.Bhd, cet. 3, hal. 139, 492.

¹³⁸ Sahadān or shahadan: further (selanjutnya, di samping itu, tambahan lagi) . Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal 200. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal.591.

¹³⁹ Masa yang wajib dinanti oleh seseorang perempuan untuk membolehkannya berkahwin lagi dengan lelaki lain.

¹⁴⁰ Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 457. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *op.cit.* , hal. 487.

¹⁴¹ Lelaki yang menikahi seseorang perempuan yang telah ditalak tiga oleh suaminya, kemudian diceraikannya supaya perempuan tersebut dapat berkahwin semula dengan bekas suaminya.

2. Hendaklah nikahnya dengan laki-laki itu nikah yang sah.
3. Hendaklah laki-laki itu dapat waṭi ia dengan dia dengan sendiriannya, maka tiada memadai kanak-kanak kecil yang tiada dapat waṭi dengan sendiriannya.
4. Hendaklah diwaṭinya akan dia oleh laki-laki itu.
5. Hendaklah ada waṭinya itu dengan memasukkan sekalian *hashafah dhakarnya*.¹⁴²
6. Hendaklah waṭinya pada *farajnya* jua tiada pada duburnya.
7. Hendaklah keras dhakarnya, maka tiadalah memadai akan cina butak yang lemah *dhakarnya*.
8. Hendaklah sudah diṭalaqnya akan dia oleh lakinya yang kemudian itu.
9. Hendaklah lalu iddah ṭalaq yang kemudian.

Inilah sembilan syarat apabila diperolehi sekaliannya, maka haruslah bagi seorang nikah dengan isteri yang sudah diṭalaqnya dengan ṭalaq tiga.¹⁴³

Soal : Apa artinya sebab *li'ān*?

Jawab : Adapun ertinya sebab ber*li'ān* yakni bersumpah antara dua laki isteri di atas mimbar di hadapan hakim, sebab ia menuduh akan isterinya dengan zina serta ketiadaan saksi, maka disuruh bersumpah suaminya di atas mimbar lima kali supaya terpelihara dirinya daripada *had* (hukuman) tuduh, kerana jikalau ia tiada mau bersumpah, maka dipukul ia delapan puluh kali, dan demikian lagi disuruh bersumpah isterinya diatas mimbar lima kali supaya terpelihara ia daripada *had* zina, kerana jikalau tiada mau ia bersumpah nescaya didirikan

¹⁴² Batang kemaluannya.

¹⁴³ Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Fayrūz abādī al-Shīrāzī (1416 H/ 1996 M), *op.cit.* juz 3, hal. 49-50.

atasnya *had zina*, maka apabila sudah bersumpah keduanya, jatuhlah *ṭalaqnya ṭalaq ba'in*.¹⁴⁴

Soal : Ada berapa syaratnya harus bagi laki-laki yang merdeka menikahi perempuan sahaya orang itu?

Jawab : Iaitu dengan empat syarat ¹⁴⁵

1. Tiada kuasa ia mencucur¹⁴⁶ dengan perempuan yang merdeka dengan sebab miskin.
2. Hendaklah jangan ada bahagian isteri yang merdeka, adapun jika ada bahagian isteri yang merdeka, jikalau ada ia tua atau kecil atau ghaib sekalipun, tiada harus baginya nikah dengan perempuan sahaya orang.
3. Takut ia akan zina jika tiada nikah dengan sahaya orang.
4. Hendaklah ada perempuan sahaya orang yang hendak dinikahkan itu Islam, adapun jika ada perempuan sahaya orang itu kafir, maka tiadalah harus bagi laki yang merdeka nikah dengan dia Yahudi atau Nasrani.

Soal : Ada berapa syaratnya harus nikah bagi perempuan yang merdeka dengan laki-laki abdi orang ?

Jawab : Iaitu dengan empat syarat ¹⁴⁷

¹⁴⁴ Al-Qāḍī Abū Shujā' (1415 H/1994 M), *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb taḥqīq Mājid al-Ḥamwī*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, cet 2, hal. 245-247. Mustafā Adīb al-Bughā (1409 H/1989 M), *al-Tadhīb fi Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, cet. 4, *bāb al- Li'ān* , hal. 179. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *op.cit.* hal. 554.

¹⁴⁵ Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 385. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* hal. 244 - 246. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *op.cit.* hal. 464.

¹⁴⁶ Mencucur; *to squirt* (memancarkan air) or *gush out* (menghamburkan, mencururkan, meledakkan keghairahan). Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal. 335. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal. 657 dan 1578.

1. Hendaklah ada perempuan itu sudah baligh, jika belum baligh maka tiadalah sah menikahkan dia dengan dia, jika menikahkan dia, ayahnya atau neneknya sekalipun.
2. Hendaklah dengan redanya nikah dengan 'abdi orang itu
3. Hendaklah reda segala walinya, jika banyak walinya, adapun jika ada salah seorang daripada mereka itu yang tidak reda, maka tidaklah sah nikahnya dengan dia.
4. Hendaklah ada nikah sahaya itu dengan izin tuannya, jika tiada dengan izin, maka tidaklah sah nikahnya.

Soal : Ada berapa nikah yang dinamakan nikah makruh? ¹⁴⁸

Jawab : Iaitu ada enam perkara

1. Nikah dengan pinang orang lain yang nyata qabulnya. ¹⁴⁹
2. Nikah *muḥallil* ¹⁵⁰; jika tiada disyaratkan pada akadnya. ¹⁵¹

¹⁴⁷ Dalam mazhab Syafii, pengkaji mendapati pendapat yang muktabar bahawa *al-Ḥurriah* (merdeka) adalah bahagian daripada *kafāah*, demikian yang kedapatan dalam kitab al-Majmū': "Adapun merdeka, maka ianya adalah mu'tabarrah, oleh itu, seorang hamba sahaya tiadalah kufu keatas seseorang perempuan yang merdeka, sepertimana firman Allah SW.: "Allah telah membuat perumpamaan seorang hamba sahaya yang dimiliki yang tidak dapat berbuat sesuatu pun, dan siapalah yang membahagikan rizqinya yang baik daripada kami, maka ianya sentiasa menginfakkan dalam keadaan diam-diam mahupun awam, adakah mereka sama (lebih baik)?" Dan oleh kerana seseorang perempuan yang bersuami seseorang hamba sahaya akan mendapati rasa malu". Lihat dalam al-Shīrāzī, *al-Majmū' sharḥ al-Muḥadhdhab*, Jeddah : Maṭba'ah al-Irshād, juz.17, hal. 279. Abū al-Ḥusain Yaḥyā bin abī al-Khair bin Sālim al-'Imrānī taḥqīq Qāsim Muḥammad al-Nūrī (1421 H/2001 M), *al-Bayān fī Madhhab al-Shāfi'ī*, Beirut: Dār al-Minhāj , cet. 1, juz. 9, hal. 201.

¹⁴⁸ Al-Qādī Abū al-Hasan Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Dābī al-Muḥāmilī, (t.t), *Al-Lubāb fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, t.t.p, t.p. Dalam kitab ini pengarang hanya menyebutkan tiga bentuk perkahwinan yang makruh yakni nikah dengan pinang orang lain, nikah muḥallil dan nikah gharar.

¹⁴⁹ Sepertimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah seseorang antara kamu meminang pinangan saudaranya". Lihat dalam al-Bukhārī (1400 H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, cet. 1, *kitāb nikāh, bab la yakhṭubu 'alā khiṭbati Akhīhi ḥatta yankih aw yada'a*, juz 3, no. 5142, hal. 373. al-Nawāwī (1347 H/1929 M), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, al-Azhar: al-Maṭba'ah al-Miṣriyah, *kitāb Nikāh, bāb taḥrīm al-Rajul 'alā Khiṭbah akhīh*, juz 9, hal. 197.

¹⁵⁰ Menghalalkan, mengharuskan.

3. Nikah *gharār*¹⁵² seperti memperdayakan perempuan dengan Islamnya dan memerdekakannya dan lainnya.¹⁵³
4. Nikah dengan anak zina dan yang tiada diketahui bapaknya.
5. Nikah dengan anak orang fasik.
6. Nikah dengan orang yang tiada bersembahyang.

Adapun yang lainnya daripada yang enam tersebut dinamakan nikah yang *ṣahīḥ ḥalalnya*.¹⁵⁴

Makna Nikah

Soal : Ada berapa maknanya nikah itu?

Jawab : Makna nikah itu ada tiga:¹⁵⁵

1. Maknanya pada *lughah* iaitu : *al-Damm wa al-Ijtimā'* ertinya berkumpul dan berhimpun seperti cenderung pohon kayu berkumpul oleh setengahnya kepada setengahnya.

¹⁵¹ Yang benar dalam mazhab bahawa nikah *muḥallil* adalah batal. Lihat dalam Muḥammad bin Idris al-Shāfi'ī (1422 H/2001 M), *al-Um*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', cet. 1, juz 6, hal. 629-630.

¹⁵² Tipu daya.

¹⁵³ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī (1422 H/2001 M), *op.cit.* masalah *al-Amah al-Latī Taghurrū Nashahā*, juz 6, hal. 220. Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Basrī (1414 H/1994 M), *al-Hāwī al-Kabīr Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, juz 9, hal. 146-147.

¹⁵⁴ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh 'Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh 'Abd al-Qāsim al-'Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *Ḥawāshī Tuhfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj 'alā Tuhfah al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā, juz 7, hal 189. Pengkaji menemukan point nombor 4 dan 5 yakni “ nikah anak zina dan anak orang fasik” sedang orang tidak bersembahyang hakekatnya masuk dalam golongan orang fasik. Hanya sahaja pengkaji menemukan daripada pendapat Imam Syafi'i sendiri bersebalik dengan pendapat ini, sepertimana yang kedapatan dalam kitab al-Um, al-Imām al-Shāfi'ī berkata: “*Sepatutnya seorang lelaki tidak memilih pasangannya seorang pezina, juga seorang perempuan tidak memilih suami seorang pezina, namun bila keduanya memilih pasangannya seorang pezina, maka tidaklah perkara itu haram bagi salah seorang antara keduanya, tiadalah maksiat yang telah dibuat oleh salah seorang daripada keduanya mengharamkan perkara yang halal (yakni nikah) yang dilakukannya*”. Lihat dalam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī (1422 H/2001 M), *op.cit.* hal. 30.

¹⁵⁵ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* hal. 165. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *op.cit.* hal. 460.

2. Maknanya pada syarak iaitu : *'Aqd yataḍamman ibāḥaḥ waṭī bi lafz inkāḥ aw tazwīj* ertinya akad yang mengandung ia akan yang meluluskan waṭī dengan lafaz *nikāḥ* atau lafaz *tazwīj*.
3. Maknanya pada hakikat iaitu : *al-'Aqd al-Murakkab min al-Ījāb wa al-Qabūl* ertinya akad yang bersusun daripada ijab dan qabul iaitu ijab dari pada wali dan qabul daripada suami.

Soal : Makna yang mana dimaksudkan pada nikah?

Jawab : Adapun makna yang dimaksudkan pada nikah iaitu makna pada syarak dan makna pada hakikat.¹⁵⁶

Rukun Nikah

Soal : Rukun nikah itu ada berapa?

Jawab : Rukun nikah itu ada lima perkara¹⁵⁷

1. Wali.
2. Dua saksi.
3. Suami.
4. Isteri.
5. Lafaz *ijāb* dan *qabūl*.

¹⁵⁶ *Ibid.*

¹⁵⁷ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* juz 3, hal. 188-189.

Syarat Wali Nikah

Soal : Syarat yang jadi wali nikah itu ada berapa?

Jawab : Syarat jadi wali nikah itu ada enam perkara ¹⁵⁸

1. Islam, jika ada perempuan itu Islam, jika kafir sah jadi wali kafir
2. Baligh, maka tiada sah jadi wali itu kanak-kanak yang belum baligh.
3. Berakal, maka tiada sah jadi wali itu orang gila.
4. Merdeka, maka tiada sah jadi wali itu hamba orang
5. Laki-laki, maka tiada sah jadi wali itu orang perempuan.
6. Adil, maka tiada sah jadi wali itu orang fasik

Inilah yang dimuktamadkan oleh Imam Nawawi di dalam *Matn al-Minhāj*¹⁵⁹ dan mengikut oleh Sheikh al-Islām Zakariyyā dan mengikut pula akan dia Sheikh al-Ramlī di dalam *Nihāyah*¹⁶⁰ dan Khaṭīb Sharbīnī di dalam *Mughnī*.¹⁶¹

Dan kata Syeikh Ibn Ḥajar di dalam *Tulḥfah*¹⁶² dan memilihnya oleh kebanyakan sahabat Imam Syafi'i – *Raḍīy Allāh 'Anh* - yang *mutaakhirīm*¹⁶³

¹⁵⁸ Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1359 H/1940 M), *al- Iqnā' fi Hall alfāz Abī shujā'*. Mesir: al-Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 71.

¹⁵⁹ Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 377. Adapun pendapat yang tidak muktamad dalam mazhab Syafii antaranya, *pertama*: orang fasik boleh menjadi wali, *kedua*: ianya hanya mewalikan secara ijbar, *ketiga*: ianya mewalikan yang tidak mujbir sebab tiada berdiri sendiri, *keempat*: menjadi wali selain daripada fasik kerana meminum arak, *kelima*: menjadi wali yang kefasikannya tidak tampak, adapun yang fasiknya tampak maka tiada boleh menjadi wali. Yang Rajih dalam mazhab dan inilah yang dimuktamadkan oleh Imām Nawāwī bahawa orang fasik tidak berhak menjadi wali sebab sudah semestinya keadaan seorang muslim adalah menjaga daripada perkara yang dapat mengotori dan membatalkan Islamnya. Lihat dalam Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *Rauḍah al-Ṭālibīn*. al- Mamlakah al-Ārabiyyah al-Su'ūdiyyah, Dār 'Ālam al-Kutub, cet. khusus, juz 5, hal. 393 dan 410.

¹⁶⁰ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū al-'Abbās Aḥmad bin Ḥamzah bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī (1386 H/1967 M), *Nihāyah al-Muḥtāj ila Sharḥ al-Minhāj*. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, cet. terakhir, hal. 236-237

¹⁶¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* hal. 207-210.

¹⁶² Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh 'Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh 'Abd al-Qāsim al-'Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* hal. 253-256.

bahawasanya orang yang fasik itu sah jadi wali yakni jadi wali menikahkan ia akan mewalinya itu, kerana kebanyakan pada masa ini orang yang fasik. Dan setengah yang memilih akan sah orang yang fasik itu jadi wali iaitu Sheikh ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām¹⁶⁴ iaitu Sultan ulama Negeri Mesir.¹⁶⁵

Dan berkata Imam al-Ghazālī- moga Allah mencurahkan rahmat kepadanya- : “ *Jikalau ada wali perempuan itu fasik, maka jikalau dipindahkan akan walinya itu kepada raja yang fasik pula, maka sah wali yang fasik itu menikahkan akan mewalinya itu, dan jika tiada seperti yang demikian itu, maka tiada sah wali yang fasik itu menikahkan akan mewalinya itu*”.¹⁶⁶

Dan kata Imam Azra’ī: “ *Telah aku fatwakan beberapa tahun bahawasanya wali yang fasik sah menikahkan akan mewalinya itu, kerana masa sekarang ini telah am orang yang fasik itu, dan beberapa jumhur ulama memilih akan perkataan mensahkan akan jadi wali itu orang yang fasik itu. Dan sebagian, bagi orang yang didalam negeri yang banyak orang yang fasik itu taqlid kepada perkataan imam al-Ghazali itu yang telah mengikut akan dia*

¹⁶³ Istilah ini menurut al-Shaikhān iaitu al-Nawāwī dan al-Rāfi’ī ialah mereka yang datang selepas tahun 400 H sehingga masa mereka. Manakala istilah ini juga digunapakai bagi menunjukkan ulama-ulama yang datang selepas al-Nawāwī dan al-Rāfi’ī. Lihat dalam Muḥammad Sam’ī Syed ‘Abd al-Rahmān al-Rastāqī (1426H/2005M), *al-Qadīm wa al-Jadīd min Aqwāl al-Imām al-Shāfi’ī*. Beirut: Dār Ibn al-Ḥazm, cet.1, hal. 158. Naghmān Jughaym (2007), *Madkhal ilā al-Madhhab al-Shāfi’ī Rijālūh wa kutubūh wa Muṣṭalahātūh*. Malaysia: Markaz al-Buhūth, Al-Jāmi’ah al-Islāmiyah al-‘Ālamiyah. Cet. 1, hal. 135.

¹⁶⁴ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* hal. 275.

¹⁶⁵ Sultan Ulama adalah gelar ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Salām bin Abī al-Qāsim bin al-Ḥasan Abū Muḥammad al-Salmī (578-660 H), gelar ini diberikan daripada muridnya yang bernama Taqy al-Dīn bin Daqīq al-‘Iyd. Ibn ‘Abd Al-Salam adalah guru daripada al-Āmidī. Antara karyanya yang masyhur adalah Kitab *Qawā’id al-Ahkām fi Maṣālih al-Anām*, Kitab *Shajarah al-Ma’ārif* dan Kitab *al-Qawā’id al-Sharīah*. Lihat dalam Abū al-Ṭayyib Maulūd al-Sarīrī al-Sūsī (1423H/2002M), *Mu’jam al-Usūliyyīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, cet. 1, hal.284.

¹⁶⁶ Al-Qalyūbī dan al-‘Umayrah (1375 H/ 1956 M), *Hāshiatān ‘Alā Minhāj al-Ṭālibīn*. Mesir, Shirkah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al- Bābī al- Ḥalabī, juz. 3, hal. 227. Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* juz 7, hal. 255.

*beberapa ulama yang besar-besar yang tersebut itu, apalagi waktu masa kita ini.”*¹⁶⁷

Syarat Dua Saksi

Soal : Apa syarat dua saksi itu?

Jawab : Adapun syarat sah dua saksi itu hendaklah hadir keduanya, yang zahir adilnya, dan sah berkahwin itu dengan saksi yang *mastur*¹⁶⁸ adilnya.¹⁶⁹

Syarat Nikah Dua Laki Isteri

Soal : Apa syarat sah nikah dua laki isteri itu ?

Jawab : Adapun syarat sah nikah dua laki isteri itu redanya perempuan, jika ada ia janda lagi baligh, atau ada ia anak dara lagi baligh, tetapi adalah yang mengkahwinkan akan dia itu wali yang lain daripada mujbir.¹⁷⁰

Ijab Dan Kabul

Soal : Apa ertinya ijab dan kabul itu ?

Jawab : Ertinya ijab yang menikahkan daripada wali, ertinya kabul yang menerima nikahnya dari pada suaminya.¹⁷¹

¹⁶⁷ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī , Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* hal. 255. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 514.

¹⁶⁸ Tertutup.

¹⁶⁹ Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 391 dan 393. Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi’ī (1422 H/2001 M), *op.cit.* hal. 57. Mustafā Adīb al-Bughā (1409 H/1989 M), *op.cit.* hal. 163. Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 375.

¹⁷⁰ Mustafā Adīb al-Bughā (1409 H/1989 M), *op.cit.* hal. 164. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *op.cit.* hal. 479.

Soal : Apakah lafaz ijab daripada wali dengan bahasa Arab?

Jawab : Katanya (أَنْكَحْتُكَ بِتِّي فُلَانَةَ بِمَهْرٍ كَذَا atau زَوَّجْتُكَ) kata suaminya (قَبِلْتُ تَزْوِجَهَا) atau (نَكَحَهَا بِالْمَهْرِ الْمَذْكُورِ) bahasa Melayunya : “ *Aku kahwinkan akan dikau atau aku nikahkan akan dikau akan anakku si fulan dengan maskahwin sekian-sekian)*”. Kata suaminya: “ *Aku terima kahwinnya anakmu si anu atau aku terima nikahnya anakmu si anu dengan maskahwin sekian-sekian.*”¹⁷²

Soal : Jika neneknya akan wali apakah katanya pada ijabnya?

Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan cucuku si anu dengan maskahwin sekian-sekian*”.

Soal : Jika saudaranya akan wali apakah katanya pada ijabnya?

Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan saudaraku si anu dengan maskahwin sekian-sekian*”.

Soal : Jika lain daripada tiga orang yang tersebut apakah katanya?

Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan si anu, yang berwali akan dikau, dengan maskahwin sekian-sekian*”. Kata suami: “*Aku terima nikahnya si anu yang berwali akan dikau dengan maskahwin sekian-sekian*”.

Soal : Jika bapaknya berwakil pada imam atau lainnya apakah katanya?

Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan si anu anak si anu yang berwakil ia kepada aku dengan maskahwin sekian-sekian*”. Maka hendaklah disebutkan

¹⁷¹ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 391 dan 382. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* hal. 188.

¹⁷² *Ibid.*

bilangannya maskahwinnya itu dengan *qarḡmah*¹⁷³ bilangannya, jika berapa-berapa bilangannya itu serta menyebutkan jenisnya itu. Maka qiyaskan yang lain dari pada itu.

Soal : Jika seorang laki-laki yang hendak nikah itu berwakil kepada seorang laki-laki minta terimakan akan nikahnya ṣahkah apa tidak, jika sah apalah perkataan walinya?

Jawab : iaitu ṣah, demikianlah perkataan walinya: “ *Aku nikahkan anakku si Anu akan si Anu yang berwakil ia kepadamu, dengan maskahwinnya sekian-sekian*”.

Soal : Jika bapak perempuan itu berwakil ia kepada imam dan laki-laki yang hendak nikah itu berwakil juga kepada imam itu ṣahkah apa tiada, jika sah apalah perkataan imam itu?

Jawab : iaitu ṣah, demikianlah perkataan imam itu: “ *Aku nikahkan akan si Anu anak si Anu yang berwakil kepada aku dengan maskahwin sekian-sekian*”.

Maka kata imam itu jua sekali lagi: “ *Aku terimakanlah nikahnya si Anu dengan anak si Anu yang berwakil si Anu itu kepada aku pada menerimakan nikahnya dengan dia dengan maskahwin sekian-sekian*”.¹⁷⁴

Adapun jika laki-laki yang hendak nikah itu belum baligh, maka tiadalah harus imam itu atau lainnya menerimakan kata wali *qarābah*¹⁷⁵ lain itu atau segala wali yang lainnya, melainkan bapaknya atau neneknya yang harus ia menerimakan akan kata walinya perempuan itu, akan laki-laki yang hendak

¹⁷³ Petunjuk.

¹⁷⁴ Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malibārī(1424 H), *Fatḥ al-Mu’īn bi Sharḥ Qurrah al-‘Ayn bi Muḥimmah al-Dīn*. al-Hind: Markaz Tau’iyah al-fiqh al-Islāmī, cet.2, hal. 170.

¹⁷⁵ Keluarga yang dekat.

nikah yang belum baligh itu, maka jika berkata walinya perempuan itu demikian katanya : “ *Aku nikahkanlah akan anakku si Fatimah akan anakmu si Abdullah dengan maskahwin sekian-sekian*”, umpamanya, maka jawab bapaknya atau neneknya oleh laki-laki yang hendak nikah yang belum baligh itu: “ *Aku terimalah nikahnya anakku si Abdullah akan anakmu si Fatimah dengan maskahwin yang tersebut itu*”

Soal : Jika seorang menikahkan dengan ijab tiada pakai lafaz *tazwīj*, sahkah apa tiada?

Jawab : iaitu tiadalah sah nikahnya melainkan melafazkan salah satunya dua lafaz itu iaitu *nikāh* atau *tazwīj*.¹⁷⁶

Soal : Apa naşnya atas wajib lafaz dengan salah satu dua lafaz itu ijab dan kabul?

Jawab : Naşnya tersebut di dalam kitab *Fatḥ al-Mu’īn* di muka nombor 275

(وَشَرَطُ فِيهَا أَيُّ الصَّبِغَةِ إِيْجَابِ مِنَ الْوَالِيِّ وَهُوَ كَزَوْجَتِكَ أَوْ أَنْكَحْتِكَ مَوْلِيَّتِي فُلَانَةَ فَلَا)
يَصِحُّ الْإِيْجَابُ إِلَّا بِأَحَدِ هَذَيْنِ اللَّفْظَيْنِ

Ertinya: disyaratkan pada lafaz ijab daripada wali iaitu seperti *zawwajtuka* atau *ankaḥtuka maulatī Fulānah*, maka tiada sah ijab melainkan dengan salah satu ini dua lafaz.¹⁷⁷

Soal : Apa naşnya atas wajib berlafaz salah satu dua lafaz itu bagi kabul?

Jawab : Naşnya tersebut di dalam kitab *Fatḥ al-Mu’īn* di muka nombor 276,

قَبُولٌ مُنْصِلٌ بِهِ أَيُّ الْإِيْجَابِ مِنَ الزَّوْجِ وَهُوَ كَنَوَّجْتَهَا أَوْ أَنْكَحْتَهَا أَوْ قَبِلْتُ نِكَاحَهَا أَوْ تَزَوَّجْتَهَا

¹⁷⁶ Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malibārī (1424 H), *op.cit.* hal. 161. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 463.

¹⁷⁷ *Ibid.*

ertinya kabul yang berhubung dengan ijab dari suami dan iaitu seperti *tazawwajtuḥā* atau *ankahtuḥā* atau *qabiltu nikāḥā* atau *tazwījaha*. *Intaha* ¹⁷⁸ dengan ringkas.¹⁷⁹

Soal : Apa nasnya sah nikah dengan terjemahan?

Jawab : Nasnya tersebut di dalam *Fath al-Mu'in* di muka nombor 277

(وَصَحَّ النِّكَاحُ بِتَرْجَمَةٍ أَيْ تَرْجَمَةِ أَحَدِ اللَّفْظَيْنِ بِأَيِّ لُغَةٍ وَلَوْ مِمَّنْ يُحْسِنُ الْعَرَبِيَّةَ انْتَهَى).

Ertinya ṣah akad nikah dengan tarjamah salah satu dua lafaz itu dengan apa bahasa juga dan sekalipun daripada orang yang pandai bagus bahasa Arab, adapun orang yang tiada pandai bahasa Arab, maka wajib dengan bahasa sendiri.¹⁸⁰

Soal : Apa dalilnya pada ijab kabul di dalam hadis dan al-Quran?

Jawab : iaitu di dalam hadis

(لِخَبَرِ مُسْلِمٍ اتَّفَقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانَةِ اللَّهِ أَيْ بِجَعْلِهِنَّ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ كَالْأَمَانَاتِ الشَّرْعِيَّةِ)

ertinya cerita daripada hadis Muslim:¹⁸¹ “*Takut oleh kamu akan Allah ta’āla pada sekalian perempuan, maka bahawasanya kamu telah mengambil akan sekalian mereka itu amanah Allah, ertinya dengan menjadikan sekalian mereka itu di bawah tangan kamu seperti kepercayaan shar’iyyah*”, (وَاسْتَحْلَلْتُمْ), (فَرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ) “*dan menuntut halal kamu akan sekalian faraj mereka itu dengan kalimah Allah*”. Dan iaitulah yang dikehendaki pada firman Allah di

¹⁷⁸ Bermaksud : Selesai.

¹⁷⁹ Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malibārī (1424 H), *op.cit.* hal. 161. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 463.

¹⁸⁰ *Ibid.*

¹⁸¹ Al-Nawāwī (1929 M), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Sharḥ al-Nawāwī*. Kaherah: Maṭba’ah Miṣriyah, , *bāb Hajjah al-Nabiy*, cet. 1, juz 8, hal. 170-183.

dalam al-Quran (فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ) artinya “ *maka kahwin oleh kamu barangsiapa yang baik bagi kamu daripada segala perempuan*”.¹⁸²

Dan lagi firman-Nya (فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا) artinya: “ *Dan tatkala disempurnakan oleh Zaid daripada hajat, yakni tatkala diṭalak akan dia dan tiadalah baginya hajat, telah kami kahwinkan engkau wahai Muhammad dengan dia*”¹⁸³ kata Mufassir “ *iaitu Zaid bin Harithah adalah daripada tuannya jahiliyah ditebus oleh Nabi Sallahu ‘Alaihi Wa sallam, maka dia merdekakannya, maka diambilnya akan anak angkat, kemudian dikahwinkan oleh Nabi baginya Zainab, kemudian sudah ditalaknya, dibuat isteri pula Nabi kita.*” Dengan ikhtisar,¹⁸⁴ jikalau hendak panjang kisahnya bolehlah *muṭāla’ah*¹⁸⁵ di dalam tafsir.¹⁸⁶

Soal : Syarat ijab dan kabul itu berapa?

Jawab : Adapun syarat ijab dan kabul itu lima perkara¹⁸⁷

1. Jangan mengatakan perkataan yang lain antaranya.
2. Jangan lama diam sesudahnya pada antaranya.
3. Jangan bersalahan antara ijab dan kabul.
4. Hendaklah *muwāfaqah* keduanya dengan bilangan mahar.
5. Jangan ijab dan kabul dengan *ta’liq*.

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Basrī (1414 H/1994 M), *op.cit.* hal. 158.

¹⁸⁴ Ringkas.

¹⁸⁵ Membaca.

¹⁸⁶ ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā Ismā’īl bin al-Kathīr al-Dimashqī (1421 H/ 2000 M), *Tafsīr Ibn al-Kathīr*. Kaherah: Maktabah Ālu al-Syaikh li al-Turāth, cet. 1, Surah al-Ahzab: 37, hal. 170-171.

¹⁸⁷ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 385-386.

Wali Nikah

Soal : Apa erti wali *aqrab*?

Jawab : Ertinya orang yang dekat kepada perempuan seperti bapak dan nenek-nenek yang laki-laki pada pihak bapak datang keatas.

Soal : Apa erti wali *ab'ad*?

Jawab : Erti *ab'ad* yang jauh kepada perempuan seperti saudaranya laki-laki yang seibu seapak dan yang lainnya.

Soal : Wali perempuan yang wajib ditertibkan ada berapa susunnya?

Jawab : Iaitu ada empat belas susunnya.¹⁸⁸

1. Bapaknya kemudian nenek-nenek yang seibu seapak.
2. Saudaranya laki-laki yang seibu seapak.
3. Saudara laki-laki seapak.
4. Anak saudaranya laki-laki yang seibu dan seapak.
5. Anak saudaranya laki-laki yang seapak.
6. Cucu saudaranya laki-laki yang seibu seapak.
7. Cucu saudaranya laki-laki yang seapak demikianlah tertibnya datang ke bawah.
8. Saudara bapaknya yang seibu seapak.
9. Saudara bapaknya yang seapak.
10. Anak saudara bapaknya yang seibu seapak.
11. Anak saudara bapaknya yang seapak.

¹⁸⁸. Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1359 H/1940 M), *op.cit.* hal. 71.

12. Cucu saudara bapaknya yang seibu seapak.
13. Cucu saudara bapaknya yang seapak demikianlah tertibnya lalu ke bawah.
14. Hakim atau gantinya.

Inilah wali perempuan yang merdeka asalnya. Adapun sahaya perempuan yang dimerdekakan oleh tuannya adalah tertib walinya seperti tertib wali perempuan merdeka asalnya juga, tetapi jika tiadalah diperoleh segala walinya daripada nasab, maka adalah walinya yang memerdekakan dia. Kemudian itu, *aṣābah*¹⁸⁹ yang memerdekakan dia. Kemudian itu, yang memerdekakan akan yang memerdekakan dia kemudian itu *aṣābahnya*, hingga demikianlah diqiyaskan, maka jika tiada diperoleh yang memerdekakan dia dan segala *aṣābahnya*, nescaya adalah walinya itu hakim atau gantinya.¹⁹⁰

Soal : Nama wali perempuan ada berapa bahagi?

Jawab : iaitu ada dua bahagi: ¹⁹¹

1. Wali mujbir ertinya yang dapat mengeras menikahkan perempuan dengan tiada izinnya iaitu bapak dan nenek laki-laki daripada pihak bapak dan demikian lagi tuan sahaya.
2. Wali tiada mujbir ertinya yang tiada dapat mengerasi menikahkan perempuan melainkan dengan izinnya.

¹⁸⁹ Waris yang berhak mendapat pusaka tanpa ditetapkan bahagiannya, tetapi berhak menerima semua harta atau baki yang ada setelah setiap waris menerima bahagian masing-masing, atau ia mungkin langsung tidak mendapat apa-apa sekiranya waris yang lain telah menghabiskan semua pusaka berkenaan.

¹⁹⁰ Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1359 H/1940 M), *op.cit*, hal. 75.

¹⁹¹ *Ibid*, hal. 74.

Soal : Ada berapa syarat wali mujbir itu?

Jawab : iaitu ada lima syaratnya ¹⁹²

1. Hendaklah ada perempuan yang diwalikan itu *bikr*¹⁹³ sama ada ia baligh atau belum baligh atau janda tiada diwaṭi seperti hilang *bikr*nya sebab cerainya, adapun jika ada janda sebab wati maka tiadalah ia jadi wali mujbir hanya berkehendak kepada izinnya yang nyata jika ada ia sudah baligh, dan jika ada belum maka tiadalah sah ia dinikahkan hingga kemudian baligh, maka harus ia dinikahkan.
2. Hendaklah laki-laki bakal suaminya sekufu dengan dia, jika tiada sekufu dengan dia maka tiadalah jadi wali mujbir melainkan ada izinnya dan redanya bersuami dengan dia.
3. Hendaklah ada laki-laki bakal suaminya itu berisi¹⁹⁴ milik akan mahar seumpamanya perempuan itu, jika tiada maka tiadalah ia jadi wali mujbir melainkan izinnya dan redanya bersuami dengan dia.
4. Jangan ada berbantah atau dibencinya antara perempuan itu dan antara laki-laki bakal suaminya, jika ada berbantah-bantah maka tiadalah ia jadi wali mujbir, melainkan izinnya dan redanya bersuami dengan dia.
5. Jangan ada antara perempuan dan antara bapaknya atau neneknya itu berbantah yang amat nyata, jika ada antara keduanya itu berbantahan, maka tiada ia keduanya jadi wali mujbir melainkan izinnya dan redanya bersuami

¹⁹² Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1359 H/1940 M), *op.cit.* hal. 77. Sulaymān bin Muḥammad bin ‘Umar al-Bujayrāmī (1417 H/1997 M), *al-Bujayrāmī ‘alā al-Khaṭīb al-Musamma Tuḥfah al-Ḥabīb ‘Ala Sharḥ al-Khaṭīb al-Sharbīnī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmyiah, cet. 1, juz. 4, hal. 158-159. Aḥmad bin al-Ḥijāzī bin Badr al-Faṣḥīnī (1399 H/1979 M), *Tuḥfah al-Ḥabīb bi Sharḥ Nuẓum Ghāyah Wa al-Taqrīb*. Mesir: Maktabah wa Matba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, cet. 2, hal. 196. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 520-521. Sheikh al-Dimyāṭī menambahkan lagi dua sebagai syarat kebolehan seseorang wali mujbir iaitu hendaknya ada mahar itu dengan mata wang negeri dan hendaknya diserahkan sekarang dan bukan nanti.

¹⁹³ Anak dara.

¹⁹⁴ iaitu mempunyai milik akan mas kahwin.

akan dia. Maka jika kurang satu syarat daripada segala syarat yang lima ini tiadalah ia keduanya jadi wali mujbir.

Soal : Ada berapa tempatnya berpindah wali aqrab kepada wali *ab'ad* tiada kepada hakim?

Jawab : iaitu ada dua belas tempat

1. Wali *aqrab* abdi orang.
2. Wali *aqrab* sahaya yang abdi iaitu yang *ditamlikkan* oleh tuannya akan merdekanya dengan matinya.
3. Wali *aqrab* itu sahaya yang *mukātab* iaitu yang dijanjikan oleh tuannya akan merdekanya dengan membayar sekian-sekian daripada hartanya di dalam masa yang maklum.
4. Wali *aqrab* itu *muba'ad* yakni setengah dirinya merdeka dan setengahnya hamba orang seperti dua orang mengutang. Maka yang empat ini pada hakekatnya kembali kepada satu juga.
5. Wali *aqrab* itu fasik, maka masuk dengan kata fasik itu kafir.
6. Wali *aqrab* itu belum baligh.
7. Wali *aqrab* itu gila.
8. Wali *aqrab* itu dungu yakni tiada ia membaiki¹⁹⁵ agamanya dan hartanya pada ketika balighnya, maka dia itu dinamai dungu pada syarak, sama ada *dihajr*¹⁹⁶kan oleh *qāḍī* akan dia, sebab dungunya itu atau tiada dan demikian lagi, jika ia membaiki akan agamanya dan hartanya pada ketika

¹⁹⁵ Yakni memperbaiki dan menjadikan bertambah baik.

¹⁹⁶ Dilarang dan dihalangi.

balighnya kemudian maka mubazirlah¹⁹⁷ ia dan dihajrkan akan dia oleh qaḍi sebab mubazir itu.

9. Wali aqrab itu cedera *naẓarnya*¹⁹⁸ sebab sangat tua atau sebab sangat kurang akal nya atau sebab sangat sakit sekira-kira tiada dapat ia memilih kufu dan maslahat.
10. Wali *aqrab* itu *khuntha mushkil*.¹⁹⁹
11. Wali *aqrab* itu, dirinya, pakaiannya dan barang kelakuannya seperti rupa perempuan, yakni sebab fasiknya dengan kelakuannya yang demikian itu.
12. Wali *aqrab* itu bisu lagi tuli lagi tiada tahu berisyarat.

Inilah dua belas tempat berpindah wilayah daripada wali *aqrab* kepada wali *ab'ad* tiada kepada hakim.²⁰⁰

Soal : Perempuan yang berwali hakim itu ada berapa tempat?

Jawab : Perempuan yang berwali hakim itu ada sepuluh tempatnya²⁰¹

1. Ketiadaan walinya dari pada keluarganya dan ketiadaan walinya dari pada yang memerdekakan dia dan *aṣabah*nya.

¹⁹⁷ Ianya bermaksud orang yang membazirkan harta.

¹⁹⁸ Keupayaan berfikir.

¹⁹⁹ Pondan yakni lelaki yang lebih bersifat keperempuanan yang samar dan sulit membezakannya apakah ianya lelaki atau perempuan.

²⁰⁰ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* hal. 253-256. Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 377. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* hal. 208.

²⁰¹ Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1916 M), *Al-Iqnā’ fi ḥall al-Fāz Abī Shujā’*. al-Hind, al-Maṭba’ah al-Ḥusniyah, hal. 27-28. Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* hal. 237. Sulaymān bin Muḥammad bin ‘Umar al-Bujayrāmī (1417 H/1997 M), *op.cit.* hal. 148-149.

2. Pergi-pergiannya wali *aqrab* pada perjalanan yang harus di dalamnya *qasar* iaitu perjalanan sehari semalam atau dua hari atau dua malam dengan perjalanan yang berat jika ada ia ahli bagi wilayah, dan jika tiada ahli ia bagi wilayah maka *ab'ad* akan walinya. Melainkan jika ada wali *aqrab* yang pergi-pergiannya itu meninggalkan wakil di dalam negeri, maka wakilnya itulah menikahkan dia tiada hakim.
3. Hilang walinya yang *aqrab* itu, matinya pun tiada diketahui dan hidupnyapun tiada diketahui.
4. Wali *aqrab* itu ada di dalam negeri jua, tetapi tiada dapat dicari atau dilihat orang desanya, maka diikut tiada diketahui, demikianlah dicari empat lima hari tiada juga dapat dan perempuan itu dapat darurat hendak nikah, maka hakimlah akan walinya sebab darurat, tetapi apabila adalah hadir walinya itu binasalah nikahnya, maka hendaklah membaharukan pula nikahnya dengan wali *aqrab* itu.
5. Wali *aqrab* itu di dalam perjalanan yang tiada harus di dalamnya *qasar* tetapi sangat sukar mendatangi dia, sebab takut kepada barang sesuatu umpamanya.
6. Wali *aqrab* itu terpenjara di dalam negeri dan sukar mendatangi dia sebab sangat takut umpamanya.
7. Wali *aqrab* itu pitam²⁰² yang berlanjutan di dalam beberapa masa, sekira-kira kesukaran menanti sembuhnya dan kata setengah ulama berpindahlah wilayah dari padanya kepada wali *ab'ad* juga.

²⁰² Pitam adalah hilang kesedaran dan pelihatan buat seketika akibat kekurangan bekalan darah ke otak. Lihat dalam Hj.Noresah bi. Baharom, et.al. (2007), *Kamus Dewan*. Dawana Sdn. Bhd. Selangor Dar al-Ehsan, cet. 7, hal. 1216.

8. Wali *aqrab* itu berkehendak menikahi perempuan yang diwalikannya, dan walinya yang *aqrab* yang sepangkat²⁰³ dengan dia pun tiada, hanya yang ada wali *ab'ad* juga.
9. Wali *aqrab* itu di dalam ihram haji atau umrah.
10. Wali *aqrab* itu enggan ia daripada mewalikan dia padahal adalah perempuan itu berkehendak nikah dengan laki-laki yang sekufu dengan dia dan *thābitlah*²⁰⁴ enggannya itu di hadapan *qaḍī*, dan jikalau ada sebab enggannya itu sedikit mahar atau memilih laki-laki yang lain yang lebih kufunya daripada laki-laki dikehendaki oleh perempuan itu sekalipun, tetapi jika ada enggannya wali *aqrab* itu berulang-ulang, sekira-kira jadi fasiklah ia dengan dia yakni tiga kali atau enggan ia, maka berpindahlah wilayah perempuan itu kepada wali *ab'ad* tiada kepada hakim.

Soal : Apa hukumnya jika enggan wali yang *aqrab* tiga kali disuruh oleh hakim, maka berpindahlah kepada *ab'ad* atau kepada hakim?

Jawab : Manakala enggan yang *aqrab* sebelum lagi tiga kali, maka hakim yang menikahkan dia, maka jika tiga kali disuruhnya maka berpindah kepada *ab'ad*. Jikalau mengkahwinkan oleh hakim kerana *ghaib* wali *aqrab*, maka nyata ia hadir maka tiada sah nikahnya. Bermula wilayah yang am tiada boleh mujbirkan nikah, maka tiada boleh hakim mengkahwinkan kanak-kanak yang kecil.²⁰⁵

²⁰³ Iaitu merujuk kepada taraf perwalian yang sama.

²⁰⁴ Ertinya terbukti di hadapan *qaḍī*.

²⁰⁵ Sulaymān bin Muḥammad bin 'Umar al-Bujayrāmī (1417 H/1997 M), *op.cit.* hal. 147.

Soal : Sekalian wali-wali nikah yang tersebut harus ia berwakil pada orang lain apa tiada?

Jawab : Bermula sekalian wali itu harus ia berwakil pada orang lain akan menikahkan yang diwalikannya, tetapi dengan syarat hendaklah perempuan itu berwakil dahulu pada walinya seperti katanya: “*Nikahkanlah aku dengan si Anu*”, maka walinya berwakil pula pada orang yang lain, demikian katanya: “*Engkau aku wakili menikahkan si Anu dengan si Anu*”, maka hendaklah kita sebut nama laki-laki dan perempuan yang hendak dinikahkan itu dan bangsanya seperti katanya: “Engkau” atau lain-lainnya, lagi pula hendaklah disebutkan maharnya berapa-berapa banyaknya.²⁰⁶

Dan wali mujbir hendaklah berwakil menikahkan akan anak cucunya yang belum baligh atau yang sudah baligh tetapi lagi anak dara, maka tiadalah berkehendak minta izin kepada anak atau cucunya, hanya bapaknya atau neneknya²⁰⁷ sendirian juga berwakil kepada orang yang dikehendaknya akan wakil seperti perkataan yang telah tersebut dahulu itu juga.²⁰⁸

Dan jikalau berwali hakim, maka :

- Hendaklah perempuan itu berwakil sendirian pada hakim dan memadai wakilnya dengan surat yang *ṣahīh* seperti dikatakannya: “*Tuanku nikahkan hamba dengan si Anu*”, maka hendaklah dia sebutkan nama laki-laki itu oleh perempuan.

²⁰⁶ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 418-419. Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malibārī (1424 H), *op.cit.* hal. 169.

²⁰⁷ Nenek disini ialah datuk kerana hanya datuk (yang lelaki) sahaja yang boleh menjadi wali.

²⁰⁸ Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malibārī (1424 H), *op.cit.* hal.169. Al-Qalyūbī dan al-‘Umayrah (1375 H/ 1956 M), *op.cit.* juz. 3, hal. 229. Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 377.

- Lagi pula, hendaklah sempurna pendengar hakim akan perkataan perempuan itu.
- Lagi pula, syarat hendaklah diketahui nama perempuan itu oleh hakim.
- Dan lagi pula, tiada sah hakim menikahkan orang yang tiada di dalam negeri pemerintahnya, seperti orang negeri lain.²⁰⁹
- Dan lagi pula, tiada sah hakim menikahkan perempuan yang tiada ketahuan asalnya bini orangkah atau di dalam *'iddah*kah atau orang tiada sekufukah atau abdi orang.

Tersebut di dalam *Tuḥfah* wajib memeriksakan sekalian yang tersebut itu, jika tiada diperiksakan, maka dinikahkannya akan perempuan itu oleh hakim nescaya tiadalah sah nikahnya, maka memadai akan saksi memeriksa yang demikian itu dengan saksi seorang laki-laki dan seorang perempuan atau empat orang perempuan yang tiada mendusta atau dengan pengetahuan hakim sendiriannya. *Wallah a'lam*²¹⁰

Soal : Apabila taubat wali fasik apa hukumnya?

Jawab : Hukumnya harus jadi wali pada ketika itu.²¹¹

²⁰⁹ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī , Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit*, hal. 259.

²¹⁰ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī , Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit*. juz 7, hal. 227.

²¹¹ Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al-Malibārī (1424 H), *op.cit*, hal. 166. Taqiy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al-Dimashqī (1422 H/ 2001 M), *op.cit*, hal. 476.

Syarat Laki-Laki Yang Berkahwin

Soal : Laki-laki yang harus dinikahkan itu ada berapa syaratnya?

Jawap : iaitu ada lima syaratnya ²¹²

1. Hendaklah laki-laki yang sudah baligh, maka jika belum baligh maka hendaklah bapaknya atau neneknya ijab dan kabul akan ganti kanak-kanak itu.
2. Hendaklah akal, jika tiada akal maka bapaknya ijab kabul.
3. Hendaklah laki-laki yang dinikahkan itu jangan isterinya empat orang yang masih tetap nikahnya dengan dia itu, dan jika dinikahkan ia dengan yang kemudian nescaya tiadalah sah nikahnya, melainkan kemudian sudah ditalaknya satunya isterinya yang empat itu dengan talak tiga. Dan jika ditalaknya dengan talak dua atau satu, maka tiadalah sah dinikahkan ia dengan yang kemudian itu hingga selesai 'iddah isterinya itu. Adapun jika laki-laki itu '*abdi* ²¹³ orang tiadalah sah nikahnya yang kemudian, apabila ada isterinya yang dahulu itu dua orang, kerana '*abdi* itu tiada boleh beristeri lebih dari pada dua orang.
4. Jangan ada laki-laki itu olok-olok,²¹⁴ jika ada ia olok hendaklah dengan diizinkan walinya maka sah nikahnya.
5. Jangan ada laki-laki itu '*abdi* orang, jika ada laki-laki itu '*abdi* orang maka hendaklah dengan izin tuannya, maka sah nikahnya.

²¹² Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* juz 3, hal. 500-501.

²¹³ Hamba sahaya .

²¹⁴ Perkataan atau perbuatan yang mengandungi senda gurau, bukan sebenarnya dan bukan sungguh sungguh.

Syarat Perempuan yang Berkahwin

Soal : Perempuan yang harus dinikahkan yang lain daripada wali bapak dan nenek atau barang wali ada berapa syaratnya?

Jawap : Iaitu ada dua belas syaratnya:

1. Hendaklah perempuan itu sudah baligh, jika belum baligh maka tiadalah harus dinikahkan oleh saudaranya dan bapak mudanya atau barang wali yang lain melainkan bapaknya dan neneknya.
2. Hendaklah perempuan itu berakal, dan jika tiada akal perempuan itu tiadalah harus segala walinya menikahkan dia melainkan bapaknya dan neneknya sama ada sudah baligh atau belum baligh sama ada masa anak dara atau sudah hilang daranya, maka harus bapaknya atau neneknya menikahkan dia dan yang lain daripada itu tiada harus menikahkan dia.²¹⁵
3. Jangan ada perempuan itu dinikahkan dengan laki-laki yang *muhrimnya* daripada nasabnya.²¹⁶
4. Jangan ada perempuan dinikahkan dengan laki-laki yang *muhrim* daripada sesusuan.²¹⁷
5. Jangan ada perempuan itu dinikahkan dengan laki-laki yang berambil-ambilan seperti mertua datang ke atas dan menantu datang ke bawah dan anak tiri datang ke bawah dan bapak tiri.²¹⁸

²¹⁵ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Basrī (1414 H/1994 M), *op.cit.* hal. 130-131.

²¹⁶ Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 388-389. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 472-498.

²¹⁷ *Ibid.*

²¹⁸ *Ibid.*

6. Jangan ada perempuan itu isteri orang.²¹⁹
7. Jangan ada perempuan itu di dalam 'iddah.²²⁰
8. Jangan ada perempuan itu kafir.²²¹
9. Jangan ada perempuan itu murtad *wal'iyādh billah*.²²²
10. Jangan ada perempuan itu yang sudah ihram haji atau umrah.²²³
11. Jika ada perempuan itu belum baligh, maka jangan ada ia hilang daranya sebab waṭi yang harus atau waṭi zina, dan tiada kebilangan hilang daranya itu lain dari pada waṭi' seperti hilang daranya sebab mengangkat yang berat, atau sebab gugur atau dengan dikehendaki Allah *ta'āla* tiada daranya dari semula-mulanya dan barang sebahagiannya.

Adapun jika yang belum baligh itu hilang daranya, maka tiadalah sah ia dinikahkan hingga ia baligh. Adapun jika ada perempuan yang hilang dara itu sudah baligh, maka sahlah ia dinikahkan dengan izin yang *sarih*²²⁴ seperti katanya: “ *Nikahkanlah aku dengan si Anu*”, maka tiada memadai diamnya akan izinnya.

Adapun perempuan dara lagi baligh, jika dinikahkan oleh saudaranya atau bapaknya mudanya²²⁵ akan dia, maka memadai akan izinnya perempuan itu diamnya, maka sahlah dinikahkannya, tetapi jika

²¹⁹ *Ibid.*

²²⁰ *Ibid.*

²²¹ *Ibid.*

²²² *Ibid.*

²²³ *Ibid.*

²²⁴ Jelas dan tegas.

²²⁵ Dalam konteks fiqh di sini maksud bapak muda dalam teks Jawi asal ialah bapa saudara.

berkata perempuan itu demikian katanya: “ Aku tiada reda berlaki”, maka iaitu tiada sah dinikahkan oleh saudaranya atau bapak mudanya.²²⁶

12. Jika ada perempuan itu *abdi* orang, maka walinya yang menikahkan itu tuannya, tiada harus anak oleh tuannya itu menikahkan dia. Bermula,²²⁷ jika perempuan itu dimerdekakan oleh tuannya dan tiada ada walinya dari pada nasabnya, maka yang memerdekakan itu jua akan walinya. Maka jika ada yang memerdekakan itu perempuan, maka barangsiapa yang harus akan wali tuannya itulah akan walinya. Maka jika mati tuannya yang memerdekakan dia itu maka anak tuannya itulah akan walinya tiadalah dapat wali tuannya menikahkan dia.²²⁸

Syarat Saksi Nikah

Soal : Orang yang harus akan saksi nikah itu ada berapa syaratnya?

Jawab : Iaitu ada empat belas syaratnya²²⁹

1. Islam.
2. Laki-laki.
3. Dua orang.
4. Merdeka keduanya.

²²⁶ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 388-389. Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 376.

²²⁷ Pertama-tama, pada masa silam digunakan sebagai pembuka kata atau kata permulaan untuk sesuatu kisah, cerita atau peristiwa. Dato Haji Mahmud bin Haji Bakyr et.al (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, cet. 1, hal. 1828.

²²⁸ Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 376. Abū al-Ḥusain Yaḥyā bin abī al-Khair bin Sālim al-‘Imrānī (1421 H/2001 M), *al-Bayān fī Madhhab al-Shāfi’ī*, Qāsim Muḥammad al-Nūrī (edt), cet. 1, Beirut: Dār al-Minhāj , juz. 9, hal. 163.

²²⁹ Syed Abū Bakr al-Dimyāṭī (1356 H/1938 M), *Ḥāshiyah l’ānah al-Ṭālibīn ‘alā hall Alfāz fatḥ al-Mu’īn*. Mesir, Matba’ al- Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, cet.2, juz 3, hal. 298-299. Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 391.

5. Baligh keduanya.
6. Akal keduanya.
7. Melihat keduanya, maka tiada harus orang buta.
8. Pendengar keduanya, maka tiada harus orang tuli.
9. Dapat berkata-kata keduanya, maka tiada harus orang bisu.
10. Jangan anak oleh yang nikah itu, keduanya tersebut di dalam *Minhaj*-
harus anak akan saksi atau seteru keduanya akan saksi.
11. Jangan ada bapak oleh yang nikah keduanya atau saudaranya yang satu
sahaja yang *mu'ayyin* bagi wali.
12. Jangan seteru keduanya.
13. Adil keduanya, maka tiada sah orang yang fasik akan saksi nikah itu.
14. Mengetahui bagi lisan orang ijab dan kabul itu.

Maka apabila kurang salah satunya daripada yang empat belas syarat yang tersebut, maka tiadalah harus akan saksi nikah itu.

Soal : **Apabila taubat dua syahid daripada fasiknya apa hukumnya?**

Jawab : Hukumnya tiada diterima melainkan lalu setahun, jika tiada *ruju'* kepada fasiknya, sahlah dijadikan *shahidnya* (saksinya).²³⁰

Soal : **Apanya yang wajib dikenali oleh dua saksi akan pengantin perempuan dengan namanyakah atau nama bapaknya atau memadai dengan kelainan mukanya sahaja atau tiada wajib sekalian itu?**

Jawab : Iaitu bersalah-salahan antara ulama, kata Syed Shaṭā dalam *Hāshiyah Fatḥ al-Mu'īn* di muka nombor 200:

²³⁰ Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 514-515.

" وَلَا يشترط معرفة الشهود للزوجة ولا أن المنكوحة بنت فلان بل الواجب عليهم الحضور وتحمل الشهادة على صورة العقد كما قال القاضي حسين كذا بخط شيخنا الزياتي شوبري وهو تابع لابن حجر وقال م²³¹ (لا بد من معرفة الشهود اسمها ونسبها أو يشهدان على صورتها برؤية وجهها انتهى)

Ertinya: “ *Tiada disyaratkan mengenali saksi pengantin perempuan dan tiada disyaratkan mengenali saksi bahawa perempuan yang dinikahkan anak perempuan si Anu, tetapi yang wajib atas mereka itu hadir dan menanggung bersaksi atas rupa itu akad sebagaimana adanya sahaja, seperti dikatakan oleh Qadi Husain, demikian dalam khat Sheikh Kami al-Ziyadi Saubari dan iaitu yang mengikut bagi Ibnu Hajar (dan kata) Muhammad al- Ramli: “ Tak dapat tiada daripada mengenal saksi akan namanya dan turunannya atau menyaksi keduanya atas rupanya dengan melihat wajahnya”*. Selesai.²³²

²³¹ Demikian yang tertulis dalam kitab asal, yang dimaksud adalah Muhammad Ramli al-Saghir. Lihat dalam ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd al-Muṭṭalib al-Indūnīsī (1951), *Al-Khazā’in al-Saniyyah min mashāhir al-Kutub al-Fiqhiyyah li aimmtinā al-Fuqahā al-Shāfi’iyyah*. Misr: Dār Misr li al-Ṭibā’ah, hal. 28. Naghmān Jughaym (2007), *Madkhal ilā al-Madhab al-Shāfi’ī Rijāluh wa kutubuh wa Muṣṭalahātuh*. Malaysia: Markaz al-Buhūth, al-Jāmi’ah al-Islāmiyah al-‘Ālamiyah. Cet.1, hal. 129.

²³² Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 502.

Kufu Dalam Perkahwinan

Soal : Kufu itu hak siapa, adakah ia bagi perempuan atau wali atau bagi keduanya?

Jawab : Adapun kufu itu adalah ia hak bagi perempuan dan wali.²³³

Soal : Adakah harus bagi keduanya menggugurkan dia?

Jawab : Maka iaitu harus bagi keduanya menggugurkan dia iaitu redanya dengan tiada kufu, maka jika dikahwinkan perempuan akan yang tiada kufu dengan redanya oleh yang *munfarid*²³⁴ atau wali yang aqrab atau setengah daripada wali yang bersawat²³⁵ *darajahnya* dan reda oleh yang tinggalnya, sahlah nikahnya dan tiada sah jika dinikahkan dia oleh hakim.²³⁶

Soal : Perkara kufu itu ada berapa perkara?

Jawab : Adapun perkara kufu itu ada lima perkara

1. Sanya²³⁷ tiada kufu nikah seperti gila dan *judham*²³⁸ dan sopak,²³⁹ maka orang yang tiada sejahtera daripada segala aib yang tersebut, sama ada ia atau dua ibu bapaknya tiada kufu bagi perempuan yang sejahtera dari

²³³ Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 554. Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 428.

²³⁴ Bersendiri.

²³⁵ Daripada kata bahasa Arab “ sāwā-yusāwī-musāwāh” yang bererti menyamai. Lihat dalam Uthman bin Khalid et.al (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Selangor Dar al-Ihsan, cet.1, hal.1216.

²³⁶ Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 554.

²³⁷ Sebenarnya, sesungguhnya. Lihat dalam Dato Haji Mahmud bin Haji Bakyr et.al (2003), *op.cit.* hal. 2378.

²³⁸ Kusta.

²³⁹ Penyakit kulit yg rupanya berbelang-belang putih pada kaki, tangan dan lain-lain.

padanya, dan jika pada perempuan itu *aib* tiada kufu jua dan jika *muwāfaqah* keduanya pada *aib* itu sekalipun.

2. Merdeka, maka orang yang menyentuh akan dia oleh *riq* yakni sahaya atau menyentuh akan bapaknya yang terlebih hampir daripada bapak perempuan itu *riq*, tiada kufu ia bagi perempuan yang sejahtera daripada yang tersebut, maka tiada mengapa jika ibunya sahaya, tersebut pada *Rauḍah*²⁴⁰. Dan ialah yang demikian daripada kalam *al-Aṣḥab*²⁴¹ dan di*ṣarih* dengan dia oleh *Ṣāhib al-Bayān*.²⁴²
3. Bangsa, dan jika daripada ‘*ajam* sekalipun seperti bangsa Persi terlebih *afḍal* daripada bangsa Qibṭi dan bangsa Israel terlebih *afḍal* dari pada bangsa Qibṭi, maka yang ‘*ajam* tiada kufu bagi perempuan yang *Arabiyyah* dan yang bukan bangsa Quraish tiada kufu bagi perempuan yang *Quraishiyyah* yang bukan bangsa *Hāshimī*, dan *Muṭṭalibiy* tiada kufu bagi *Hashimiyyah* dan *Muṭṭalibiyyah*.
4. ‘*Iffah* yakni menahan diri daripada pekerjaan fasik padanya dan pada bapaknya, maka yang fasik tiada kufu bagi perempuan yang ‘*afḥāh*, yang ahli *bid’ah* tiada kufu bagi perempuan yang ahli sunnah.
5. Pekerjaan, maka tiada kufu yang mempunyai pekerjaan yang kurang itu bagi yang mempunyai pekerjaan yang tinggi dari padanya, maka umpamanya yang menyapu sampah dan gembala binatang dan tukang

²⁴⁰ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.* hal. 429.

²⁴¹ Istilah ini merujuk kepada ulama yang menerima asas-asas Imam Syafii dalam ijtihad, dan mereka tidaklah terhad kepada murid-murid al-Imam al-Shafi’i secara langsung, namun semua yang menerima pakai manhaj dan metodologi ijtihadnya. Dan setakat masa, mereka adalah yang datang sebelum tahun 400 H. lihat dalam Muḥammad Sam’i Syed ‘Abd al-Raḥmān al-Rastāqī (1426H/2005M), *op.cit.*, cet.1, hal. 158. Naghmān Jughaym (2007), *op.cit.* hal. 135.

²⁴² Abū al-Ḥusain Yaḥyā bin abī al-Khair bin Sālim al-‘Imrānī (1421 H/2001 M), *al-Bayān fī Madhhab al-Shāfi’i*, Qāsim Muḥammad al-Nūrī (edt), *op.cit.*, hal. 201.

bekam dan yang menguli dan tukang menyamak dan tukang *ḥammām*,²⁴³ ia atau bapaknya tiada kufu bagi anak perempuan tukang menjahit, dan anak penyurat tiada sekufu mereka itu dengan perempuan anak saudagar. Maka inilah lima perkara segala perkara kufu.

Maka nyatalah dari padanya bahwasanya kaya itu tiada ia dibilangkan daripada segala perkara kufu, oleh kerana harta itu pergi datang tiada mengambil kemegahan dengan dia, segala mereka yang mempunyai perangai dan mempunyai mata hati. Maka oleh kerana inilah, sekufu laki-laki yang *fāqah*²⁴⁴ dengan perempuan yang kaya, maka banyak lagi bicara kufu tiada disebutkan di dalam jadual ini melainkan *qadra hajah*²⁴⁵ sahaja, jikalau hendak mengetahui bolehlah *mutala'ah* kitab besar-besar yang panjang bicaranya. *Wallahu A'lam*.²⁴⁶

Syarat Bertahkim

Soal : Syarat harus bertahkim itu ada berapa?

Jawab : Syarat harus bertahkim itu ada tiga perkara:

1. Ketiadaan wali, maka tiada harus bertahkim serta ada wali.²⁴⁷
2. Ketiadaan hakim pada tempat negeri itu, maka tiada harus bertahkim serta ada hakim.²⁴⁸

²⁴³ Bilik Mandi.

²⁴⁴ Miskin lagi fakir.

²⁴⁵ Seperlunya .

²⁴⁶ Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭa al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 555. Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Basrī (1414 H/1994 M), *op.cit.* hal. 100-101.

²⁴⁷ Abū al-Ḥusain Yaḥyā bin abī al-Khair bin Sālim al-‘Imrānī (1421 H/2001 M), *al-Bayān fī Madhhab al-Shāfi’ī*, Qāsim Muḥammad al-Nūrī (edt), *op.cit.* hal. 176.

3. Adalah laki-laki yang dijadikan *muḥakkim* itu adil, maka tiada harus bertahkim orang yang fasik, tiada wajib perempuan dan laki-laki yang berkehendak nikah itu hadir keduanya di hadapan orang yang adil itu. Ini atas *qaul* Ibnu Hajar di dalam *Tuḥfah*,²⁴⁹ bahkan tersebut di dalam *Bughyah al-Mustarshidīn*: “ Kalau seorang perempuan di Yaman menjadikan tahkim kepada seorang laki-laki yang di Makah, maka datang muḥakkim itu kahwinkan dia di Makah dengan tunangannya nescaya sah, meskipun perempuan itu tidak datang ke tempat muḥakkim”.²⁵⁰ Dan tersebut di dalam *fatāwā* Ibn Ḥajar: “ Mesti perempuan dan laki-laki hadir di sisi muḥakkim”.

Soal : Berlafazkah keduanya pada menjadikan hakim yang menikahkan dia daripadanya?

Jawab : iaitu hendaklah ia berlafaz keduanya dengan *lafaz* yang *ṣarih* pada menjadikan dia hakim yang menikahkan dia daripadanya seperti dikata oleh perempuan itu:

(جعلتك حاكما في تزويجي من هذا الرجل) ertinya aku jadikan dikau hakim yang menikahkan dia aku daripada laki-laki ini.

²⁴⁸ *Ibid.*

²⁴⁹ Shihāb al-Dīn Abū al-Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Alī Ibn al-Ḥajar al-Haiṭhamī (1421 H/2001 M), *Tuḥfah al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, cet. 1, juz 3, hal. 207. Sayyid Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Ḥusain bin Umar (1418 H/1998 M), *Bughyah al-Mustarshidīn fī talkhīs Fatāwā Ba’ḍ Aimmah min al-‘Ulamā’ al-Mutaakhirīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, hal. 257.

²⁵⁰ Sayyid ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Ḥusain bin ‘Umar (1418 H/1998 M), *op.cit.* hal. 256-257.

Dan berkata pula laki-laki itu baginya:

(جعلتك حاكما في تزويجي من هذه المرأة) ertinya aku jadikan dikau hakim pada menikahkan dia aku dengan ini perempuan.

Maka apabila sudah melafazkan keduanya akan lafaz itu jadilah laki-laki yang adil itu akan walinya, dan iaitu yang dinamakan *muhakkim* ertinya yang dijadikan hakim, maka *muhakkim* itu seperti hakim pada boleh menikahkan perempuan yang tiada baginya wali.²⁵¹ maka diketahui daripada segala syarat tahkim dan syarat *tauliah*²⁵² bahawasanya laki-laki yang dijadikan *muhakkim* pada masalah *tahkim* dan yang dijadikan wali pada masalah *tauliah* bersamaan keduanya pada pihak disyaratkan bagi keduanya itu adil, maka tiada memadai yang fasik.

Inilah Khutbah Nikah²⁵³

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا من يهدي الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا اله الا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله أرسله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله ولو كره المشركون، يا أيها الذين آمنوا اتقوا الله حق تقاته ولا تموتن الا وأنتم مسلمون، يا أيها الناس اتقوا ربكم الذي خلقكم من نفس واحدة وخلق منها زوجها وبث منهما

²⁵¹ Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Alī Ibn al-Ḥajar al-Haithāmī (1421 H/2001 M), *op.cit.* hal. 211.

²⁵² Pelantikan menjadi wali.

²⁵³ Sheikh Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī dalam kitabnya iaitu *Hāshiah I’ānah al-Ṭālibīm ‘alā ḥall al-fāz fatḥ al-Mu’īm* telah cuba menuliskan beberapa contoh khutbah nikah , untuk lebih lengkap dan sempurnanya sila lihat dalam Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.* hal. 448-452.

رجالاً كثيراً ونساءً واتقوا الله الذي تساءلون به والأرحام إن الله كان عليكم رقيباً، يا أيها الذين آمنوا اتقوا الله وقولوا قولاً سديداً يصلح لكم أعمالكم ويغفر لكم ومن يطع الله ورسوله فقد فاز فوزاً عظيماً. ثم إن الله أحل النكاح وندب إليه وحرم السفاح وأوعد العذاب الأليم عليه، فقال عز وجل فانكحوا ما طاب لكم من النساء مثنى وثلاث ورباع فإن خفتم أن لا تعدلوا فواحدة، وقال تعالى ولا تقربوا الزنا إنه فاحشة وساء سبيلاً، وقال صلى الله عليه وسلم النكاح سنتي فمن رغب عن سنتي فليس مني. أما بعد، فإن الأمور كلها بيد الله يقضي فيها ما يشاء ويحكم ما يريد لا مؤخر لما قدم ولا مقدم لما أخر ولا يجتمع اثنان ولا يفترقان الا بقضاء وقدر وكتاب من الله سبق، أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولوالدي ولوالديكم ولسائر المسلمين فاستغفروه إنه هو الغفور الرحيم.

Kemudian berkata yang menikahkan dan yang nikah itu:

بسم الله والحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله أوصيكم عباد الله ونفسي بتقوى الله، أزوجك على ما أمر الله به من امسالك بمعروف أو تسريح بإحسان

Kemudian itu berkata imam wakil wali pada lafaz ijab:

“ Aku nikahkan akan dikau akan si fulanah anak si Fulan wali bapaknya berwakil ia kepada aku dengan maskahwinnya dua riyal sugu”. Maka berkata suami pada lafaz qabul: “ Aku terima nikahnya si Fulanah anak si Fulan dengan maskahwinnya dua riyal sugu”. Kemudian itu baru imam membaca doa sesudahnya nikah sekurangnya:

بارك الله لك وجمع بينكما في خير

Pemberitahu

Diiringkan lagi satu jadual 'iddah dua puluh sembilan macam perempuan merdeka yang cerai hidup atau mati dengan segala hukumnya yang wajib atas isterinya yang bercerai atau suaminya yang menceraikan.

Adapun perempuan sahaya dan perempuan yang tiada kedatangan *haid* sekali-kali tiada tersebut akan hukumnya di dalam jadual tetapi ada saya tuliskan di akhir kitab ini.

'Iddah Orang Amah (Sahaya)

Bermula 'iddah perempuan yang sahaya orang amah dua *qurū*' (ertinya *qurū*' iaitu suci diantara dua haid), dan jika dimerdekakan dia didalam 'iddahnya tiga *quru*', jika ada merdekanya itu didalam 'iddah *raj*'iyyah.²⁵⁴

Dan bermula 'iddah perempuan yang merdeka yang tiada datang haid sekali-kali di dalam umurnya samaada ia belum baligh atau sudah baligh ia atau putus asa ia dari pada haid, maka iaitu tiga bulan.²⁵⁵ Dan jika ada perempuan yang tersebut itu sahaya orang, maka 'iddahnya satu bulan setengah jua, dan jika datang haid perempuan yang tiada datang haid sekali-kali didalam umurnya itu atau yang putus asa ia daripada haid itu maka ber'iddah ia dengan *quru*', jika sebelum selesai 'iddahnya dengan tiga bulan itu, dan memilih akan dia oleh Balqini lagi *muwafaqah*²⁵⁶ ia dengan mazhab Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan yang telah lalu itu yang ber'iddah dengan *quru*' itu.²⁵⁷

²⁵⁴ Al-Qādī Abū Shujā' (1415 H/1994 M), *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb, Mājid al-Ḥamwī* (edt). Beirut: Dār Ibn Ḥazm, cet 2, hal. 253.

²⁵⁵ *Ibid*, hal. 251

²⁵⁶ Bersepakat

²⁵⁷ Zayn al-Dīn bin 'Abd al-'Azīz al-Malibārī(1424 H), *op.cit*, hal. 188-189.

Dan bermula perempuan yang putus darahnya, dan jikalau dengan ketiadaan penyakit sekalipun sama ada ia merdeka atau sahaya, maka menanti ia hingga datang haidh supaya ber'iddah ia dengan *qurū*, atau hingga putus asa ia daripada haid supaya ber'iddah bulan, dan jikalau lama masa menantinya sekalipun, tetapi tiada harus rujuk dan tiada wajib *nafaqah* atas suaminya, kemudiaan daripada lalu masa tiga bulan, atas kata Imam Rafi'i. Dan kata Ali Shibra Malasi: “ *Berkekalan keduanya hingga selesai iddahnya dengan atau dengan tiga bulan, kemudian dari pada putus asa ia daripada haid. Dan pada qaul qadim, jika putus dan perempuan yang tersebut itu tiada kerana penyakit, maka menanti ia sembilan bulan, kemudian maka ber'iddah ia dengan bulan. Dan bermula yang dii'tibarkan pada putus asa daripada haid itu putus asa segala perempuan yang semasa dengan dia dan sehingga-hingganya enam puluh dua tahun dan kata qila enam puluh tahun. Dan kata yang lain pula lima puluh tahun. Intahā.*²⁵⁸

²⁵⁸ *Ibid*, hal. 189.

Tamma al-Kitāb fī Jadwal Ḥukm al-Nikāh dan jadual ‘iddah pada hari thulāhā pada tanggal satu hari bulan Jamadil al-Awwal tahun 1357 di Negeri Makkah al-Musharrafah kampong Shabikah, ketika itulah saya mufti kerajaan Kubu Haj Isma’il bin Daeng Abdul al-Karim Bugis peranakan Pontianak, telah selesai menyurat Jadwal ini diterjemahkan dengan bahasa Melayu. Ghafarallah lah wa li wālidaih wa li Mashākhih wa li sār al -Muslimīn Amīn. Allahumma Amīn.

BAB KEEMPAT

ANALISIS KITAB *JADUAL NIKAH*

4.0. Mukadimah

Pada bab ini pengkaji akan membuat penganalisaan terhadap intipati kandungan teks Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu, kemudiannya menghuraikan persoalan-persoalan yang dibahaskan daripada pelbagai aspek, sama ada aspek fiqh, metod penulisan, mahupun aspek bahasa.

4.1. Analisis daripada Aspek fiqh

Kata fiqh secara bahasa bererti paham secara mendalam, fiqh tentang sesuatu bererti pengetahuannya tentang sesuatu sangat baik. Oleh itu, fiqh juga bererti cerdas (*faṭānah*).²⁵⁹

Secara istilah, definisi fiqh sepertimana yang dijelaskan 'Abd Wahhāb Khallāf ialah:

العلم بالأحكام الشرعية العملية المكتسب من أدلتها التفصيلية أو هو مجموعة الأحكام
الشرعية المستفادة من أدلتها التفصيلية

“ Ilmu tentang hukum hakam syariah yang bersifat amalan yang diperoleh daripada dalil-dalil yang terperinci, atau sekumpulan hukum hakam syariah yang amalan yang digali daripada dalil-dalil yang terperinci”²⁶⁰

²⁵⁹ Ibrahim Anīs *et.al* (1972), *al-Mu'jam al-Wasīf*. Mesir: Dār al-Ma'ārif, juz 2, hal.698

²⁶⁰ 'Abd al-Wahhāb Khallāf (1978), *Ilm uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-'Ilm, hal.11

Dengan demikian, konsep fiqh adalah merujuk kepada usaha pemahaman dan penafsiran seseorang fuqaha terhadap sumber syariah (Quran dan Sunah) bagi membuat kesimpulan hukum dengan menerima pakai kaedah perundangan Islam.²⁶¹ Atas dasar inilah ianya bersifat relatif yang diungkapkan sebagai;

“ Aspek fiqh atau kefahaman ini telah memberi sifat dan warna yang tersendiri kepada umum. Meskipun semua hukum Islam itu pada hakikatnya khitab Allah yang dizahirkan melalui wahyu, namun sebagai yang difahami oleh fuqaha ia sudah mengandungi unsur lain yang di luar khitab itu sendiri iaitu mentaliti dan keilmuan fuqaha berkenaan, persekitaran di mana hukum itu difahami dan banyak lagi. Dengan kata lain, ia tidak semestinya muqaddas, mutlaq, syumul dan abadi.”²⁶²

Berasaskan perkara ini, maka seseorang fuqaha dibenarkan untuk bersikap kritikal, review dan bebas sama ada hendak menerima pakai ataupun sebaliknya terhadap kandungan sesuatu karya fiqh Islam.²⁶³

Seterusnya daripada aspek fiqh ini, pengkaji akan menganalisis pelbagai masalah yang diangkat oleh Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* ini, kemudian mengengahkan serba ringkas pendapat fuqaha mazahib yang lain sebagai sebuah perbandingan.

Secara am masalah-masalah perkahwinan yang dikembangkan oleh pengkaji hanya terhad dalam persoalan-persoalan yang berhubungkait dengan *arkān al-Nikāh* (rukun-rukun nikah) seperti nikah dan hukumnya, ijab qabul, wali, saksi, syarat seorang suami dan isteri, serta tata cara proses perkahwinan, Guru Haji Isma'il Mundu tidak

²⁶¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “ *Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia* “, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan (17-18 Jun 1997 : Universiti Malaya, Kuala Lumpur) : Paper 1, hlm 4-5.

²⁶² *Ibid.*

²⁶³ Mohd Daud Bakar, “ Hukum Islam : Antara prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh “, dalam Abdul Karim Ali (1999), *Hukum Islam semasa bagi masyarakat Malaysia yang membangun*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hal. 29-37.

menyentuh permasalahan seperti *ṭalāq*, *rujū'*, *khul'*, *zihar* dan *li'ān* secara khas. Perkara ini boleh difahami, sememangnya sejak semula matlamat penulisan kitab ini adalah sebagai pemandu bagi para juru kahwin dalam melaksanakan proses perkahwinan yang akhirnya menjadi enakmen rasmi di Kerajaan Kubu terkemudian. Oleh itu, boleh difahami mengapa beliau lebih banyak menumpukan pembahasannya kepada hal ehwal perkahwinan berbanding permasalahan perceraian. Meskipun demikian, Guru Haji Isma'il Mundu juga membahaskan serba sedikit tentang 'iddah di akhir kitabnya ini.

Dalam masalah makna nikah, Guru Haji Isma'il Mundu menuliskan bahawa:

” Nikah mempunyai beberapa makna iaitu makna secara bahasa, syarak dan hakikat. Secara bahasa ianya bererti *al-Damm wa al-Ijtimā'* yang bermaksud berkumpul dan berhimpun, secara syarak '*Aqd yataḍamman ibāḥah waṭi bilafz inkāh aw tazwīj* ertinya akad yang mengandungi ia akan yang meluluskan waṭi dengan lafaz nikah atau lafaz tazwīj, sedang secara hakekat *al-'Aqd al-Murakkab min al- Ijāb wa al-Qabūl* ertinya akad yang bersusun daripada ijab dan qabul iaitu ijab daripada wali dan qabul daripada suami. Dan makna yang dii'tibar adalah makna secara syarak dan hakikat”.²⁶⁴

Para fuqaha dalam masalah ini telah berbeza pendapat, terutamanya fuqaha kalangan *Shafi'iyah* dan *Hanafiyah*. Kalangan Syafii mengatakan bahawa erti sebenar nikah adalah akad, sedang erti yang bersifat kiasan (*majāzī*) adalah waṭi.²⁶⁵ Sedang fuqaha *Hanafiyah* bersebalik dengan pendapat *fuqahā Shāfi'iyah*, mereka mengatakan bahawa erti sebenar nikah adalah waṭi, sedang yang bererti akad ialah bersifat kiasan (*majāzī*).²⁶⁶

²⁶⁴ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 7.

²⁶⁵ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit*, hal. 165.

²⁶⁶ Ibn 'Ābidīn (1423 H/2003 M), *Radd al-Mukhtār 'ala Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār*. al-Riyāḍ: Dār 'Ālam al-Kutub, juz 4, hal. 62-63

Antara impak percanggahan ini ialah apabila seseorang perempuan berzina dengan seseorang lelaki. Menurut mazhab Syafii seseorang perempuan yang diwati secara tidak sah (zina) oleh seseorang lelaki, maka perempuan tersebut halal dikahwini oleh anak lelaki hasil perzinaannya mahupun juga orang tuanya, demikian dikatakan oleh *al-Māwardī* dan *al-Rayyānī*.²⁶⁷

Berbeza dengan pendapat mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa perempuan yang diwati secara tidak sah (zina) telah menjadikan perempuan itu mahram (yang haram dikahwin) sama ada orang tuanya mahupun anak lelakinya.²⁶⁸

Menurut Guru Haji Isma'il Mundu hukum berkahwin adalah:

”*Sunnah* bagi barangsiapa yang ingin kepada nikah dengan syarat jika diperolehnya belanja nikah seperti mahar dan pakaian dan nafaqah. dan *makruh* bagi orang yang tiada ingin kepada nikah dengan syarat jika tiada diperolehnya belanja nikah atau diperolehnya tetapi padanya penyakit lemah dhakarnya dan tua.²⁶⁹

Para ulama telah bersepakat ke atas syariat nikah dan kahwin,²⁷⁰ namun mereka berbeza pendapat keatas status hukumnya terkemudian, mereka terbahagi ke dalam tiga pendapat .

Pertama : **Wajib**, ke atas seseorang yang berkemampuan, sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup. Pendapat ini telah dikatakan oleh *Daud al-Zāhirī* dan *Ibn*

²⁶⁷ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit*, hal. 165. Lihat juga dalam al-Shīrāzī, *al-Majmū' sharḥ al-Muḥadhdhab*, Jeddah : Matba'ah al-Irsyād, juz.17, hal. 324 dan 326.

²⁶⁸ Ibn 'Ābidīn (1423 H/2003 M), *op.cit*, hal. 62. Kamāl bin Hammām (1424 H/ 2003 M), *Sharḥ Fatḥ al-Qadīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, juz 3, hal. 210.

²⁶⁹ Kitab *Jadual Nikāh*, hal.2.

²⁷⁰ Ibn Qudāmah al-Maqdīsī (1417 H/ 1997 M), *al-Mughnī*. al-Riyāḍ: Dār 'Ālam al-Kutub, cet. 3, juz 9, hal. 340. Al-Shīrāzī, *al-Majmū' syarḥ al-Muḥadhdhab*. Jeddah : Matba'ah al-Irsyād, juz.17, hal. 202. Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī (1416 H/ 1995 M), *al-Iḥṣāh 'An 'Aqd al-Nikāh 'Ala al-Madhāhib al-Arba'ah*. Suriyah: Dār al-Qalam al-'Arabī, cet. 1, hal. 24. Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit*, hal. 166.

Ḥazm yang telah diriwayatkan daripada *Aḥmad* dan *Abū ‘Awānah al-Isfarāyīnī* daripada kalangan sahabat Syafii dan pendapat ini juga perkataan segolongan daripada salaf.²⁷¹

Kedua : **Sunnah**, pendapat ini adalah pendapat majoriti ulama dan fuqaha mazhab yang empat.²⁷² hukum nikah adalah sunnah apabila telah memenuhi dua perkara utama, iaitu: apabila ianya sebegitu hebat keinginannya untuk berkahwin dan ianya memiliki keupayaan bagi membayar mahar dan juga nafaqah. Namun sekiranya tiada sebegitu hebat keinginannya untuk berkahwin, tiada juga penyakit yang menghalanginya dan ianya memiliki keupayaan bagi membayar mahar dan nafaqah, maka berkahwin keatasnya adalah utama berbanding meninggalkannya.

Ketiga : ***Ibāhah* (harus)**, antara fuqaha yang berpendapat sepertimana ini adalah *Abū al-Ḥasan al-Māwardī*, ianya adalah antara *fuqāhā* yang popular di kalangan mazhab Syafii.²⁷³ Beliau mengatakan bahawa seseorang yang mempunyai syahwat dan keinginan jima’, sedang ianya tiada khuwatir terjatuh kedalam perzinaan, maka beribadah adalah lebih utama berbanding berkahwin, sebab pada situasi sepertimana ini hukum berkahwin adalah mubah.²⁷⁴

Daripada beberapa pendapat para fuqaha di atas tampak bahawa pendapat majoriti fuqaha yang mengatakan bahawa hukum berkahwin adalah *istiḥbāb* adalah pendapat yang rajih lagi kuat, perkara ini boleh tampak daripada sebegitu banyak nas

²⁷¹ Ibn Qudāmah al-Maqdīsī (1417 H/ 1997 M), *op.cit.* hal. 340-341. Ibn Ḥazm (1351 H), *al-Muhallā*. Mesir: Idārāt al-Ṭibā’ah al-Muniriyyah, juz 9, hal. 440. Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī (1423 H/2003 M), *op.cit.*, hal. 364.

²⁷² Ibn Qudāmah al-Maqdīsī (1417 H/ 1997 M), *op.cit.* hal. 341. Ibn Rushd (1417 H/1997 M), *Bidāyah al-Mujtahid wa Kifāyah al-Muqtaṣid*. al-Manṣūrah: Maktabah al-Īmān, juz 2, hal. 3. Ibn ‘Ābidīn (1423 H/2003 M), *op.cit.*, hal. 63-65. ‘Alaw al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ḥasan al-Mardāwī (2004 M), *al-Inṣāf fī Ma’rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*. Lubnan: Sharikah bayt al-Afkār al-Dauliyah, juz 1, hal. 1333-1334. Kamāl bin Hammām (1424 H/ 2003 M), *op.cit.*, hal. 179.

²⁷³ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī (1414 H/1994 M), *al-Hāwī al-Kabīr*. Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, juz 9, hal. 31.

²⁷⁴ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.*, hal. 170. Al-Shāfi’ī, *Al-Umm*. Beirut: Dār al-Ma’rifah li al-Ṭibā’ati wa al-Nashr, juz 5, hal. 144.

sama ada al-Quran mahupun Sunah yang menyokong perintah berkahwin,²⁷⁵ dan bahawa ianya adalah sunnah yang kokoh dan tradisi para nabi dan rasul.²⁷⁶

Sememangnya bagi sesiapa yang khuwatir jatuh ke dalam perzinaan sedang ianya memiliki keupayaan dan kemampuan sama ada secara fizikal mahupun nafaqah, majoriti fuqaha telah menyatakan bahkan tiada perbezaan dan *khilāf* bahawa hukum berkahwin ke atasnya adalah wajib.²⁷⁷ Adapun yang mengatakan bahawa asal hukum berkahwin adalah harus (mubah) adalah pendapat yang bercanggah dengan sebegitu banyak nas yang menyokong dan mengandungi perintah bagi berkahwin.

Menurut Guru Haji Isma'il Mundu perkara-perkara yang menjadi sebab haramnya perkahwinan ada enam, iaitu:

²⁷⁵ Lihat dalam al-Quran surah al-Nūr: 32, al-Quran surah al-Nisā': 3 dan al-Quran surah al-Rūm: 21. Dan antara nas hadith yang menyokong daripada perintah berkahwin adalah:

1. Hadits yang diriwayatkan oleh sahabat Anas bin Malik – *raḍīy Allāh 'anh-* dalam kisah tiga orang sahabat, salah seorang berkata: “*Adapun aku akan solat malam selama-lamanya dan tidak tidur*”, satu yang lain berkata: “*Aku akan berpuasa sepanjang masa dan tidak berbuka*”, satu yang lain berkata: “*Aku akan menjauhi perempuan dan tidak akan berkahwin selamanya*”. Kemudian Rasulullah S.W.A datang dan berkata: “*Apakah kalian yang berkata ini dan itu?, adapaun sungguh demi Allah aku adalah yang paling takut kepada Allah dan paling bertaqwa kepada-Nya, namun aku berpuasa dan berbuka, solat diwaktu malam dan tidur dan aku menikahi perempuan, maka sesiapa yang membenci sunnahku maka ianya tidaklah golongan daripada ummatku*”. Al-Bukhārī (1400 H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah, cet.1, juz 3, hal. 354. No. 5063. Muslim (1427 H/2006 M), *Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Riyāḍ: Dār al-Ṭaybah, cet 1, hal. 631. No. 1401.
2. Diriwayatkan daripada sahabat Ma'qil bin Yasār bahawa Nabi S.W.A. bersabda: “*Kahwinilah oleh kamu perempuan-perempuan yang mencintai suaminya lagi banyak melahirkan, kerana sesungguhnya aku berbangga keatasmu dengan banyaknya umat*”. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī (1419 H/1998M), *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dawūd*. al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzī', jilid 1, hal.573, no. 2050.
3. Diriwayatkan daripada Ibn Mas'ūd bahawa Nabi S.A.W. telah bersabda: “*Wahai para pemuda, sesiapa diantara kalian telah memiliki bāah,²⁷⁵ maka hendaklah dia berkahwin, sebab sesungguhnya berkahwin itu akan lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kemaluan, dan sesiapa yang tidak mampu, hendaklah berpuasa, sebab sungguh ianya akan menjadi perisai*”. Al-Bukhārī (1400 H), *op.cit.*, hal. 355, no. 5066, Muslim (1929 M), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Kaherah: Maṭba'ah Miṣriyah, cet. 1, juz 9, hal. 172.

²⁷⁶ Al-Quran surah al-Ra'd: 38

²⁷⁷ Sayyid Aḥmad Farrāj (1988 M), *Al-Zawāj wa Ahkāmuh fī Madhāhib Ahl al-Sunnah*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzī', hal. 19. Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1417 H/1997 M), *op.cit.* hal. 341. Husayn bin Muḥammad al-Mahallī al-Shāfi'ī (1416 H/1996 M), *op.cit.* hal. 24-25.

”Senasab, sesusuan, berambil-ambilan, memadukan, ṭalaq tiga dan li’an”.²⁷⁸

Guru Haji Isma’il Mundu kemudian memperincikan masing-masing daripada enam sebab haramnya perkahwinan ini tanpa membezakan mana-mana yang bersifat berkekalan dan yang bersifat sementara. Tiada memperincikannya ini menurut pengkaji lebih disebabkan untuk memperoleh penulisan kitab yang ringkas dan mudah difahami sebagaimana matlamat semula penulisan kitab ini, manakala perincian ini kerap kali hanya didapati dalam kitab-kitab *ḥawāshī* dan sharah. Di lain sisi, perkara-perkara yang menjadi sebab keharaman perkahwinan secara berkekalan ini yang mesti dipahami dan diketahui dengan sebenar, sebab mereka adalah orang-orang yang berada dipersekitaran kita dan banyak bergaul dan bercampur dengan kita, sehingga dikhuwatirkan berlaku perkara-perkara yang tidak dikehendaki di masa hadapan.

Dua kelompok yang diperincikan oleh sebahagian fuqaha antaranya: *pertama*, perkara-perkara yang menjadi sebab haramnya perkahwinan secara berkekalan, iaitu sebab nasab, sebab semenda dan sebab sesusuan. *Kedua*, Perkara-perkara yang menjadi sebab haramnya perkahwinan yang bersifat sementara, iaitu mengumpulkan dua orang wanita mahram, isteri yang sudah ditalak tiga, berkahwin lebih daripada empat isteri, perempuan isteri orang lain, perempuan yang masih dalam masa *‘iddah*, perempuan yang beragama bukan dengan agama samawi.²⁷⁹

Sedang Syarat seorang lelaki yang boleh berkahwin menurut Guru Haji Isma’il Mundu adalah:

²⁷⁸ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 3.

²⁷⁹ Muṣṭafā ‘Abd al-Ghānī Shaybah (2001), *Ahkām al-Uṣrah fī Ahkām al-Sharī‘ah*. Libya: Manshūrat Jami’ah Sabhā, cet. 1, hal. 193-265.

”Sudah baligh, hendaklah berakal, lelaki itu bukan yang beristeri empat, jangan ada lelaki itu olok-olok, dan jangan ada lelaki itu abdi orang.”²⁸⁰

Adapun syarat seorang perempuan yang boleh berkahwin menurut Guru Haji Isma’il Mundu adalah:

“Baligh, berakal, tidak senasab, tidak sesuasan, tidak ada hubungan semenda, bukan isteri orang, tidak dalam masa iddah, bukan perempuan kafir, bukan perempuan murtad, dan tidak sedang ihram.”²⁸¹

Bila diperhatikan dengan teliti dalam kitab-kitab fuqaha yang empat, syarat-syarat yang mengharuskan lelaki dan perempuan untuk berkahwin terdapat banyak persamaan, malahan saling melengkapi di antara mazhab-mazhab tersebut, sama ada syarat seorang lelaki mahupun perempuan, meskipun banyaknya syarat yang mereka sebut tidak sama.²⁸²

Guru Haji Isma’il Mundu ketikamana membincangkan tentang wali nikah, ianya membahaskannya secara terperinci dan meluas, ianya menjelaskan tentang syarat bolehnya seseorang menjadi wali nikah:

”Syarat jadi wali nikah itu ada enam perkara: Islam, baligh, berakal, merdeka, lelaki dan adil”.²⁸³

Daripada sisi dekat dan jauhnya wali terbahagi ke dalam dua bahagian:

” Wali *aqrab* ertinya orang yang dekat kepada perempuan seperti bapak dan nenek-nenek yang laki-laki pada pihak bapak datang

²⁸⁰ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 20.

²⁸¹ *Ibid*, hal. 21-22.

²⁸² ‘Abd al-Raḥmān al-Jazāiri (1969), *Kitāb al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba’ah*, Miṣr: al- Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā, hal. 8.

²⁸³ *Ibid*, hal.8.

keatas. Dan wali *ab'ad* ertinya yang jauh kepada perempuan seperti saudaranya laki-laki yang seibu seapak dan yang lainnya.”²⁸⁴

Sedangkan daripada aspek boleh atau tiadanya seseorang wali untuk mengeraskan perempuan berkahwin, Guru Haji Isma'il Mundu membahagikannya menjadi dua bahagian, iaitu:

”Wali *mujbir* ertinya yang dapat mengeras menikahkan perempuan dengan tiada izinnya iaitu bapak dan nenek laki-laki daripada pihak bapak dan demikian lagi tuan sahaya dan wali *tiada mujbir* ertinya yang tiada dapat mengerasi menikahkan perempuan melainkan dengan izinnya.”²⁸⁵

Guru Haji Isma'il Mundu juga menyentuh syarat wali *mujbir*, iaitu:

”Hendaklah perempuan itu masih perawan, bakal suaminya sekufu, laki-laki bakal suaminya itu ber-ic milik akan mahar seumpamanya perempuan itu, jangan ada berbantah atau dibencinya antara perempuan itu dan antara laki-laki bakal suaminya, juga antara bapaknya atau neneknya itu berbantah yang amat nyata”.²⁸⁶

Adapun kondisi di mana wali *aqrab* berpindah kepada wali *ab'ad* sepertimana yang dijelaskan Guru Haji Isma'il Mundu ialah:

”Wali *aqrab* hamba sahaya, fasik, belum baligh, gila, dungu, cedera *nazarnya*, *khunthā mushkil*, bisu, tuli dan tiada tahu berisyarat”.²⁸⁷

Dan pada akhir pembahasan masalah wali nikah, Guru Haji Isma'il membincangkan beberapa tempat dimana perempuan berwali hakim, iaitu:

²⁸⁴ Kitab *Jadual Nikah*, hal.14.

²⁸⁵ *Ibid*, hal.15.

²⁸⁶ *Ibid*, hal. 15-16.

²⁸⁷ *Ibid*, hal. 16-17.

”Ketiadaan walinya daripada keluarganya, pergi-pergiannya wali aqrab pada perjalanan yang harus didalamnya *qaṣar*, hilang walinya yang *aqrab*, wali *aqrab* itu ada didalam negeri jua tetapi tiada dapat dicari atau dilihat orang desanya, wali *aqrab* itu didalam perjalanan yang tiada harus didalamnya *qaṣar* tetapi sangat sukar mendatangi dia sebab takut kepada barang sesuatu umpamanya, wali *aqrab* itu terpenjara didalam negeri dan sukar mendatangi dia, wali *aqrab* itu pitam yang berlanjutan, wali *aqrab* itu berkehendak menikahi perempuan yang diwalikannya, sedang ihram haji, wali *aqrab* itu enggan ia daripada mewalikan dia”.²⁸⁸

Di kalangan para fuqaha mazhab yang empat, pembahasan masalah perwalian dalam perkahwinan tidaklah jauh berbeza, hanya sahaja berlaku percanggahan dalam masalah adakah ianya menjadi rukun atau setakat syarat dalam sesebuah perkahwinan. Majoriti fuqaha berpendapat bahawa ianya adalah rukun dalam perkahwinan,²⁸⁹ sedang sebahagian fuqaha mazhab Hanafi melihat bahawa seorang perempuan yang telah baligh dan berakal boleh menikahkan dirinya sendiri dan juga menikahkan yang lainnya, namun bila terdapat wali secara berterusan maka wali itu menjadi syarat sahnya sesebuah perkahwinan.²⁹⁰

Adapun syarat dua saksi menurut Guru Haji Isma’il Mundu adalah:

”Islam, laki-laki, dua orang, merdeka, baligh, berakal, melihat, mendengar, berbicara, keduanya bukanlah anak, bapak atau seteru keduanya, adil, mengetahui bahasa ijab dan kabul itu”²⁹¹

Para imam mazhab yang empat telah bersepakat bahawa saksi merupakan syarat-sedang dalam mazhab Syafii rukun dalam perkahwinan.²⁹² Namun mereka berbeza

²⁸⁸ *Ibid*, hal. 17-18.

²⁸⁹ Shams al-Dīn Muḥammad ‘Arafah al-Dāsūqī (t.t) , *Hāshiyah al-Dāsūqī ‘alā sharḥ al-Kabīr*. Kaheerah: ‘Isā al- Bābī al-Halabī ihyā al-Kutub al-‘Arabiyah, juz 2, hal.222.

²⁹⁰ Kamāl bin Hammām (1424 H/ 2003 M), *op.cit*, hal.246.

²⁹¹ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 22-23.

pendapat mengenai keadilan dua orang saksi, dalam mazhab Hanafi dua orang tidak mesti yang adil, orang fasik dan orang yang pernah dikenakan hukum had kerana zina dan *qadhaf* boleh menjadi saksi.²⁹³ Sedangkan dalam mazhab Syafi'i dua orang saksi mesti adil, seperti syarat yang telah dikemukakan oleh Guru Haji Isma'il Mundu diatas.

Menurut Guru Haji Isma'il Mundu ijab dan kabul dalam perkahwinan adalah:

” *Ijab* adalah yang menikahkan daripada wali sedangkan *kabul* adalah yang menerima nikahnya daripada suaminya”.²⁹⁴

Lafaz ijab dan kabul mesti menggunakan lafaz *nikāh* atau *tazwīj*:

”Ijab dan kabul mestilah dengan menggunakan lafaz *nikāh* atau *tazwīj*”.²⁹⁵

Ijab dan kabul akan sah bila memenuhi beberapa syarat:

”Tiada terjida dengan perkataan yang lain, tiada lama diamnya antara ijab dan kabul, tiada berselahan antara keduanya, keduanya mesti muwafaqah dengan bilangan maharnya dan tiada *ta'liq*”.²⁹⁶

Para fuqaha telah bersepakat bahawa akad nikah sah bila dilangsungkan dengan menggunakan lafaz ”*al-Nikāh*” atau ” *al-Zawāj*”, dan inilah lafaz sarihnya, namun mereka berbeza pendapat menggunakan selain daripada keduanya, mazhab Hanafi mengharuskan nikah dengan lafaz akad yang mengandungi pengertian seperti *al-Tamlīk* (memiliki) atau *al-Ṣadaqah* (menyedekahkan) dan lain-lain.²⁹⁷ Sebagaimana mereka

²⁹² Ibn al-Rushd al-Qurṭubī ((1969), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*. Miṣr: Maktabah al - Kulliyah al-Azhariyah, juz 2, hal 19.

²⁹³ ‘Abd al-Raḥmān al-Jazāirī (1969), *op.cit*, hal.16-17.

²⁹⁴ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 9.

²⁹⁵ *Ibid*, hal.11.

²⁹⁶ *Ibid*, hal.13.

²⁹⁷ Muḥammad Abū Zuhrah (1957), *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*. Miṣr: Dār al-Fikr al-‘Arabī, hal. 48.

sependapat bahawa orang yang tidak mampu berbahasa Arab boleh menggunakan bahasa lain yang boleh dipahami oleh kedua pihak dan saksi, namun bagi mereka yang memahami bahasa Arab dalam mazhab Syafii dan Hambali mesti menggunakan bahasa Arab. Para fuqaha juga telah sependapat bahawa orang yang bisu boleh melakukan akad nikahnya dengan isyarat yang dapat memberi pengertian nikah.²⁹⁸

Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah* ini juga menghuraikan tentang masalah kufu (kesamaan dan kesetaraan) dalam perkahwinan:

” Adapun perkara kufu itu ada lima perkara: sejahtera daripada segala aib seperti gila, *judham* dan sopak, merdeka, bangsa, 'iffah dan pekerjaan.²⁹⁹

Para ulama berbeza pendapat adakah kufu menjadi syarat atau tidaknya dalam sesebuah perkahwinan, majoriti fuqaha berpendapat bahawa ianya adalah syarat,³⁰⁰ dan sebahagian daripada fuqaha *Mālikiyah* dan *Zāhiriyyah* berpendapat bahawa ianya bukanlah syarat dalam perkahwinan.³⁰¹

Dalam mazhab Maliki perkara yang mesti kufu adalah agama dan akhlaq,³⁰² sedang dalam mazhab Syafii memandang bahawa kufu tidak sahaja terhad dalam dua perkara diatas, namun juga dalam beberapa yang telah ditegaskan oleh Guru Haji Isma'il Mundu, meskipun dalam ungkapan yang berbeza.³⁰³

²⁹⁸ Sayyid Sābiq (1983), *Fiqh al-Sunnah*. Beirut : Dār al-Fikr, juz 2, hal 29-32

²⁹⁹ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 24-25.

³⁰⁰ Kamāl bin Hammām al-Ḥanafī (1424 H/ 2003 M), *op.cit.* Juz 2, hal 417. Ibn Qudāmah al-Maqdīsī (1417 H/ 1997 M), *op.cit.* hal. 509.

³⁰¹ Ibn Rushd (1417 H/1997 M), *op.cit.* juz 2, hal. 16.

³⁰² Sayyid Sābiq (1983), *op.cit.* hal. 128-129

³⁰³ *Ibid.*

Menurut Pengkaji bahawa orang-orang mukmin adalah bersaudara, tidak ada kelebihan orang Arab daripada orang 'Ajam, yang berkulit putih mahupun yang berkulit hitam kecuali kerana ketakwaannya jua, sepertimana yang telah di tegaskan dalam al-Quran dan hadis Rasul.³⁰⁴ Menurut pengkaji adanya norma-norma kufu selain daripada agama, matlamatnya adalah untuk menjaga keserasian hidup dalam rumah tangga antara suami isteri dan wali serta saling menghargai sesama mereka.

4.2. Analisis daripada aspek metod penulisan

4.2.1. Metod penulisan daripada sudut kandungan

Antara corak dan warna yang begitu kuat dalam karya-karya Melayu pada abad 18, 19 dan 20 yang menggunakan tulisan Jawi ini adalah kesamaan dalam konteks kandungan mahupun kaedah penulisan dengan karya-karya asal sebelumnya dalam mazhab.³⁰⁵ Perkara ini berlaku akibat fenomena budaya taqlid yang mencengkam daya intelektual umat Islam pada masa itu.³⁰⁶

Kitab *Jadual Nikah* sebagai sebuah kitab fiqh yang muncul pada akhir abad 19 ini juga tidak terlepas daripada warna keilmuan mahupun persekitaran masa dan tempat dimana seorang faqih berada. Secara am kandungan kitab-kitab fiqh sekitar abad-abad ini rata-ratanya telah berasaskan *worldview* Islam sendiri dan amat sedikit berteraskan

³⁰⁴ Lihat Qur'an surah al-Hujurāt: 13. Dalam hadis riwayat Imām Aḥmad dengan sanad *ṣahīḥ* daripada sahabat Abū Naḍrah –*radīy Allāh ‘anh-*, daripada sahabat yang mendengar khutbah Rasul SAW, Rasulullah s.a.w. bersabda : “ *Tidak ada keutamaan bagi orang Arab ke atas orang ‘Ajam (selain Arab), dan tiada keutamaan bagi orang ‘Ajam ke atas orang Arab, tidak yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, tiada pula yang berkulit hitam ke atas yang merah kecuali dengan taqwa*”. Lihat dalam Imām Aḥmad (1421 H/ 2001 M), *Musnad al-Imām Aḥmad*. Shu’ayb al-Arnā’ud et.al (edit). Beirut; Muassasah al-Risālah, hadith no: 23489, cet.1 , juz. 38, hal. 474.

³⁰⁵ Abdullah Alwi Hassan (1979), “*Development Of Administration Of Islamic Law In Kelantan*” (Tesis M.Phil, University of Kent at Canterbury, hal. 515-516.

³⁰⁶ Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, hal. 217-224.

sistem adat.³⁰⁷ Berbeza dengan bentuk karya-karya Melayu abad-abad sebelumnya, ianya lebih dipengaruhi oleh sistem adat dan bersesuaian dengan latar belakang masyarakat yang mengamalkan sistem sosial yang tertutup,³⁰⁸ sehingga penggunaan kaedah dan prinsip syariah adalah amat ringkas, terhad dan terbatas.³⁰⁹

Asas *worldview* Islam ini begitu jelas tampak dalam penulisan kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini, sehingga kitab ini telah menggambarkan undang-undang Islam yang mengikut kaedah dan prinsip syariah yang sebenar. Perkara ini tampak pada pembahasan-pembahasan kitab ini yang mengandungi rujukan-rujukan secara berterusan kepada Quran dan Sunnah, seperti:

“ Soal : Apa dalilnya pada ijab qabul di dalam hadis dan al-Quran?

Jawab : iaitu di dalam hadis

(لَخَبَرٌ مُسَلِّمٌ أَتَوْا اللَّهَ فِي النَّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانَةٍ اللَّهِ أَيَّ بَجَعَلِيهِنَّ نَحْتُ أَيْدِيكُمْ)
(كَالْأَمَانَاتِ الشَّرْعِيَّةِ) Ertinya cerita daripada hadis Muslim: “ Takut oleh kamu akan Allah ta’āla pada sekalian perempuan, maka bahawasanya kamu telah mengambil akan sekalian mereka itu amanah Allah, ertinya dengan menjadikan sekalian mereka itu dibawah tangan kamu seperti kepercayaan *shar’iyyah*”, (وَأَسْتَحْلِلْتُمْ)
(فَرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ) “ dan menuntut halal kamu akan sekalian faraj mereka itu dengan kalimah Allah”. Dan iaitulah yang dikehendaki pada firman Allah di dalam al-Quran (فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنْ)

³⁰⁷ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam*, hal. 32 dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim (2004), *Fiqh Malaysia : Suatu tinjauan sejarah*, dalam Paizah Hj. Ismail et.al (2004), *Fiqh Malaysia : Ke arah pembinaan fiqh tempatan yang terkini*. Kuala Lumpur: al-Hikmah Sdn.Bhd. , cet. 2, hal. 23-25.

³⁰⁸ Untuk maklumat lanjut tentang ciri-ciri utama masyarakat tertutup ini lihat R.M. Maclver and Charles H. Page, *Society And Introductory Analysis*, London, 1965, hlm 355, dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim (2004), *Fiqh Malaysia : Suatu tinjauan sejarah*, op.cit.

³⁰⁹ Secara lebih luas Syed Naquib al-Attas telah menerangkan punca utama keterbatasan unsur-unsur Islam seperti berikut: “bahawa proses pengislaman Tanah Melayu telah melalui tiga zaman utama. Pertama, zaman antara 1200-1400 yang digambarkan sebagai zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata (nominal conversion). Kedua, zaman antara 1400-1700 yang dijelaskan sebagai zaman pengislaman masyarakat melayu secara zahir dan batin yang antara kesannya adalah tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup mengalakkan di dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Ketiga, zaman antara 1700 ke atas yang digambarkan sebagai zaman penerusan idea daripada zaman yang kedua, yang kemudiannya telah terganggu dengan kedatangan kuasa British di Tanah Melayu”. Lihat dalam S.M. Naquib al-Attas (1986), *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur, hlm 29-30. Juga dalam Persidangan Antarabangsa mengenai Tamadun Melayu (11-13 Nov 1986 : Kuala Lumpur) : Vol.2, Paper 39.

(النِّسَاء) ertinya “ maka kahwin oleh kamu barangsiapa yang baik bagi kamu daripada segala perempuan”.

Dan lagi firman-Nya (فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا) ertinya: “ Dan tatkala disempurnakan oleh Zaid daripada hajat, yakni tatkala ditalak akan dia dan tiadalah baginya hajat, telah kami kahwinkan dia engkau wahai Muhammad dengan dia” kata mufassir “ iaitu Zaid bin Harithah adalah daripada tuannya jahiliyah ditebus oleh Nabi Sallahualaihiwasallam, maka dia merdekakannya, maka diambilnya akan anak angkat, kemudian dikahwinkan oleh Nabi baginya Zainab, kemudian sudah ditalaknya, dibuat isteri pula Nabi kita dengan ikhtisar”. Jikalau hendak panjang kisahnya bolehlah *muṭāla’ah* di dalam tafsir.”³¹⁰

Tidak sahaja rujukan-rujukan al-Quran dan Sunah, namun juga rujukan fuqaha daripada kitab-kitab yang muktamad, sehingga nilai keilmiahannya lebih dapat dipertanggung-jawabkan, Guru Haji Isma’il Mundu mengatakan setelahmana menerangkan syarat-syarat yang boleh menjadi wali nikah:

” Inilah yang dimuktamadkan oleh *Imām Nawāwī* di dalam *Matn Minhāj*, dan mengikut oleh *Sheikh al-Islām Zakariyā* dan mengikut pula akan dia *Sheikh al-Ramlī* di dalam *Nihāyah*, dan *Khaṭīb Sharbīnī* di dalam *Mughnī*. Dan kata al-Syeikh Ibnu Hajar di dalam *Tuhfah* dan memilihnya oleh kebanyakan shahabat Imam al-Shafi’i – *Raḍīy Allah ‘Anh* - yang mutaakhirin bahawasanya orang yang fasik itu sah jadi wali yakni jadi wali menikahkan ia akan mewalinya itu, kerana kebanyakan pada masa ini orang yang fasik. Dan setengah yang memilihi akan sah orang yang fasik itu jadi wali iaitu *Sheikh ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām* dan Sulṭan ulama Negeri Mesir.

Dan berkata Imam al-Ghazali- moga Allah mencurahkan rahmat kepadanya- : “ Jikalau ada wali perempuan itu fasik, maka jikalau dipindahkan akan walinya itu kepada raja yang fasik pula, maka shah wali yang fasik itu menikahkan akan mewalinya itu, dan jika tiada seperti yang demikian itu, maka tiada sah wali yang fask itu menikahkan akan mewalinya itu”³¹¹

³¹⁰ Kitab *Jadual Nikah*, hal.12-13.

³¹¹ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 8.

Guru Haji Isma'il Mundu juga merujuk kepada sisi kebahasaan bagi menghurai istilah-istilah syariah yang sulit difahami, hal ini dilakukan bagi mendapati sebuah kesimpulan hukum yang berautoriti dan komprehensif. Seperti contoh: " Makna nikah pada lughah iaitu: *al-Damm wa al-Ijtimā'* ertinya berkumpul dan berhimpun seperti cenderung pohon kayu berkumpul oleh setengahnya kepada setengahnya yang lain".³¹²

Namun demikian, menurut sesetengah sarjana seperti Hooker dan juga Abdullah Alwi Hasan, karya-karya fiqh ulama Melayu pada masa ini lebih merupakan manifestasi daripada fenomena budaya taqlid berbanding sebuah karya original yang memberikan sumbangan baru dalam bidang fiqh. Fenomena taqlid ini jelas terpancar dari beberapa aspek iaitu:

- a) Ia lebih berbentuk karya terjemahan ke dalam bahasa Melayu daripada kitab fiqh klasik yang ternama pada masa itu. Ringkasnya, sarjana Melayu dilihat sebagai tidak menghasilkan suatu karya yang original dan tidak memberikan apa-apa sumbangan baru dalam bidang fiqh dan *usul al-fiqh* , tetapi peranan mereka lebih terserlah dalam bidang perterjemahan karya-karya Islam³¹³.
- b) Pendekatan *taqlīd* sama ada dalam konteks kandungan dan kaedah penulisan adalah cukup ketara sekali. Pengarang-pengarangnya dalam membincangkan sesuatu persoalan hukum tidak merujuk kepada sumber asas, al-Quran dan al-Sunnah, tetapi lebih suka merujuk kepada karya-karya ulama *mazhabiyah* sahaja. Malah rujukan ini tidak secara langsung dibuat terhadap karya-karya imam mazhab ataupun murid yang setaraf dengannya, tetapi kepada kitab-kitab yang berbentuk

³¹² *Ibid*, hal. 7.

³¹³ M.B. Hooker, " The translation of Islam into Southeast Asia ", dalam *Readings On Islam In Southeast Asia*, Singapura, 1985, hlm 11. dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim (2004), *Fiqh Malaysia : Suatu tinjauan sejarah. op.cit.*

syarah, *mukhtaṣar* dan *ḥāshiyah* seperti karya *Ibn Ḥajar al-Haithāmī*, *Zakariyya al-Anṣārī*, *Khaṭīb Sharbīnī*, *al-Ramlī* dan sebagainya³¹⁴.

Perkara ini juga tampak dalam pembahasan Guru Haji Isma'il Mundu yang banyak merujuk kepada karya-karya ulama mazhab sahaja berbanding merujuk kepada sumber asas, al-Quran dan Sunah. Seperti contoh,

“Soal : Apa naṣnya atas wajib lafaz dengan salah satu dua lafaz itu ijab dan kabul?
Jawab : Naṣnya tersebut didalam kitab *Fatḥ al-Mu’īn* di muka nombor 275

وَسُرِّطُ فِيهَا أَيُّ الصَّبِيغَةِ إِيْجَابٍ مِنَ الْوَالِيِّ وَهُوَ كَرَوَجْتِكَ أَوْ أَنْكَحْتِكَ
مَوْلِيَّتِي فَلَأَنَّهُ فَلَا يَصِحُّ الْإِيْجَابُ إِلَّا بِأَحَدِ اللَّفْظَيْنِ

Ertinya: disyaratkan pada lafaz ijab daripada wali iaitu seperti *zawwajtuka* atau *ankahtuka maulatī Fulanah*, maka tiada sah ijab melainkan dengan salah satu ini dua lafaz.”³¹⁵

Begitu pula contoh dibawah,

“Soal : Apa naṣnya atas wajib berlafaz salah satu dua lafaz itu bagi kabul?

Jawab: Naṣnya tersebut di dalam kitab *Fatḥ al-Mu’īn* di muka nombor 276,

قَبُولٌ مُّصَلِّ بِهٖ أَيُّ الْإِيْجَابِ مِنَ الزَّوْجِ وَهُوَ كَتَوَجَّهْتُهَا أَوْ أَنْكَحْتُهَا أَوْ قَبِلْتُ نِكَاحَهَا أَوْ
تَزَوَّجْتُهَا

ertinya kabul yang berhubung dengan ijab dari suami dan iaitu seperti *tazawwajtuḥā* atau *ankahtuḥā* atau *qabiltu nikāḥā* atau *tazwījḥā*”.³¹⁶

Begitu pula dalam pembahasannya berikut,

“Soal : Apa nasnya sah nikah dengan terjemahan?

Jawab: Nasnya tersebut di dalam *Fatḥ al-Mu’īn* di muka nombor 277
(وَصَحَّ النِّكَاحُ بِتَرْجَمَةٍ أَيُّ تَرْجَمَةٍ أَحَدِ اللَّفْظَيْنِ بِأَيِّ لَعْنَةٍ وَلَوْ مِمَّنْ يُحْسِنُ الْعَرَبِيَّةَ أَنْتَهَى).

³¹⁴ Abdullah Alwi Hassan (1979), *op.cit.*

³¹⁵ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 11.

³¹⁶ *Ibid*, hal.12.

Ertinya sah akad nikah dengan tarjamah salah satu dua lafaz itu dengan apa bahasa juga dan sekalipun daripada orang yang pandai bagus bahasa arab, adapun orang yang tiada pandai bahasa arab, maka wajib dengan bahasa sendiri”³¹⁷.

Rujukannya pun tidak secara langsung dibuat terhadap karya-karya imam mazhab ataupun murid yang setaraf dengannya, tetapi kepada kitab-kitab yang berbentuk syarah, *mukhtasar* dan *hāshiyah* seperti karya *Ibn Ḥajar al-Haithāmī*, *Zakariyya al-Anṣārī*, *Khaṭīb Sharbīnī*, *al-Ramlī* dan sebagainya, perkara ini tampak dalam penjelasan Guru Haji Isma’il Mundu seperti berikut:

”Inīlāh yang dimuktamadkan oleh Imām Nawāwī di dalam *Matn Minhāj*³¹⁸ dan mengikut oleh Sheikh al-Islām Zakariyā dan mengikut pula akan dia Sheikh al-Ramlī di dalam *Nihāyah*³¹⁹ dan Khaṭīb Sharbīnī di dalam *Mughnī*.³²⁰

Dan kata al-Syeikh Ibn Ḥajar di dalam *Tuḥfah*³²¹ dan memilihnya oleh kebanyakan sahabat Imām al-Shāfi’i – *Raḍīy Allah ‘Anh* - yang *mutaakhir*³²² bahawasanya orang yang fasik itu sah jadi wali yakni jadi wali menikahkan ia akan mewalinya itu, kerana kebanyakan pada masa ini orang yang fasik. Dan setengah yang memilihi akan sah orang yang fasik itu jadi wali iaitu Sheikh ‘Izz al-Dīn bin ‘Abd al-Salām³²² dan *Sulṭān ‘ulamā* Negeri Mesir.

Dan berkata Imam al-Ghazālī- moga Allah mencurahkan rahmat kepadanya- : “ *Jikalau ada wali perempuan itu fasik, maka jikalau dipindahkan akan walinya itu kepada raja yang fasik pula, maka sah wali yang fasik itu menikahkan akan mewalinya itu, dan jika tiada seperti yang demikian itu, maka tiada sah wali yang fasik itu menikahkan akan mewalinya itu*”.³²³

³¹⁷ *Ibid.*

³¹⁸ Muḥy al-Dīn Abū Zakariyā bin Sharaf al-Nawāwī (1426 H/2006 M), *op.cit.* hal. 377.

³¹⁹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī (1386 H/1967 M), *op.cit.* hal. 236-237

³²⁰ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1418 H/1997), *op.cit.* , hal. 207-210.

³²¹ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī , Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* hal. 253-256.

³²² *Ibid.*, hal. 275.

³²³ Al-Qalyūbī dan al-‘Umayrah (1375 H/ 1956 M), *op.cit.* juz. 3, hal. 227. Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī , Sheikh ‘Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *op.cit.* juz 7, hal. 255.

Dan kata Imām Azra'ī: “ *Telah aku fatwakan beberapa tahun bahawasanya wali yang fasik sah menikahkan akan mewalinya itu, kerana masa sekarang ini telah am orang yang fasik itu, dan beberapa jumbuh ulama memilihi akan perkataan mensahkan akan jadi wali itu orang yang fasik itu. Dan sebagian, bagi orang yang didalam negeri yang banyak orang yang fasik itu taqlid kepada perkataan imam al-Ghazali itu yang telah mengikut akan dia beberapa ulama yang besar-besar yang tersebut itu, apalagi waktu masa kita ini.*”³²⁴

Antara masalah yang dipersoal-jawabkan dalam Kitab *Jadual Nikah* ini merupakan masalah-masalah pengandaian yang dikenali di kalangan para fuqaha silam dengan *al-Masā'il al-Farḍīyyah*. Sepertimana contoh dalam halaman muka surat 10 dari pada Kitab *Jadual Nikah*:

- “ Soal : Jika neneknya akan wali apakah katanya pada ijabnya?
 Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan cucuku si anu dengan maskahwin sekian-sekian*”.
- Soal : Jika saudaranya akan wali apakah katanya pada ijabnya?
 Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan diaku akan saudaraku si anu dengan maskahwin sekian-sekian*”.
- Soal : Jika lain daripada tiga orang yang tersebut apakah katanya?
 Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan si anu, yang berwali akan dikau, dengan maskahwin sekian-sekian*”.
 Kata suami: “*Aku terima nikahnya si anu yang berwali akan dikau dengan maskahwin sekian-sekian*”.
- Soal : Jika bapaknya berwakil pada imam atau lainnya apakah katanya?
 Jawab : Katanya: “*Aku nikahkan akan dikau akan si anu anak si anu yang berwakil ia kepada aku dengan maskahwin sekian-sekian*”. Maka hendaklah disebutkan bilangan maskahwinnya itu dengan *qarḡmah* bilangannya, jika berapa-berapa bilangannya itu serta menyebutkan jenisnya itu. Maka qiyaskan yang lain daripada itu.
- Soal : Jika seorang laki-laki yang hendak nikah itu berwakil kepada seorang laki-laki minta terimakan akan nikahnya sahkah apa tidak, jika shah apakah perkataan walinya?

³²⁴ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī , Sheikh ‘Abd al-Hāmid al-Sharwānī dan Sheikh ‘Abd al-Qāsim al-‘Ubbādī (1357 H/ 1938 M), *Op.cit.* hal. 255. Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī (1415 H/1995M), *op.cit.*, hal. 514.

Jawab : iaitu sah, demikianlah perkataan walinya: “ *Aku nikahkan anakku si anu akan si anu yang berwakil ia kepadamu, dengan maskahwinnya sekian-sekian.*”³²⁵

Dalam halaman muka surat 11:

“ Soal : Jika bapak perempuan itu berwakil ia kepada imam dan laki-laki yang hendak nikah itu berwakil juga kepada imam itu sahkah apa tiada, jika sah apalah perkataan imam itu?

Jawab : iaitu sah, demikianlah perkataan imam itu: “ *Aku nikahkan akan si Anu anak si Anu yang berwakil kepada aku dengan maskahwin sekian-sekian*”.

Maka kata imam itu jua sekali lagi: “ *Aku terimakanlah nikahnya si Anu dengan anak si Anu yang berwakil si Anu itu kepada aku pada menerimakan nikahnya dengan dia dengan maskahwin sekian-sekian*”.

Adapun jika laki-laki yang hendak nikah itu belum baligh, maka tiadalah harus imam itu atau lainnya menerimakan kata wali qarabah lain itu atau segala wali yang lainnya, melainkan bapaknya atau neneknya yang harus ia menerimakan akan kata walinya perempuan itu akan laki-laki yang hendak nikah yang belum baligh itu, maka jika berkata walinya perempuan itu demikian katanya : “ *Aku nikahkanlah akan anakku si Fatimah akan anakmu si Abdullah dengan maskahwin sekian-sekian*”, umpamanya, maka jawab bapaknya atau neneknya oleh laki-laki yang hendak nikah yang belum baligh itu: “ *Aku terimalah nikahnya anakku si Abdullah akan anakmu si Fatimah dengan maskahwin yang tersebut itu*”

Soal : Jika seorang menikahkan dengan ijab tiada pakai lafaz *tazwīj*, sahkah apa tiada?

Jawab : iaitu tiadalah sah nikahnya melainkan melafazkan salah satunya dua lafaz itu iaitu nikah atau *tazwīj*.³²⁶

Begitu pula kandungan sebahagian masalah-masalah yang dituliskan masih sangat terpengaruh oleh masalah-masalah klasik yang diandai-andaikan dan cenderung

³²⁵ Kitab *Jadual Nikah*, hal.10.

³²⁶ *Ibid*, hal.11.

bersifat Arab, kerana terdapat dalam kitab-kitab mazhab berbahasa Arab, seperti contoh masalah-masalah yang berhubungkait dengan hamba sahaya.

Penjelasan Guru Haji Isma'il Mundu dalam halaman muka surat 6:

- “Soal : Ada berapa syaratnya harus bagi laki-laki yang merdeka menikahi perempuan sahaya orang itu?
Jawab : Iaitu dengan empat syarat:
1. Tiada kuasa ia mencucur dengan perempuan yang merdeka dengan sebab miskin
 2. Hendaklah jangan ada bahagian isteri yang merdeka, adapun jika ada bahagian isteri yang merdeka, jikalau ada ia tua atau kecil atau ghaib sekalipun, tiada harus baginya nikah dengan perempuan sahaya orang.
 3. Takut ia akan zina jika tiada nikah dengan sahaya orang
 4. Hendaklah ada perempuan sahaya orang yang hendak dinikahkan itu Islam, adapun jika ada perempuan sahaya orang itu kafir, maka tiadalah harus bagi laki yang merdeka nikah dengan dia yahudi atau nasrani.”³²⁷

Dan dalam halaman muka surat 7:

- “Soal : Ada berapa syaratnya harus nikah bagi perempuan yang merdeka dengan laki-laki abdi orang ?
Jawab : Iaitu dengan empat syarat
1. Hendaklah ada perempuan itu sudah baligh, jika belum baligh maka tiadalah sah menikahkan dia dengan dia, jika menikahkan dia, bapaknya atau neneknya sekalipun.
 2. Hendaklah dengan reḍanya nikah dengan abdi orang itu
 3. Hendaklah reḍa segala walinya jika banyak walinya, adapun jika ada salah seorang daripada mereka itu yang tidak riḍa, maka tiadalah sah nikahnya dengan dia.
 4. Hendaklah ada nikah sahaya itu dengan izin tuannya, jika tiada dengan izin, maka tiadalah sah nikahnya.”³²⁸

³²⁷ *Ibid*, hal. 6.

³²⁸ *Ibid*, hal. 7.

Begitu pula Guru Haji Isma'il Mundu setelahmana menjelaskan tentang empat belas tertib wali perempuan, beliau menuliskan:

“Adapun sahaya perempuan yang dimerdekakan oleh tuannya adalah tertib walinya seperti tertib wali perempuan merdeka asalnya juga, tetapi jika tiadalah diperoleh segala walinya daripada nasab, maka adalah walinya yang memerdekakan dia. Kemudian itu, asabah yang memerdekakan dia. Kemudian itu, yang memerdekakan akan yang memerdekakan dia kemudian itu asabahnya, hingga demikianlah diqiyaskan, maka jika tiada diperoleh yang memerdekakan dia dan segala asabahnya, niscaya adalah walinya itu hakim atau gantinya.”³²⁹

Dan di akhir bab pembahasan Kitab *Jadual Nikah* ini, Guru Haji Isma'il Mundu menuliskan tentang 'iddah orang amah (hamba sahaya perempuan):

” *'IDDAH ORANG AMAH (SAHAYA PEREMPUAN)*

Bermula 'iddah perempuan yang sahaya orang amah dua qurū' (ertinya qurū' iaitu suci diantara dua haid), dan jika dimerdehkan dia di dalam 'iddahnya tiga quru', jika ada merdekanya itu di dalam 'iddah raj'iah.

Dan bermula 'iddah perempuan yang merdeka yang tiada datang haid sekali-kali didalam umurnya samaada ia belum baligh atau sudah baligh ia atau putus asa ia daripada haid, maka iaitu tiga bulan. Dan jika ada perempuan yang tersebut itu sahaya orang, maka 'iddahnya satu bulan setengah jua, dan jika datang haid perempuan yang tiada datang haid sekali-kali didalam umurnya itu atau yang putus asa ia daripada haid itu maka beriddah ia dengan quru', jika sebelum selesai iddahnya dengan tiga bulan itu, dan memilih akan dia oleh Balqini lagi muwafaqah ia dengan mazhab Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan yang telah lalu itu yang ber'iddah dengan quru' itu.

Dan bermula perempuan yang putus darahnya dan jikalau dengan ketiadaan penyakit sekalipun samaada ia merdeka atau sahaya, maka menanti ia hingga datang haidh supaya ber'iddah ia dengan quru' atau hingga putus asa ia daripada haid supaya ber'iddah bulan, dan jikalau lama masa menantinya sekalipun, tetapi tiada harus rujuk dan tiada wajib nafaqah atas suaminya kemudiaan daripada lalu masa tiga bulan, atas kata imam Rafi'i. Dan kata Ali Shibra Malasi: “*Berkekalan keduanya hingga selesai iddahnya dengan atau dengan*

³²⁹ *Ibid*, hal.15.

*tiga bulan, kemudian daripada putus asa ia daripada haid. Dan pada qaul qadim, jika putus dan perempuan yang tersebut itu tiada kerana penyakit, maka menanti ia Sembilan bulan, kemudian maka beriddah ia dengan bulan. Dan bermula yang di'tibarkan pada putus asa daripada haid itu putus asa segala perempuan yang semasa dengan dia dan sehingga-hingganya enam puluh dua tahun dan kata qila enam puluh tahun. Dan kata yang lain pula lima puluh tahun. Intaha”*³³⁰.

Namun demikian, walaupun karya-karya ini jelas terpengaruh dengan idea-idea taqlid, tetapi untuk kontek zamannya yang dicirikan dengan keadaan yang masih baru menerima Islam, pendekatan ini ternyata berkesan untuk mendidik dan melahirkan generasi masyarakat Melayu agar kuat semangat keislaman mereka dalam berhadapan dengan perkembangan adat tempatan. Hal ini telah dijelaskan oleh Muhammad Kamal Hasan dengan katanya:

*“Apparently the malay authors and religious scholars saw their role mainly as transmitters of knowledge and orthodox doctrines that were already developed and articulated in the Arab-speaking center of Islam. They might not have possessed the stature of the original thinkers of Islam but they were serving the immediate religious needs of their coreligionists. Therefore their major concern with ibadah in the narrow sense of the word was to ensure the proper practice of religious precepts among the people who had only recently been converted to Islam”*³³¹.

Dan Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini adalah antara bukti kejayaan bentuk pendekatan diatas, sehingga ianya mampu bertapak menggantikan sistem perkahwinan Hindu bahkan menjadi enakmen rasmi di kerajaan Kubu dalam masalah perkahwinan.

³³⁰ *Ibid*, hal. 29.

³³¹ Muhammad Kamal Hassan, “*Islamic Intellectual Life In The Malay-Indonesian Archipleago : A Preliminary Observation*” dalam *International Seminar On Islamic Civilization In The Malay World*, Bandar seri Begawan, 1989, hlm 9-10, dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim, (2004), *Fiqh Malaysia : Suatu tinjauan sejarah. op.cit.*

Dan setakat penelaahan pengkaji terhadap kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini boleh disimpulkan bahawa ianya merupakan karya asal daripada Sheikh Guru Haji Isma'il Mundu, simpulan ini berpaksikan ke atas pelbagai akuan daripada ulama-ulama semasa beliau seperti Sheikh 'Alwi bin Tahir bin Abdillah al-Haddad yang telah menegaskan seperti berikut:

"فقد اطلعت على هذه النبذة المفيدة المشتملة على نفائس فريدة، لمؤلفها الشيخ
الفاضل الحاج اسماعيل بن عبد الكريم فوجدتها مفيدة للطالب"

“ Maka saya telah menelaah kepada kitab yang ringkas ini lagi berfaedah yang merangkumi masalah-masalah yang elok, milik pengarangnya al-Sheikh al-Fadil al-Haj Isma'il bin 'Abd al-Karim, saya telah menemukannya amat berfaedah bagi setiap pelajar”³³²

Malahan Sheikh Muhammad Ahmad al-Zawawi sebagai guru daripada Sheikh Guru Haji Isma'il Mundu tersendiri telah mengiktiraf keelokan kitab ini, sepertimana penegasan beliau: ” Dan kitab ini telah ditashihkan dan dilakukan oleh tuan mufti kerajaan Johor dan dipuji oleh ketua qāḍi-qāḍi Singapura. Menurut tujuan yang lurus, maka saya menyiarkan kitab ini dengan berharap limpah kurniaan Tuhan supaya diterima dengan ikhlas.”³³³

Begitu pula *Qāḍī Quḍāt* Singapura yakni 'Abbas bin Muhammad Taha telah mengakui perkara yang sama,

“Telah saya lihat kitab ini bernama *Jadual al-Nikah* yang membicarakan hukum hakam yang berkenaan nikah dan caranya dan lain-lain. Maka saya dapati sangat molek dan berguna bagi tiap-tiap orang yang hendak mengambil pengertian dalam perkara itu, tiada dapat tidak hendaklah menyimpan naskhah daripada kitab yang sangat berguna itu. Kerana terkadang masalah-masalahnya tiada didapati

³³² Lihat dalam pendahuluan Kitab *Jadual Nikah*, hal. 2.

³³³ *Ibid.*

melainkan didalam kitab-kitab yang besar tiba-tiba didapati didalam Jadwal itu dengan senang boleh diarti.”³³⁴

Pengkaji melihat bahawa akuan-akuan para ulama yang semasa dengan Guru Haji Isma'il Mundu ini cukup memberikan bukti yang kuat ke atas keaslian dan keautentikan daripada kitab ini, sebab bagaimana boleh diambil kira akuan-akuan ini dibahagikan bila tiada sesuatu yang baru yang terdapat dalam kitab ini, atau hanya setakad karya saringan dan terjemahan.

Sememangnya, warna am karya-karya ulama Melayu semasa itu lebih banyak dipengaruhi oleh budaya taklid atau hanya setakad menerjemahkan apa yang terdapat dalam kandungan kitab-kitab mazhab terutama mazhab Syafi'i, dan perkara ini juga tampak dalam penulisan kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini, namun bukan bererti simpulannya bahawa ianya bukan karya asal atau hanya setakad karya saringan dan terjemahan, sepertimana simpulan Matheson dan Hooker yang mengklasifikasikan sebahagian karya-karya ulama Melayu sebagai karya terjemah dan saringan.³³⁵ Simpulan mereka ini berasaskan kepada terdapat perkataan "terjemah" di bahagian awal kitab-kitab mereka.

Perkataan "terjemah" ini juga kita dapati di awal Kitab *Jadual Nikah* ini seperti penegasan Guru Haji Isma'il Mundu : "Inilah kitab yang bernama *Jadual Nikah* soal jawab dengan bahasa melayu yang menterjemahkan dan memungutkan masalahnya Sheikh Isma'il Bin Abdul Karim mufti kerajaan Kubu."³³⁶

³³⁴ *Ibid.*

³³⁵ Matheson et.al. (1988), *Jawi Literature in Patani; the maintenance of Islamic tradition*. JMBRAS. Vol. 61, part. 1, hal. 1-86.

³³⁶ *Kitab Jadual Nikah*, hal. 3.

Bagi seorang penyelidik karya-karya Melayu seperti Wan Mohd. Saghir, beliau berpendapat bahawa istilah "terjemah" dalam kalimat permulaan karangan bukanlah bererti terjemahan secara langsung daripada sesebuah kitab bahasa Arab kepada bahasa Melayu, melainkan maksud beliau ialah "menyusun karangan".³³⁷

Kesimpulan yang dirumus oleh Wan Mohd. Saghir ini juga selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Zaini Yahya et.al yang mengkaji tentang kitab *Sullam al-Mubtadi* karya Sheikh Daud al-Fatani yang menggunakan perkataan "terjemah" pada akhir kitab ini, ianya mengulas bahawa perkataan "terjemah" yang diutarakan oleh Sheikh Daud al-Fattani bukanlah bermaksud kitab itu asalnya kitab orang lain dan kemudiannya diterjemah ke dalam bahasa Melayu tetapi sebenarnya "terjemah" itu bermaksud beliau merujuk sesuatu kitab atau beberapa kitab dan kemudiannya disusun serta dioalah dengan gayanya tersendiri.³³⁸

Begitupun dengan kata "memungut" yang diungkapkan oleh Guru Haji Isma'il Mundu diatas, pengkaji lebih memahami sebagai "usaha memetik dari pelbagai kitab lalu dimuat dalam karyanya".³³⁹ Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini merupakan sebuah karya asal dan bukan karya terjemahan.

³³⁷ Wan Mohd. Saghir Abdullah (1991b), *Mengkaji gaya bahasa dalam kitab Furu' al-Masa'il Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, J.35 Bil.1, Januari.

³³⁸ Mohammad Zaini bin Yahya et.al.(2001), *Penulisan fiqh Sheikh Daud al-Fattani, Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patan*. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand dengan kerjasama Persatuan Kakitangan Akademik, UKM dan Majlis Agama Islam Wilayah Patani, Thailand, 19-20 Mei.

³³⁹ Noresah bt. Baharom et.al. (2007), *Kamus Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dawana sdn.Bhd, cet. 4, hal. 1249.

4.2.2. **Metod penulisan daripada sudut reka bentuk**

Ditinjau dari segi struktur reka-bentuknya, Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini adalah kitab yang direka dengan model kitab fatwa iaitu mempunyai soalan dan jawapan. Model soal jawab yang digunapakai oleh Guru Haji Isma'il Mundu ini sebenarnya telah dikenali pada masa-masa sebelumnya, sepertimana yang dilakukan oleh Imam Shafi'i dalam kitab *al-Risālah*, Sheikh Daud al-Fattani dalam kitab *Furū' al-Masā'il*, juga Sheikh 'Abdul al-Ra'uf bin 'Ali al-Fansuri dalam kitab *Mir'at al-Tullāb*.

Antara nilai keunggulan teknik ini adalah lebih menimbulkan daya fikir dan juga membiasakan para pembacanya dalam membuat analisa, kesimpulan dan keputusan, terutamanya bagi para qadi dan mufti dalam menghadapi pelbagai kemungkinan permasalahan yang muncul di tengah-tengah kehidupan masyarakat.

Sebagai sebuah kitab model fatwa, Guru Haji Isma'il Mundu dalam kitabnya ini telah memuatkan sekurang-kurangnya 53 set soalan-jawapan dengan metod jawapan berbentuk senarai nombor yang menghimpunkan pelbagai masalah perkahwinan yang disoalkan. Pengkaji mendapati secara umumnya reka bentuk soalan dibina secara bebas iaitu tanpa menghadkan panjang-pendeknya atau kadar kompleksiti-ringkasnya sesuatu soalan. Namun, hampir keseluruhannya adalah terdiri daripada soalan yang pendek dan ringkas iaitu dalam lingkungan satu baris hingga dua baris sahaja.

Sementara dalam pembentukan jawapan pula, kebanyakan jawapan adalah lebih panjang daripada soalan, kebanyakan jawapan adalah dalam lingkungan empat hingga tigapuluh satu baris. Teknik jawapan seumpama ini lebih dikenali dengan teknik pentakrifan iaitu huraian yang ringkas dan tepat tentang sesuatu seperti makna

perkataan dan lain-lain.³⁴⁰ atau juga dikenali sebagai teknik pendefinisian iaitu kenyataan yang ringkas dan padat bagi menjelaskan konsep atau makna sesuatu kata, frasa dan lain-lain.³⁴¹ Reka bentuk daripada penulisan soalan dan jawapan Kitab *Jadual Nikah* ini tampak seperti jadual di bawah,

Jadual 4.1. Metod penulisan daripada sudut reka bentuk soalan dan jawapan

No. Set	Soalan (Baris)	Jawapan (Baris)	No Set	Soalan (Baris)	Jawapan (Baris)
1	1	5	28	1	5
2	1	1	29	1	4
3	1	3	30	1	5
4	1	4	31	1	14
5	1	5	32	1	6
6	1	14	33	1	7
7	1	10	34	1	2
8	1	12	35	1	2
9	1	13	36	1	21
10	1	7	37	1	4
11	1	8	38	1	15
12	1	8	39	1	21
13	1	7	40	1	28
14	1	1	41	2	4
15	1	3	42	1	21
16	1	22	43	1	15
17	1	2	44	2	32
18	1	3	45	1	13

³⁴⁰ *Ibid*, hal. 1577.

³⁴¹ *Ibid*, hal. 326.

Jadual 4.1, sambungan

19	1	1	46	1	1
20	1	4	47	1	2
21	1	1	48	2	11
22	1	1	49	1	1
23	1	3	50	1	4
24	1	4	51	1	26
25	2	4	52	1	10
26	2	11	53	1	13
27	2	2			

Sumber: Kitab *Jadual Nikah*

Guru Haji Isma'il Mundu dalam membahagikan jawapan selain menggunakan bentuk senarai nombor jawapan yang merangkumi pelbagai masalah, juga menjelaskan dalam bentuk deskriptif,³⁴² perkara ini dilakukan untuk lebih menegaskan dan memperdalam jawapannya. Contohnya di halaman muka surat 5, Guru Haji Isma'il Mundu menuliskan:

“ Soal : Yang haram memadukan dia dengan isteri kita ada berapa?

Jawap : Iaitu ada lima orang

1. Saudara isteri kita
2. Anak saudara isteri kita
3. Saudara bapak isteri kita
4. Saudara ibu isteri kita
5. Barangseyogianya, Sama ada senasab atau sesusuan

Maka kaedahnya yang demikian itu, tiap-tiap dua orang perempuan yang antara keduanya qarabah atau susuan yang tiada harus antara keduanya bernikah-nikahan, jika ditakdirkan salah seorang daripada keduanya laki-laki dan yang seorang perempuan, maka ia itu tiada harus dipermadukan dengan dia, dan jika harus keduanya bernikah-nikahan atas takdir yang demikian itu maka ia itu harus

³⁴² Deskriptif adalah keterangan yang bertujuan untuk memberikan gambaran secara lebih mendalam. Lihat dalam Noresah bin. Baharom, et.al. (2004), *Kamus Dewan*. Selangor Daru al-Ihsan: Dawana Sdn. Bhd., hal. 345.

dipermadukan, (syahdan)³⁴³ diketahui daripada yang tersebut itu tiada harus atas kita menikah tiap-tiap perempuan yang ditegaskan mempermadukan dia dengan isteri kita, melainkan sudah mati isteri kita atau sudah kita ṭalaq isteri kita dengan ṭalaq tiga, maka ia itu harus kita menikah dia, dan jikalau belum ‘iddahnya sekalipun, tetapi jika kita ṭalaq akan isteri kita dengan ṭalaq satu atau ṭalaq dua, maka ia itu tiada harus bagi kita perempuan itu melainkan kemudian daripada sudah lalu ‘iddah isteri kita.”

Teknik Deskriptif ini juga digunakan oleh Guru Haji Isma’il untuk memberikan tumpuan pada masalah yang dianggap penting dan perlu mendapat pemerhatian, seperti khutbah nikah. Guru Haji Isma’il Mundu secara khusus membahas khutbah nikah ini, malahan menjadikannya sebagai sebuah tajuk tersendiri, iaitu: ”Inilah *Khutbah Nikah*”.³⁴⁴

Pengolahan jawapan dengan senarai nombor ini cukup memberikan kesan mudah, elok, sistematis dan komprehensif, sebab ianya menghimpun dan merangkumi pelbagai masalah yang bercerai-cerai ke dalam satu jawapan yang ringkas. Teknik ini cukup menarik dan menurut pengkaji menjadi nilai lebih daripada kitab ini berbanding kitab-kitab semasa itu yang telah ditulis, sepertimana akuan daripada ‘Abbas bin Muhammad Taha Pejawat *Qaḍī al-Quḍāt* Singapura ketika membahagikan alu-aluan pujian keatas Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma’il Mundu:

” Telah saya lihat kitab ini bernama *Jadual al-Nikah* yang membicarakan hukum yang berkenaan nikah dan caranya dan lain-lain. Maka saya dapati sangat molek dan berguna bagi tiap-tiap orang yang hendak mengambil pengertian dalam perkara itu, tiada dapat tidak hendaklah menyimpan naskhah daripada kitab yang sangat berguna itu. Kerana terkadang masalah-masalahnya tiada didapati melainkan didalam kitab-kitab yang besar tiba-tiba didapati di dalam jadual itu dengan senang boleh diarti.”³⁴⁵

³⁴³ Sahadān or shahadan: further (selanjutnya, di samping itu, tambahan lagi) . Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal 200. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal.591.

³⁴⁴ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 27.

³⁴⁵ *Ibid*, hal. 3.

Ungkapan Sheikh Abbas bin Muhammad Taha ini tampak begitu jelas ketikamana pengkaji mentaḥqīq beberapa masalah yang diangkat oleh Guru Haji Isma'il Mundu, seperti contoh dalam masalah nikah makruh, ianya merangkumi pelbagai masalah yang terdapat dalam kitab-kitab rujukan utama (*ummahāt al-Kutub*):

- ” Soal : Ada berapa nikah yang dinamakan nikah makruh?³⁴⁶
 Jawab : Iaitu ada enam perkara
1. Nikah dengan pinang orang lain yang nyata qabulnya³⁴⁷
 2. Nikah muhallil jika tiada disyaratkan pada akadnya³⁴⁸
 3. Nikah gharar seperti memperdayakan perempuan dengan Islamnya dan memerdekakannya dan lainnya.³⁴⁹
 4. Nikah dengan anak zina dan yang tiada diketahui bapaknya
 5. Nikah dengan anak orang fasik
 6. Nikah dengan orang yang tiada bersembahyang.

Adapun yang lainnya daripada yang enam tersebut dinamakan nikah yang sah halalnya.”³⁵⁰

Daripada aspek metod penulisan kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini, Guru Haji Isma'il Mundu dalam membahaskan setiap masalah yang diangkat tiada membahagikan

³⁴⁶ Al-Qādī Abū al-Hasan Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Dābī al-Muḥāmilī, (t.t), *Al-Lubāb fi al-Fiqh al-Shāfi'ī*, t.t.p, t.p. Dalam kitab ini pengarang hanya menyebutkan tiga bentuk perkahwinan yang makruh yakni nikah dengan pinang orang lain, nikah muhallil dan nikah gharar.

³⁴⁷ Sepertimana dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: “ *Janganlah seseorang antara kamu meminang pinangan saudaranya*”. Lihat dalam al-Bukhārī (1400 H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, cet. 1, *kitāb nikāh, bab la yakhḥubu 'alā khiḥbati Akhīhi ḥatta yankih aw yada'a*, juz 3, no. 5142, hal. 373. al-Nawāwī (1347 H/1929 M), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, al-Azhar: al-Maṭba'ah al-Miṣriyah, *kitāb Nikāh, bāb taḥrīm al-Rajul 'alā Khiḥbah akhīh*, juz 9, hal. 197.

³⁴⁸ Yang benar dalam mazhab bahawa nikah muhallil adalah batal. Lihat dalam Muḥammad bin Idris al-Shāfi'ī (1422 H/2001 M), *al-Um*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', cet. 1, juz 6, hal. 629-630.

³⁴⁹ Muḥammad bin Idris al-Shāfi'ī (1422 H/2001 M), *op.cit.* masalah *al-Amah al-Latī Taghurru Nashahā*, juz 6, hal. 220. Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Basrī (1414 H/1994 M), *al-Hāwī al-Kabīr Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, cet. 1, juz 9, hal. 146-147.

³⁵⁰ Aḥmad Ibn Ḥajar al-Haithāmī, Sheikh 'Abd al-Ḥāmid al-Sharwānī dan Sheikh 'Abd al-Qāsim al-'Ubbādī (1357 H/1938 M), *Ḥawāshī Tuhfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj 'alā Tuhfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā, juz 7, hal 189.

tajuk, bab, fasal mahupun yang lain. Oleh itu, daripada sudut ini kitab ini tampak kurang sistematis. Namun demikian, ketikamana pengkaji membaca secara teliti, Guru Haji Isma'il Mundu sebenarnya telah menyusun setiap masalah mengikut sebuah topik yang sama dan berurut-urut, namun ianya tidak menuliskan tajuk mahupun topik yang sedang dibahas.

Oleh itu, pengkaji ketikamana melakukan transliterasi Kitab *Jadual Nikah* ini berikut membahagikan topik-topik terhadap masalah-masalah yang dibahas agar lebih mudah untuk dibaca dan difahami. Soalan-jawapan yang telah diangkat oleh Guru Haji Isma'il Mundu ini bila diklasifikasikan dalam sebuah topik akan tampak seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.2 : Topik-topik dalam soalan-jawapan yang dibahaskan oleh Guru Haji Isma'il Mundu dalam Kitab *Jadual Nikah*

Topik Masalah	Soalan-jawapan
Hukum Dan Sebab-sebab Perkahwinan	13
Makna Nikah	2
Rukun Nikah	1
Syarat Wali Nikah	1
Syarat Dua Saksi	1
Syarat Nikah dua Laki isteri	1
Ijab Qabul	14
Wali Nikah	10
Syarat Lelaki yang berkahwin	1
Syarat Perempuan yang berkahwin	1
Syarat Saksi Nikah	3
Kufu dalam Perkahwinan	3
Syarat Bertahkim	2

Sumber: *Kitab Jadual Nikah*

4.3. Analisis daripada aspek bahasa

Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini adalah antara karya Melayu dengan menggunakan tulisan Arab Jawi. Di mana pada zaman itu, ianya tidak hanya setakat sebagai bahasa komunikasi sehari-hari, malahan merupakan bahasa rasmi dalam penulisan karya-karya ilmiah, seperti yang dikemukakan oleh M. Nor Ngah dalam kajiannya:

” Tulisan Jawi berpotensi dalam bidang keilmuan dan persuratan Melayu hingga ke zaman penjajahan Barat. Dalam pertengahan abad ke 18 hingga awal abad 20 ianya masih lagi digunakan secara meluas di kalangan orang Melayu dalam urusan mereka samada yang rasmi atau tidak rasmi. Tulisan Jawi dianggap sebagai penyambung lidah orang Melayu. Tulisan ini sering digunakan oleh sultan-sultan untuk menulis surat perjanjian atau surat rasmi samada di antara orang Melayu atau dengan penjajah Inggeris. Begitu juga segala arahan-arahan sultan kepada rakyat terdapat dalam tulisan Jawi. Buku-buku ilmiah, kitab-kitab agama dan buku-buku kesusasteraan pada zaman silam adalah dengan tulisan jawi”³⁵¹

Ditinjau daripada aspek bahasa, gaya bahasa Kitab *Jadual Nikah* ini adalah gaya bahasa kitab yang masih terikat dengan gaya bahasa lama, untuk memahaminya secara utuh diperlukan ketelitian dan kesabaran, terlebih apabila teks ini langsung tidak mempunyai sebarang tanda bacaan seperti koma, noktah, tanda soal, tanda pembuka kata, tanda penutup, dan sebagainya. Kadang-kala pengkaji merasa sukar untuk memastikan kesudahan sesuatu ayat, pengkaji terpaksa membaca dengan teliti terlebih dahulu bagi memastikan tanda bacaan diletakkan dengan betul. Di samping itu, pengkaji juga harus berhati-hati meletakkan tanda baca bagi mengelakkan berlakunya pertentangan dengan maksud asal kitab yang hendak disampaikan.

³⁵¹ Mohd Nor Ngah (1983), *Kitab Jawi; Islamic Thought Of The Malay Muslim Scholar*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, hal. 6.

Seterusnya bagi meneroka lebih mendalam analisis daripada aspek bahasa ini, pengkaji akan melihat dari beberapa aspek, seperti aspek penggunaan ejaan atau penggunaan huruf, aspek penggunaan bahasa Arab dan aspek penggunaan bahasa klasik. Aspek-aspek ini diambil kira bagi melihat perbezaan penggunaan perkataan dan penggunaan bahasa kitab ketika ia dihasilkan berbanding dengan hari ini.

4.3.1. Sistem ejaan

Memperkatakan tentang sistem ejaan yang terdapat pada Kitab *Jadual Nikah*, setelahmana pengkaji membaca hasil-hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh Hashim Musa terhadap manuskrip-manuskrip karya Melayu,³⁵² maka dapatlah dinyatakan bahawa sistem ejaan yang digunakan merupakan sistem ejaan Jawi pada daftar ejaan Melayu (Jawi-Rumi) yang telah ditulis oleh Za'ba pada tahun 1938 M.

Kesimpulan ini berasaskan kepada dua kenyataan: *pertama*, keseragaman sistem penulisan yang terdapat dalam Kitab *Jadual Nikah* ini dengan sistem penulisan ejaan Jawi pada daftar ejaan Melayu (Jawi-Rumi) yang telah ditulis oleh Za'ba pada tahun 1938 M. *Kedua*, secara historis meskipun ejaan Melayu Za'ba telah ditulis pada tahun 1938 M, namun ianya tersendiri telah mengulasnya secara mendalam pada artikelnya terdahulu iaitu JMBRAS, Vol.VI, pt.II,1928.³⁵³ Oleh itu, meskipun Kitab *Jadual Nikah* yang diterbitkan oleh *Matba'ah Islāmiyyah* 347 Viktoria Street Singapura ini tiada dijumpai tahun penerbitannya, namun didapati tarikh pujian Qaḍi Quḍat Singapura pertanggal 7hb Rabi' al-Thani 1358 H (1937 M), ertinya ulasan Za'ba yang telah dikemukakannya pada artikel JMBRAS, 1928 boleh jadi telah memberi kesan ke atas

³⁵² Lihat dalam Hashim Musa (2003), *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 2, hal. 275-303. Juga Hashim Musa (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 2, hal. 202-225.

³⁵³ Hashim Musa (2003), *op.cit.* hal.275.

tulisan-tulisan selepas itu, maka tidaklah menghairankan bilamana sistem penulisan Kitab *Jadual Nikah* yang kurang lebih diterbitkan pada tahun 1937 M ini, ejaannya telah mengikut dengan sistem baru yang telah dikenalkan oleh Za'ba itu sendiri.

Berikut ini pengkaji cuba perbandingan antara kaedah-kaedah Jawi-Rumi Za'ba³⁵⁴ dengan ejaan penulisan Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu seperti yang tampak dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 4.3: Perbandingan penulisan kaedah ejaan Kitab *Jadual Nikah* dan kaedah Jawi-Rumi Za'ba

Kaedah Za'ba	Contoh	Kitab <i>Jadual Nikah</i>		
		Contoh	H	B
Jika pada suku kata akhir abjad <i>wau, ra, dal, lam, nga</i> digunakan, maka abjad vocal <i>alif</i> digunakan pada kedua-dua suku kata	دارا	أَنْقَدَارَا	19	21
	باوا	دَارَاث	21	8,19
	بالا			
Jika pada suku kata akhir abjad selain <i>wau, ra, dal, lam, nga</i> digunakan, maka abjad vocal <i>alif</i> digunakan pada suku kata pertama	کات	کات	9	1
		ماس	9	2, 5
		نام	19	17
	کات	کاي	25	13
	باچ	أَنْقَتِيرِي	21	13
	کاي	بِينِي	19	19
	راس	دِيرِي	25	3
	فولا	19	18	

³⁵⁴ Hashim Musa (2003), *op.cit*, hal. 275

Jadual 4.3, sambungan

Perkataan yang berakhir dengan <i>kaf</i> ditukar kepada abjad <i>qaf</i> apabila menerima akhiran dan partikel	بايك → بايقله	هندقله	19 5	5 16,18,19
	نايك → نايقله	ممايقيكي	17	1,3
Perkataan khas seperti ايت , ايت iaitu hendaklah ditambahkan <i>wau</i> , apabila menerima akhiran atau partikel	يايتوله	يايتوله	12	20
Perkataan yang berangkai, jika hendak digandakan dengan angka dua	بسر ٢	كانق ٢	19	2
		والي ٢	19	3
		برف ٢	19	9
Termasuk dalam kaedah berangkai ialah perkataan 'yang', iaitu caranya mematuhi kaedah ejaan yang biasa pada masa itu dan tidak boleh menyimpang daripada kebiasaa itu	اورغيغ بارغيغ يغترسبوة	اورغيغ	19	26
		بارغيغ	20	19
		يغترسبوة	24	12

Nota: H : Halaman, B: Baris

Sumber: *Kitab Jadual Nikah*

4.3.2. Aspek Penggunaan Bahasa Arab

Menurut Ure dan Ellis bahawa latar belakang sosial dan budaya yang merangkumi struktur sosial dan keseluruhan cara hidup akan mempengaruhi sesebuah teks yang dihasilkan oleh masyarakat.³⁵⁵ Antara karakteristik karya-karya Melayu pada abad 18,19 dan 20 ini kebanyakannya dihasilkan di luar Tanah Melayu, di Makah.³⁵⁶

Begitupun dengan Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini, ianya telah terhasil semasa pengarang berada di Makkah al-Mukarramah, sepertimana yang diungkapkan oleh Guru Haji Isma'il Mundu di penutup *Kitab Jadual Nikah* ini:

“*Tamma al-Kitāb fī Jadual Ḥukm al-Nikāh* dan jadwal ‘iddah pada hari *thulāthā* pada tanggal satu hari bulan *Jumādī al-Awwal* tahun 1357 di Negeri *Makkah al-Musharrafah* kampung *Shabikah*, ketika itulah saya mufti kerajaan Kubu Haj Isma'il bin Daeng Abdul al-Karim Bugis peranakan Pontianak, telah selesai menyurat Jadual ini diterjemahkan dengan bahasa melayu. *Ghafar Allah lah waliwalidaihi wa limashāikhih wa li sāir al -Muslimīn Amīn. Allahumma Amīn.*”³⁵⁷

Situasi dan kondisi seumpama ini menurut pengkaji telah turut memberikan kesan wujudnya ungkapan dan kata-kata Arab dalam Kitab *Jadual Nikah* ini, seperti ditunjukkan dalam jadual 4.4 di bawah:

³⁵⁵ Ellis, J dan Ure, J.(1969), *Language Varieties: Register*. Dalam Meetham, A.R. (ed), *Encyclopedia of Linguistics, Information and Control*, London: Pergamon Press, dalam Abd. Razak Ab.Karim (2006), *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, hal. 150.

³⁵⁶ A.H. Johns, “ Islam in the Malay world “, dalam *Islam In Asia*, Jerusalem, 1984, v. 11, hlm 128-131.

³⁵⁷ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 30

Jadual 4.4 : Penggunaan kata Arab dalam penulisan ayat-ayat Kitab *Jadual Nikah*

Kata Arab dalam ayat	Maksud ³⁵⁸	H	B
kitab jadual yang kecil yang <i>farḍu</i> diketahui.	Wajib	2	6
<i>qadra ḥājah</i>	Mengikut Keperluan	2	7
bagi yang ber <i>hajat</i> kepadanya	Memerlukan	2	8
bagi <i>muslimīn ajma'īn</i>	Kaum muslimin seluruhnya	2	8
<i>Nafaqah</i>	Belanja	2	15
penyakit lemah <i>dhakarnya</i>	Kemaluan lelaki	2	17
<i>Seqarābah</i>	Keluarga	3	3
genap lima kali pada ' <i>urf</i>	Kelaziman, kebiasaan	4	5
dengan <i>watī shubḥah</i>	Menyetubuhi secara kesamaran	4	16
memasukkan sekalian <i>hasyāfah dhakarnya</i>	Batang kemaluan	5	22
Hendaklah dengan <i>redanya</i>	Persetujuan dan berpuas hati	7	5
Nikah <i>gharar</i>	Tipu daya	13	19
Nikah <i>muhallil</i>	Menghalalkan, mengharuskan	13	18
kebanyakan shahabat Imam al-Shafi'i yang <i>mutaakhirīn</i>	Yang datang terakhir	8	16
saksi yang <i>mastūr</i> adilnya	Tertutup	9	8
dengan <i>qarīmah</i> bilangannya	Petunjuk	10	12
Dengan <i>ikhtisār</i>	Ringkas	13	6
bolehlah <i>mutāla'ah</i> di dalam tafsir.	Membaca	13	7

³⁵⁸ Abd. Rauf Dato' Haji Hassan et.al (2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu*, Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd. cet.1

Jadual 4.4, sambungan

Hendaklah <i>muwāfaqah</i> keduanya	Bersetuju	13	13
perempuan yang diwalikan itu <i>bikr</i>	Gadis	15	18
dan di <i>hajr</i> kan akan dia oleh qādi	Dilarang atau dihalangi	17	2
<i>hunthā mushkil</i>	Banci yang samar	17	7
dan <i>thābit</i> lah enggannya	Tetap	18	14
dengan izin yang <i>sārih</i>	Jelas, terang	22	1
perempuan itu ' <i>abdi</i> orang	Hamba	22	6
satu sahaja yang <i>mu'ayyan</i> bagi wali.	Ditentukan, tampak jelas	22	21
sahlah dijadikan <i>shahid</i> nya	Saksi	23	8
yang <i>munfarid</i>	Bersendirian	24	6
<i>Darajah</i> nya	Kedudukan	24	7
<i>judham</i>	Kusta	24	11
<i>Riq</i>	Hamba sahay	24	15
terlebih <i>afdal</i>	Utama	24	19
<i>'Iffah</i>	Kesucian	25	3
tukang <i>hammām</i>	Bilik mandi	25	7
laki-laki yang <i>fāqah</i>	Miskin	25	12
dijadikan <i>muhakkim</i>	Pemutus	25	20
<i>Tamma al-Kitāb fī Jadwal Hukm al-Nikāh</i>	Telah sempurna jadual kitab dalam hukum nikah	30	1

Nota: H: Halaman, B: Baris

Sumber: Kitab *Jadual Nikah*

Tidak hanya setakat kata-kata Arab yang tersisip dalam ayat, malahan kesan pola pembinaan ayat dalam bahasa Arab juga begitu tampak jelas di keseluruhan pola pembinaan ayat dalam bahasa Kitab *Jadual Nikah* ini, seperti contoh pola pembinaan ayat yang terdapat dalam pendahuluan kitab:

“ Adapun kemudian daripada itu, maka tatkala adalah pada tahun 1357 daripada hijrah Nabi SAW bergeraklah hati saya dan cenderunglah fikiran saya bahawa hendak memungut akan beberapa masalah soal jawap pada bicara hukum nikah”.³⁵⁹

Pola pembinaan ayat seumpama ayat diatas merupakan pola pembinaan ayat mengikut struktur bahasa Arab, sehingga yang tampak seakan-akan ianya merupakan terjemah *harfiyyah* (kata perkata) daripada ayat dalam bahasa Arab berikut:

"أما بعد، ففي سنة 1357 من هجرة النبي صلى الله عليه وسلم، شرع قلبي و مال فكري
أن يقتطف بعض المسائل التي تتكلم عن حكم النكاح".

³⁵⁹ *Kitab Jadual Nikah*, hal.2

4.3.3. Aspek Penggunaan Bahasa Klasik

Meskipun ejaan penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini telah menggunakan ejaan penulisan Arab-Jawi yang telah disempurnakan oleh Za'ba, namun demikian, ungkapan bahasa klasik masih cukup banyak didapati dalam Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini. Perkara ini berlaku seperti yang telah ditegaskan oleh Ure dan Ellis bahawa latar belakang sosial dan budaya termasuklah bahan bacaan seorang pengarang-akan mempengaruhi sesebuah teks yang dihasilkan oleh masyarakat.³⁶⁰

Banyaknya teks-teks bacaan dan rujukan yang masih menggunakan bahasa klasik ketika itu telah membawa kesan pula dalam ungkapan bahasa Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Ismail Mundu ini, yakni wujudnya bahasa-bahasa klasik dan juga kata-kata yang tidak lagi digunakan di masa kini. Beberapa contoh bahasa klasik dan kata-kata yang tiada lagi digunakan di masa kini tampak dalam jadual dibawah.

Jadual 4.5 : Penggunaan bahasa klasik dan kata-kata Melayu yang tiada lagi di gunakan dalam Kitab *Jadual Nikah*

Bahasa Klasik	Maksud	H	B
Barangseyogianya	Seyogia-nia: it is expedient (sewajarnya), it behoveth(sepatutnya, seharusnya). ³⁶¹	5	3
Syahdan	further (selanjutnya, di samping itu, tambahan lagi) . ³⁶²	5	8

³⁶⁰ Ellis, J dan Ure, J.(1969), *op.cit.*

³⁶¹ Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal. 197. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal. 139, 492.

³⁶² Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal 200. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal.591.

Jadual 4.5, sambungan

Mencucur	<i>to squirt</i> (memancutkan air) or <i>gush out</i> (menghamburkan, mencucurkan, meledakkan keghairahan) ³⁶³	6	16
Bermula	Pertama-tama, pada masa silam digunakan sebagai pembuka kata atau kata permulaan untuk sesuatu kisah, cerita atau peristiwa. ³⁶⁴	19	1,4
Sanya	Sebenarnya, sesungguhnya ³⁶⁵	24	11

Sumber: Kitab *Jadual Nikah*

Di samping penggunaan bahasa klasik, pengkaji juga telah menemukan penggunaan kata “maka” yang melampau kerap digunakan dalam Kitab *Jadual Nikah* ini. Sememangnya, kata “maka” ini di masa silam berfungsi sebagai kata penyambung ayat ke ayat, juga permulaan ayat terutamanya untuk menyampaikan arahan. Antara contoh penggunaan kata “maka” yang cukup kerap digunakan oleh Guru Haji Isma’il Mundu seperti dalam ungkapan di bawah:

“ Manakala enggan yang *aqrab* sebelum lagi tiga kali, maka hakim yang menikahkan dia, maka jika tiga kali disuruhnya maka berpindah kepada ab’ad. Jikalau mengkahwinkan oleh hakim kerana *ghaib* wali *aqrab*, maka nyata ia hadir maka tiada sah nikahnya, bermula wilayah yang am tiada boleh *mujbirkan* nikah, maka tiada boleh hakim mengkahwinkan kanak-kanak yang kecil.”³⁶⁶

Begitupun penggunaan kata “iaitu” sebagai sebuah kata ganti nama untuk menyebut diri sama ada saya, kamu dan juga benda, kerap kali digunakan secara melampau, penggunaan kata “iaitu” ini terkadang semakin membawa kesukaran untuk

³⁶³ Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal. 335. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal. 657 dan 1578.

³⁶⁴ Dato Haji Mahmud bin Haji Bakyr et.al (2003), *op.cit.* hal. 1828.

³⁶⁵ *Ibid*, hal. 2378.

³⁶⁶ Kitab *Jadual Nikah*, hal. 18-19.

memahami maksud yang dikehendaki. Perkara ini juga antara bukti yang lain daripada kesan gaya bahasa Arab terhadap karya-karya Melayu Nusantara yang menjadi ciri gaya bahasa karya Melayu klasik. Antara contoh penggunaan kata “iaitu” yang melampau dalam Kitab *Jadual Nikah* ini adalah seperti berikut:

“ Maka kaedahnya yang demikian itu, tiap-tiap dua orang perempuan yang antara keduanya *qarābāh* atau susuan yang tiada harus antara keduanya bernikah-nikahan, jika ditakdirkan salah seorang daripada keduanya laki-laki dan yang seorang perempuan, maka **iaitu** tiada harus dipermadukan dengan dia, dan jika harus keduanya bernikah-nikahan atas takdir yang demikian itu, maka **iaitu** harus dipermadukan. (*syahdan*)³⁶⁷ Diketahui daripada yang tersebut itu, tiada harus atas kita menikah tiap-tiap perempuan yang ditegahkan mempermadukan dia dengan isteri kita, melainkan sudah mati isteri kita atau sudah kita ṭalaq isteri kita dengan ṭalaq tiga, maka **iaitu** harus kita menikah dia, dan jikalau belum ‘*iddahnya* sekalipun, tetapi jika kita ṭalaq akan isteri kita dengan ṭalaq satu atau ṭalaq dua, maka **iaitu** tiada harus bagi kita perempuan itu, melainkan kemudian daripada sudah lalu ‘*iddah* isteri kita”³⁶⁸

³⁶⁷ Sahadān or shahadan: further (selanjutnya, di samping itu, tambahan lagi) . Lihat dalam William Marsden (1984), *op.cit.* hal 200. A.H. Jons et.al (2002), *op.cit.* hal.591.

³⁶⁸ *Kitab Jadual Nikah*, hal. 5

4.4. **Kesimpulan**

Daripada analisis aspek bahasa di atas tampak bahawa meskipun Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu telah mengikut sistem penulisan ejaan Jawi-Rumi Za'ba yang telah disempurnakan kaedah-kaedahnya, namun dari sudut penggunaan gaya bahasa masih mengikut gaya bahasa lama yang banyak dipengaruhi oleh gaya bahasa Arab dan kata-katanya, juga penggunaan bahasa-bahasa klasik melayu berikut kata-kata tertentu seperti kata “maka” atau “iaitu” yang kerap digunakan secara melampau.

Kenyataan ini boleh jadi di latar belakang oleh masa ketikamana Guru Haji Isma'il Mundu menuliskan Kitab *Jadual Nikah* telah berlalu jauh sebelum diterbitkannya kitab ini oleh *Maṭba'ah Islāmiyyah* 374 Viktoria Street Singapura, iaitu kurang lebih pada tahun 1358 H atau sekitar tahun 1937 M.

BAB KELIMA

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1. Pendahuluan

Melalui penjelasan yang dibuat dari bab satu hingga bab empat, pengkaji akan membuat kesimpulan terhadap beberapa aspek Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu yang boleh diketengahkan kepada masyarakat.

Oleh yang demikian pada bab ini pengkaji akan menyimpulkan secara menyeluruh terhadap pembahasan yang telah dilakukan oleh pengkaji bermula dari pendahuluan hinggalah kepada bab analisis kajian ini.

5.2. Kesimpulan

Daripada beberapa pembahasan sebelumnya, maka dapatlah diambil beberapa kesimpulan, antaranya adalah :

1. Perkahwinan di alam Melayu adalah antara perkara yang mengalami proses pembaharuan selepas kedatangan Islam. Berjayanya sistem perkahwinan Islam ini, tidak terlepas daripada pengaruh karya-karya ilmiah ulama Melayu dalam pelbagai bidang, terutamanya kitab-kitab yang menumpukan kajiannya secara khusus tentang perkahwinan dalam Islam.
2. Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu merupakan antara kitab Melayu yang telah cukup berjaya dalam membahaskan permasalahan perkahwinan ini. Kitab ini secara khas menumpukan kajiannya dalam perkara-perkara yang terkait dengan rukun-rukun nikah (*arkan al-Nikah*) seperti nikah dan

hukumnya, ijab qabul, wali, saksi, syarat seorang suami dan isteri, kufu dalam perkahwinan serta proses dalam perkahwinan.

3. Penulis Kitab *Jadual Nikah* ini adalah Guru Haji Isma'il Mundu, merupakan antara ulama yang cukup dikenali di kawasan nusantara secara khas dan di dunia Islam secara am. Persekitaran zaman yang penuh pergolakan dan cabaran samaada dalam aspek sosial, politik mahupun keilmuan telah membentuk keperibadian dan ketokohan beliau sebagai seseorang ulama yang memiliki jiwa kepedulian terhadap permasalahan zamannya.
4. Kepedulianya terhadap pelbagai permasalahan yang sedang berlaku, ia wujudkan dalam bentuk penulisan karya-karya ilmiah sama ada dalam bidang tafsir, fiqh, tauhid mahupun tasawuf, perkara ini dimaksudkan bagi menyebarkan pemahaman Islam yang benar dan komprehensif.
5. Antara sumbangan yang cukup cemerlang yang telah menjadi warisan khazanah keilmuan di kawasan nusantara ini adalah Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu. Meskipun kitab ini tergolong kitab yang ringkas, namun dengan kecerdasan dan ketelitian daripada Guru Haji Isma'il Mundu, ianya telah mengandungi pelbagai masalah-masalah perkahwinan yang diperlukan oleh para qadi secara khas dan umat Islam secara am.
6. Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini juga antara karya ulama Melayu yang telah ditulis berasaskan *worldview* Islam dengan mengikut kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip dalam syariah, berbanding bentuk karya-karya Melayu abad-abad sebelumnya yang lebih dipengaruhi oleh sistem adat dan bersesuaian dengan latar belakang masyarakat yang mengamalkan sistem sosial yang tertutup.

7. Metod pembahasannya ringkas dan komprehensif, sebab ianya merangkumi mana-mana pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i telah membuat kitab ini mudah dibaca dan dipahami oleh sesiapa yang hendak belajar.
8. Guru Haji Isma'il Mundu dalam penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini secara konsisten merujuk terus kepada kitab-kitab mazhab Syafi'i tanpa menyentuh percanggahan yang berlaku diantara para fuqaha dalam pelbagai permasalahan fiqh. Perkara ini dimaksudkan agar ianya lebih mudah dipahami dan juga diamalkan bagi masyarakat awam yang tidak mampu berfikir secara detail dan mendalam.
9. Antara kitab mazhab Syafi'i yang menjadi rujukan Guru Haji Isma'il Mundu dalam penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini adalah *Rauḍah al-Ṭālibīn* karya Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'umda al-Muftīn* karya Muhy al-Dīn Abī Zakariyyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Muhadhdhab fī fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* karya Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Fairuz abādī al-Shairāzī, *Fath al-Mu'min bi Sharh Qurrat al-'Āin bi Muhimmah al-Dīn* karya Zayn al-Dīn bin 'Abd al-'Azīz al-Malibārī, *al-Iqnā' fī Ḥall al-Fāz Abī shujā'* karya Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb.
10. Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu ini merupakan antara karya asal dan autentik daripada ulama Melayu Nusantara.
11. Teknik penulisan Kitab *Jadual Nikah* ini telah memadukan antara teknik *fatwa* (soalan-jawapan) dan juga deskriptif.

12. Teknik pengolahan jawapan dengan senarai nombor juga telah membawa kesan mudah, elok, sistematis dan komprehensif, sebab ianya merangkumi pelbagai masalah yang tercerai-cerai ke dalam satu jawapan yang ringkas.
13. Kitab *Jadual Nikah* ini juga telah menggunakan sistem penulisan ejaan yang lebih disempurnakan yakni sistem ejaan *Arab-Jawi Za'ba* yang telah mula dikenalkan pada tahun 1938 M.
14. Namun demikian, kesan gaya bahasa Arab dan juga bahasa-bahasa Melayu klasik masih cukup ramai ditemukan. Perkara ini boleh jadi di latar belakang oleh masa ketikamana Guru Haji Isma'il Mundu menuliskan Kitab *Jadual Nikah* telah berlalu jauh sebelum diterbitkannya kitab ini oleh *Matba'ah Islamiyyah* 374 Viktoria Street Singapura, iaitu kurang lebih pada tahun 1358 H atau sekitar tahun 1938 M, tahun di mana ejaan Jawi-Rumi Za'ba telah mula dikenalkan.
15. Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu merupakan kitab yang telah dikuatkuasakan menjadi enakmen rasmi sistem perkahwinan di Kerajaan Islam Kubu yang berada di bawah kekuasaan pemerintahan Belanda ketikaitu.

5.3. SARANAN

Di bawah ini disertakan serba sedikit saranan yang mungkin boleh diambil perhatian oleh pihak-pihak tertentu yang terlibat sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam bidang yang berkaitan dengan kajian penulis ini. antara saranan itu seperti berikut:

1. Pengkajian terhadap manuskrip perlu luas diperkenalkan kepada masyarakat umum kerana di dalamnya terdapat pelbagai jenis pengetahuan yang mempunyai nilai autoriti yang amat berharga.
2. Pihak-pihak yang terlibat seperti Perpustakaan Negara dan juga muzium perlulah mengadakan lebih banyak pameran dan juga persidangan berkenaan dengan manuskrip. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat agar dapat mengenali apakah sebenarnya manuskrip dan kepentingannya dalam kehidupan masyarakat.
3. Oleh kerana masalah perkahwinan ini erat hubungannya dengan *hifzu al-Nasl* (menjaga keturunan) yang menjadi salah satu objektif syariah Islam, dan juga bagi mengelakkan kesalahan-kesalahan dalam proses perkahwinan, pengkaji membahagikan cadangan saranan kepada pihak-pihak yang terkait terutama Kementerian Agama Republik Indonesia untuk dapat menerbitkan dan membahagikannya kepada masyarakat kaum muslimin secara percuma Kitab *Jadual Nikah* karya Guru Haji Isma'il Mundu yang telah dikaji ini. Sebagai cadangan penelitian lebih lanjut, pengkaji memberikan saranan agar isi kandungan Kitab *Jadual Nikah* ini cuba diperbandingkan dengan Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang dikuatkuasakan di Indonesia, untuk lebih melihat relevansinya secara kekinian dalam peta hukum Islam di Indonesia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid, Mohd. Saufi bin (1998), *Metode Kajian Kasih Sayang Suami Isteri: Satu Tumpuan Terhadap Kitab al-Nikah dalam Shahih Al-Bukhari*. Universiti Malaya: Kertas Projek, Jabatan Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam.
- Abdullah, Wan Mohd. Saghir (1991b), *Mengkaji Gaya Bahasa Dalam Kitab Furu' al-Masa'il Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, J.35 Bil.1, Januari.
- Abdul, Rahman Hasni (2003), *Manuskrip Tentang Nikah: Satu Transliterasi dan Analisis Teks*, Universiti Malaya: Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam.
- 'Ābidīn, Ibn (1423 H/2003 M), *Radd al-Mukhtār 'ala Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Absār*. al- Riyād: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Aḥmad, Īmām (1421 H/ 2001 M), *Musnad al-Imām Aḥmad*. Shu'aib al-Arna'ud et.al (edit). Cet.1, Beirut; Muassasah al-Risālah.
- Abd. Rahim, Rahimin Affandi (2002), *Pemikiran Reformis Melayu Semasa: Suatu Analisis*. Universiti Malaya: Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu, Anjuran Akademi Pengajian Melayu, pada 18 – 19bb Juni 2002.
- Ali, Abdul Karim (1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Anīs, Ibrāhīm et. al (1972), *al-Mu'jam al-Wasīf*. juz 2, Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- Attas, S.M. Naquib al- (1986), *Preliminary Statement on A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur
- (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moch. Andri et.al (2008), *Peta Tematik Kebudayaan dan Sejarah Pemerintahan Kalimantan Barat*. Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional Pontianak : Departemen Kebudayaan dan Pariwisata.
- Ayob, Ahmad Mahdzan (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Cet.2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azra, Azyumardi (2004), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Cet.3. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Badawi, Yusuf Ali (1996), *Asas-asas Kebahagiaan Rumah Tangga Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

- Babbie, Earl (1998), *The Basic of Social Research*. U.S.A.: Wadsworth Publishing Company.
- Baharom, Noresah bt. et.al. (2007), *Kamus Dewan Bahasa*. Cet. 4, Kuala Lumpur: Dawana Sdn.Bhd.
- Bakrī, Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Dimyātī al- (1415 H/1995M), *Ḥāshiah I'ānah al-Ṭālibīn 'Ala Hall Alfāz fatḥ al-Mu'im*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Bakyr, Dato Haji Mahmud bin Haji et.al (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Cet. 1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan.
- Balai Kajian sejarah dan nilai tradisional Pontianak (2006), *Identitas Melayu Ketapang*. Kalimantan Barat: Departemen Kebudayaan dan Pariwisata.
- Bānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al- (1419 H/1998M), *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dāwūd*. al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Barton et.al (1996), *Nahdlatul Ulama, Traditional Islam and Modernity In Indonesia*. Australia : Monash Asia Institute Monash University.
- Baṣrī, Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al- (1414 H/1994 M), *al-Ḥāwī al-Kabīr Fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'i*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Bughā, Muṣṭafā Adib al- (1409 H/1989 M), *al-Tadhhīb fī Adillah Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb*. Cet. 4, Beirut: Dār Ibn al-Kathīr.
- Bujairamī, Sulaimān bin Muḥammad bin 'Umar al- (1417 H/1997 M), *al-Bujairamī 'alā al-Khaṭīb al-Musammā Tuḥfah al-Ḥabīb 'Alā Sharḥ al-Khaṭīb al-Sharbmī*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Bukhārī al- (1400 H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, Cet. 1, Kaherah: al-Maktabah al-Salafiah.
- Dahlia (2009), “*Identifikasi Materi Pernikahan Kelas XI Semester 1 Madrasah Aliyah Dalam Kitab Jadual Nikah Soal Jawab Karya Syekh Isma'il Bin Abdul Karim Mufti Kerajaan Kubu Kalimantan Barat*”, kertas projek, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Jurusan Tarbiyah, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Pontianak.
- Daly, Peunoh (1988), *Hukum Perkahwinan Islam, Suatu Studi Perbandingan Dalam Kalangan Ahlus Sunnah dan Negara-Negara Islam*. Malaysia: Thinker's Library Sdn Bhd, cet. 5.
- Dāsūqī, Shams al-Dīn Muḥammad 'Arafah al-, *Ḥāshiah al-Dāsūqī 'Alā Sharḥ al-Kabīr*. Kaherah: 'Isa al- Bābī al -Halabī ihyā al-Kutub al-'Arabiyah.

- Dimashqī, Taqy al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusainī al- (1422 H/ 2001 M), *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥall Ghāyah al-Ikhtisār*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Dimashqī, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā ‘Ismā’īl bin al-Kathīr al- (1421 H/ 2000 M), *Tafsīr Ibn al-Kathīr*. cet. 1, Kaherah: Maktabah Ālu al-Syaikh li al-Turāth.
- Dimyaṭī, Syed Abū Bakr al- (1356 H/1938 M), *Hāshiyah I’ānah al-Ṭālibīn ‘Alā Ḥall al-fāz fatḥ al-Mu’īm*. cet.2, Mesir: Maṭba’al-Muṣṭafā al-Bānī al-Ḥalabī.
- Ellys Suryani, et.al (2001), *Sejarah Mempawah Dalam Cuplikan Tulisan*, Kabupaten Pontianak: Yayasan penulis 66 Kalimantan Barat, PD. Bina Ilmu Mempawah: Kalimantan Barat.
- Fashīnī, Aḥmad bin al-Ḥijāzī bin Badr al- (1399 H/1979 M), *Tuḥfah al-Habīb bi Sharḥ Nuḥum Ghāyah Wa al-Taqrīb*. cet. 2, Mesir: Maktabah wa Matba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī.
- Farrāj, Sayyid Aḥmad (1988 M), *Al-Zawāj wa Ahkāmuh fī Madhāhib Ahl al-Sunnah*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā’ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzī’.
- Fathurahman, Oman (2008), *Tarekat Shattariyah di Mingkabau; Teks dan Konteks*. Cet.1, Jakarta: Prenada Media Group.
- Ferman, Gerald S. And Levin, Jack (1975), *Sosial Science Research*. USA.
- Foulcher, Keith , et.al (2000), *Sumpah Pemuda :Makna & Proses Penciptaan Atas Sebuah Simbol Kebangsaan Indonesia*, Jakarta: Komunitas Bambu.
- Haddad, al-Habib Alwi bin Thahir al- (2001), *Sejarah Masuknya Islam di Timur Jauh*. Jakarta: Lentera.
- Hafiz, Abu Hassan Din al- (1999), *Krisis Rumah Tangga dan Cara Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Darul Nu’man.
- Hammām, Kamāl bin (1424 H/ 2003 M), *Sharḥ Fatḥ al-Qadīr*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Haithamī, Aḥmad Ibn Ḥajar al- (1357 H/ 1938 M), *Ḥawāshī Tuḥfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj ‘Alā Tuḥfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriah al-Kubrā.
- (1421 H/2001 M), *Tuḥfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhaj*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.

- Ḥanafī, Ibn ‘Abd al-‘Iz al- (1988), *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyah*. Cet. 9, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Hamdani, Said Abdullah al- (1988), *Risalah Nikah*. Pekalongan Indonesia: Raja Murah.
- Hamidy, Mu’ammal (1988), *Perkahwinan dan Persoalannya, Bagaimana Pemecahannya Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Nasional.
- Hassan, Abdullah Alwi (1979), “*Development of Administration of Islamic Law In Kelantan*”, Tesis M.Phil, University of Kent at Canterbury.
- Hassan, Abd. Rauf Dato’ Haji et.al(2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab, Bahasa Arab-Bahasa Melayu*, Cet.1, Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Ḥazm, Ibn (1351 H), *al-Muḥallā*. Mesir: Idārah al-Ṭibā’ah al-Munīriyah.
- Hussein, Ismail (1984), *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hj Yahaya, Mahayudin (2000), *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Abbas, H. M. Riva’i et.al (2008), *Biografi Guru Haji Isma’il Mundu Mufti Kerajaan Kubu*. Cet. 2, Pontianak: Kitara Creativision.
- H. Abbas, H. M. Riva’I. Temubual pada 27 Maret 2010.
- <http://www.Thabaraq.Com>, *Akulturasī Etnis Terjadi di Kubu*.
- Identitas Melayu Ketapang* (2006), Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Pontianak, : Departemen Kebudayaan dan Pariwisata.
- ‘Imrān Abī al-Ḥusain Yaḥyā bin Abī al-Khair bin Sālim al- (1421 H/2001 M), *al-Bayān fī Madhhab al-Shāfi’ī*, Qāsim Muḥammad al-Nūrī (tahqiq). Cet. 1, Beirut: Dār al-Minhaj.
- Indunīsī, ‘Abd al-Qadīr bin ‘Abd al-Muṭṭalib al- (1951), *Al-Khazā’in al-Saniyyah min Mashāhīr al-Kutub al-Fiqhiyyah li Aimmīnā al-Fuqahā al-Shāfi’iyyah*. Misr: Dār Miṣr li al-Ṭibā’ah.
- Ishak, Abdullah (1992), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*. Cetakan. 2, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Islam.
- Ismawati (2004), *Jaringan Ulama Kendal Abad ke 19 dan 20*. Jakarta: Disertasi Program Pasca Sarjana Ilmu Agama Islam, IAIN Syarif Hidayatullah.
- Ismail, Paizah Hj. et.al (2004), *Fiqh Malaysia : Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Cet. 2, Kuala Lumpur: al-Hikmah Sdn.Bhd.

- Islam In Asia*, Jerusalem, 1984, v. 11.
- Jazāiri, ‘Abd al-Raḥmān al- (1969), *Kitāb al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba’ah*, Misr: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubra.
- Jons, A.H. et.al (2002), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, Selangor Dar al-Ehsan: Elpos Print Sdn.Bhd.
- Jughaym, Naghmān (2007), *Madkhal ilā al-Madhhab al-Shāfi’ī Rijāluh wa kutubuh wa Muṣṭalahātuh*. Cet. 1, Malaysia: Markaz al-Buhūth, Al-Jāmi’ah al-Islāmiyah al-‘Ālamiyah.
- Kadri, Syarif Abdurrahman al- (2001), *Perspektif Sejarah Berdirinya Kota Pontianak*. Pemerintah Kota Pontianak.
- Kalimantan Barat Dalam Angka (Kalimantan Barat in Figures)* (2008), Provinsi Kalimantan Barat: Badan Pusat Statistik.
- Karim, Abd. Razak Ab. (2006), *Analisis Bahasa Dalam Kitab Tib Pontianak*. Cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khallāf, ‘Abd Wahhāb (1978), *’Ilm uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-‘Ilm.
- Khalid, Uthman bin et.al (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Cet.1, Selangor Dar al-Ihsan.
- Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī al- (1359 H/1940 M), *al-Iqnā’ fī Ḥall al-fāz Abī Shujā’*. Mesir: al-Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī
- , (1916 M), *al-Iqnā’ fī Ḥall Al-fāz Abī Shujā’*. al-Hind, al-Maṭba’ah al-Ḥusniyah.
- Korver A.P.E (1985), *Sarekat Islam: Gerakan Ratu Adil?*. Jakarta: Grafiti Pers.
- Kumpulan Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu, Melestarikan Manuskrip Melayu, Warisan Agung Bangsa* (2006), Cet. 1, Percetakan Watan Sdn, Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Maḥallī, Ḥusain bin Muḥammad al- (1416 H/ 1995 M), *al-Ifṣāh ‘An ‘Aqd al-Nikah ‘Alā al-Madhāhib al-Arba’ah*. Cet. 1, Suriyah: Dār al-Qalam al-‘Arabi.
- Majid, Mahmood Zuhdi Abdul (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- , “ *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia* “, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 17-18 Jun 1997 : Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Malibārī, Zayn al-Dīn bin ‘Abd al-‘Azīz al- (1424 H), *Fatḥ al-Mu’īn bi Sharḥ Qurrah al-‘āin bi Muhimmah al-Dīn*. Cet.2, al-Hind: Markaz Tau’iyah al-Fiqh al-Islāmī.
- Mardawī, Alaw al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Ḥasan al- (2004 M), *al-Inṣāf fi Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf*. Lubnan: Sharikah Bait al-Afkār al-Dauliyah.
- Marsden, William (1984), *A Dictionary and Grammar of The Malayan Language*, Singapore: Oxford University Press.
- Matheson et.al. (1988), *Jawi Litarature in Patani; The Maintenance of Islamic Tradition*. JMBRAS. Vol. 61, part. 1.
- Maqdīsī, Ibn Qudāmah al- (1417 H/ 1997 M), *al-Mughnī*. Cet. 3, al-Riyaḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al- (1414 H/1994 M), *al-Hāwī al-Kabīr*. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Mat Diah, Abdul Halim (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuludin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohamed, Salina Binti (2004), *Muhimmah; Transliterasi dan Analisis Teks*. Universiti Malaya: Disertasi, Pengajian Melayu.
- Mohd, Zulkifli bin (1990), *Tahqiq Kitab al-Nikah dari kitab al-Jawahir al-Sanniyyah* karya Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani , Universiti Malaya: Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam.
- Mohammad Sham, Abu Hassan (2004), *Syarahan Perdana, Ulama Nusantara: Antara Penghasilan Karya Kreatif dan Kitab Jawi*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohammad, Ali, (2008), *Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu Hingga Abad Ke 17M*. Universiti Malaya: *Journal of Al-Tamaddun*, 3.
- Muḥāmili, al-Qāḍī Abū al-Ḥasan Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Dābī al-, t.t.p., t.p., *al-Lubāb fī al-Fiqh al-Shāfi’ī*.
- Musa, Hashim (2006), *Some Studies On The Manuscript And Texts On Malay Sastera Kitab: A Brief Survey*. Jurnal Filologi Melayu, Jilid 14.
- (2003), *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (2006), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

- Mundu, Isma'il, *Kitab Jadual Nikah*, Singapura: Maṭba'ah Viktoria Street 347.
- Muslim (1929), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*. Ibn Ḥajar al-Asqalānī (edt.). cet. 1, Kaherah: Maṭba'ah Miṣriyah.
- Nagazumi, Akira (1989), *Bangkitnya nasionalisme Indonesia; Budi Utomo 1908-1918*, Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Noer, Deliar (1980), *Gerakan Moderen Islam di Indonesia*. Jakarta: LP3ES.
- Nawāwī, Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al- (1423 H/2003 M), cet. Khusus, *Rauḍah al-Ṭālibīn*. Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Su'ūdiyyah, Dār 'Alami al-Kutub.
- (1426 H/2006 M), *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥtāj*. cet. 1, Beirut: Dar al-Minhaj.
- (1347 H/ 1929 M), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, al-Azhar: al-Maṭba'ah al-Miṣriyyah.
- Ngah, Mohd Nor (1983), *Kitab Jawi; Islamic Thought Of The Malay Muslim Scholar*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Nurchayani, Lisyawati (1997), *Pendataan Sejarah Kerajaan Kubu Kabupaten Pontianak*. Pontianak: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional.
- Nursiah, M. (1999M), *Ajaran Tarekat Naqshabandiyah*. Lombok Timur, Percetakan Bintang Timur.
- Othman, Mohd Farhilmuhaimin Bin (2007), *Bab Munakahat Dalam Kitab Manḥatu al-Qarib al-Mujib Wa Mughni al-Raghibin Fi al-Taqrīb: Kajian teks da Transliterasi* Universiti Malaya: Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam.
- Pasha, Haji Mustapha Kamal (2000), *Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam; Dalam Prespektif Historis Dan Ideologis*. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam (LPPI).
- Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abū al-Abbās Aḥmad bin Hamzah bin Shihāb al-Dīn al- (1386 H/1967 M), *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. Cet. terakhir, Misr: Maktabah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Roff, William R. (1972), *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals*. London: Oxford University Press.
- Rushd, Ibn (1417 H/1997 M), *Bidāyah al-Mujtahid wa Kifāyah al-Muqtaṣid*. al-Manṣūrah: Maktabah al-Īman.
- Rastāqī, Muḥammad Sam'ī Syed 'Abd al-Raḥmān al- (1426H/2005M), *al-Qadīm wa al-Jadīd min Aqwāl al-Imām al-Shāfi'ī*. Cet.1, Beirut: Dār Ibn al-Ḥazm.

- Sābiq, Sayyid (1983), *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Sejarah Kesultanan dan Pemerintah Daerah* (2001), Pemerintah Kabupaten Sambas: Kalimantan Barat.
- Shaibah, Muṣṭafā ‘Abd al-Ghānī (2001), *Ahkām al-Ushrah fī Ahkām al-Shari’ah*. Cet. 1, Libya: Manshurat Jami’ah Sabhā.
- Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al- (1418 H/1997), *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifah Ma’ānī al-fāz al-Minhāj*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fairuz ābādī al- (1416 H/ 1996 M), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi’ī*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub Al-‘Ilmiyah.
- Shīrāzī, al, *al-Majmū’ sharḥ al-Muhadhdhab*, Jeddah : Maṭbah al-Irshād.
- Shāfi’ī, Muḥammad bin Idrīs al- (1422 H/2001 M), *al- Um*. Cet. 1, al-Manṣūrah: Dār al-Wafa’
- Shujā’, al-Qāḍī Abū (1415 H/1994 M), *Matn al-Ghāyah wa al-Taqrīb, Majid al-Ḥamwī (edt)*. Cet 2, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Steenbrink, Karel A. (1984), *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*. Jakarta: P.T.Bulan Bintang.
- Surahmad, Winarno (1990), *Pengantar Penelitian Ilmiah: Metode dan Tehnik*, Bandung: (T.P).
- Shamsu As, Muhammad (1999), *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya*, Cet.2, Penerbit Lentera , Jakarta.
- Saghir, Wan Abdullah (2000), *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara*. Jilid 3, Kuala Lumpur: khazanah Fataniyah.
- Shaqr, ‘Atiyah (2006), *Mausū’ah al-Ushrah Taḥta Ri’āyah al-Islām, Marāḥil Takwīm al-Ushrah*, cet. 2, juz 1, Maktabah Wahbah, Kaherah.
- Sūsī, Abū al-Ṭayyib Maulūd al-Sarīrī al- (1423H/2002M), *Mu’jam al-Uṣūliyyīn*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Taharin, Mashitah binti (2008), *Tesarus Bahasa Melayu Dewan*. cet.2, Selangor: Dawana Sdn.Bhd.
- Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Edisi 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- ‘Umairah, *et.al.* al- (1375 H/ 1956 M), *Hashiyatān ‘Alā Minhāj al-Ṭālibīn*. Mesir, Shirkah Maktabah wa Maṭba’ah Mustafa al- Bābī al- Halabī.
- ‘Umar, Sayyid ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Ḥusain bin (1418 H/1998 M), *Bughyah al-Mustarshidīn fī Talkhīs Fatāwā Ba’ḍ Aimmah min al-Ulāmā al-Mutaakhirīn*. Cet. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Umberan, Musni *et.al* (1993), *Pendataan Peninggalan Sejarah Keraton Kadriah Pontianak*. Kalimantan Barat: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Pontianak.
- Wan Yunus, Wan Zakiah binti (1996), *Penderhakaan Isteri Terhadap Suami, Satu Kajian Menurut al-Qur’an dan al-Sunnah*, Universiti Malaya: Kertas Projek, Jabatan Usuludin.
- Yahya, Mohammad Zaini bin *et.al.*(2001), *Penulisan Fiqh Sheikh Daud al-Fattani, Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patan*. Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand dengan kerjasama Persatuan Kakitangan Akademik, UKM dan Majlis Agama Islam Wilayah Patani, Thailand, 19-20 Mei.
- Yunus, H. Mahmud (1983), *Kamus Arab-Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah Pentafsiran al- Quran.
- Zuhrah, Muḥammad Abū (1957), *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*. Miṣr: Dār al-Fikr al-‘Arabī.